

**ANALISIS TRANSITIVITI
TEKS KESIHATAN DAN PENYAKIT
DALAM MAJALAH BAHASA MELAYU**

THAVAMANI A/P THAMBY DORAI

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**ANALISIS TRANSITIVITI
TEKS KESIHATAN DAN PENYAKIT
DALAM MAJALAH BAHASA MELAYU**

THAVAMANI A/P THAMBY DORAI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: THAVAMANI A/P THAMBY DORAI

No. Pendaftaran/Matrik: TGC120019

Nama Ijazah: SARJANA LINGUISTIK

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

ANALISIS TRANSITIVITI
TEKS KESIHATAN DAN PENYAKIT
DALAM MAJALAH BAHASA MELAYU

Bidang Penyelidikan: ANALISIS WACANA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama: DR SRIDEVI SRINIWASS

Jawatan: PENSYARAH KANAN

JABATAN BAHASA INGGERIS
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian Linguistik Sistemik Fungsional terhadap Sistem Transitiviti dalam teks kesihatan dan penyakit. Objektif kajian ini adalah mengkaji teks kesihatan dan penyakit melalui Sistem Transitiviti untuk membangunkan makna ideasional. Berdasarkan tinjauan kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa Melayu adalah sangat terhad. Maka, kajian ini dijalankan untuk merapatkan jurang penyelidikan terhadap Sistem Transitiviti dalam teks kesihatan dan penyakit bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk analisis kualitatif (Flick, Uwe, 2006:312, dan Dornyei, 2007:245). Data yang digunakan dalam kajian ini adalah sembilan teks kesihatan dan penyakit yang dipetik daripada tiga majalah bahasa Melayu iaitu „Wanita, „Mingguan Wanita“ dan „Seri Dewi Keluarga“. Kajian ini menggunakan kerangka teori Sistem Transitiviti yang berdasarkan Linguistik Sistemik Fungsional Halliday (Halliday dan Matthiessen, 2014). Dapatan kajian ini menunjukkan Proses Material dan pesertanya, Aktor dan Goal mendominasi dalam data kajian dimana 65% Proses Material, 33% Peserta *Goal* dan 22% Peserta *Actor*. Proses Material digunakan secara luas untuk menyatakan akibat yang dibawa oleh sesuatu penyakit dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk merawatnya. Kebanyakan penyakit mewakili Peserta *Actor* manakala, akibat yang dibawanya pula mewakili Peserta *Goal*. Kehadiran Sirkumstan Lokasi adalah lebih tinggi dalam data kajian berbanding dengan Sirkumstan yang lain dimana sebanyak 31%. Ia digunakan untuk menggambarkan tempat berlakunya sesuatu masalah dalam badan manusia akibat penyakit. Akhirnya, kajian ini akan memberikan manfaat kepada penulis jurnal dan pembaca dengan memberikan pendedahan untuk memahami makna-makna ideasional yang terkandung dalam teks serta amat berguna kepada bidang Linguistik dan untuk bahasa Melayu. Memandangkan hakikat bahawa kekurangan kajian mengenai bahasa Melayu, maka kajian terkini ini memberikan keutamaan kepada analisis bahasa Melayu dari sudut Linguistik Sistemik Fungsional (LSF) yang berfokus pada analisis Transitiviti. Diharapkan bahawa kajian lanjutan akan dijalankan ke atas aspek LSF yang berlainan juga.

Kata kunci: **Transitiviti, Teks Kesihatan dan Penyakit.**

ABSTRACT

This current study is about a Systemic Functional Linguistics analysis of the System of Transitivity in Malay health and disease texts. The study aimed to explore ideational meanings created in health and disease texts through the System of Transitivity. Based on the literature review findings, the analysis of Transitivity on the Malay language is extremely limited. Therefore, the current study intends to fill the research gap by exploring the System of Transitivity in Malay health and disease texts. The current study is a qualitative content analysis study (Flick, Uwe, 2006:312, dan Dornyei, 2007:245). Data used in this study contains nine health and disease texts that were extracted from three Malay magazines which are „Wanita“, „Mingguan Wanita“ and „Seri Dewi Keluarga“. This study was carried out deploying Halliday’s Systemic Functional Linguistic framework for the System of Transitivity. (Halliday & Matthiessen, 2014). The findings indicate that Material Processes and Participants of Material Processes, Actor and Goal dominate in the data with 65% Material Process, 33% Goal and 22% Actor. Material Processes are primarily used to state the consequences of a particular disease and the steps that should be taken to treat them. Most diseases are represented as Actor and the consequence carried by the disease is represented by Goal. The presence of Circumstance of Location is higher in the data compared to all the other circumstances which is 31%. It is used to describe which part of the human body is diseased. Finally, this study is of benefit to writers of journal articles and readers by providing some exposure towards an understanding of ideational meanings that are contained in the text and are useful to the field of Linguistics and the Malay language. Considering the fact that there is lack of studies on the Malay language from a theoretical point of view, the current study has given prominence to the analysis of the Malay language from a Systemic functional Linguistic (SFL) point of view, focussing on a Transitivity analysis. It is hoped that further studies will be carried out on other aspects of SFL as well.

Key word: Transitivity, Health and Disease Text.

JADUAL KANDUNGAN

Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Senarai Gambar Rajah	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Simbol dan Singkatan	xiv
Senarai Lampiran.....	xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.2.1 Linguistik Sistemik Fungsional dalam Bahasa Melayu	2
1.2.2 Teks Kesihatan dan Penyakit Sebagai Alat Mendedahkan Kesedaran	4
1.2.3 Penulisan Kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa Melayu.....	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Organisasi Bab	8
1.8 Penutup	8

BAB 2 : LITERATUR KAJIAN

2.0	Pengenalan	10
2.1	Linguistik Sistemik Fungsional	10
2.1.1	Metafungsi Bahasa	13
2.1.1.1	Metafungsi Interpersonal	14
2.1.1.2	Metafungsi Teksual	15
2.1.1.3	Metafungsi Ideasional	15
2.2	Sistem Transitiviti	16
2.2.1	Kajian sistem Transitiviti dalam Bahasa Inggeris	19
2.2.2	Kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa lain	26
2.2.2.1	Bahasa Sunda	26
2.2.2.2	Bahasa Indonesia	27
2.2.2.3	Bahasa Cina	28
2.2.2.4	Bahasa Iran	29
2.2.2.5	Bahasa Sepanyol	29
2.3	Kajian relevan dengan Majalah Bahasa Melayu	30
2.3.1	Kajian Sistem Transitiviti dalam majalah	31
2.4	Penutup	32

BAB 3 : KERANGKA TEORI KAJIAN

3.0	Pengenalan	34
3.1	Kerangka Teori Kajian : Sistem Transitiviti	34
3.2	Jenis Proses dan Peserta	36
3.2.1	Proses Material	37

3.2.2	Proses Mental	40
3.2.3	Proses Relasional	42
3.2.4	Proses Perilaku	45
3.2.5	Proses Verbal.....	46
3.2.6	Proses Eksistensial	48
3.3	Elemen Sirkumstan	50
3.3.1	Sirkumstan Rentang (<i>Extent</i>)	50
3.3.2	Sirkumstan Lokasi (<i>Location</i>).....	51
3.3.3	Sirkumstan Cara (<i>Manner</i>).....	52
3.3.4	Sirkumstan Penyebab (<i>Cause</i>)	53
3.3.5	Sirkumstan Lingkungan (<i>Contingency</i>).....	55
3.3.6	Sirkumstan Penyerta (<i>Accompaniment</i>)	56
3.3.7	Sirkusmstan Peranan (<i>Role</i>)	57
3.3.8	Sirkumstan Perihal (<i>Matter</i>)	58
3.3.9	Sirkumstan Pandangan (<i>Angle</i>)	58
3.4	Kerangka Teori untuk Menganalisis Data : Panduan untuk Mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peserta	61
3.5	Penutup	64

BAB 4 : METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	65
4.1	Deskripsi Data	65
4.2	Reka Bentuk Kajian	68
4.2.1	Langkah 1 – Mentransformasikan teks secara elektronik dan Melabelkan data.....	69

4.2.2	Langkah 2 – Menganalisis Data Berdasarkan Transitiviti dan Mengkuantifikasi Hasil Dapatan Kulitatif.....	72
4.2.3	Langkah 3 – Menginterpretasi Data Kualitatif.....	76
4.3	Sampel Analisis	77
4.4	Penutup	79

BAB 5 : ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan	80
5.1	Analisis Data dan Perbincangan Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	81
5.1.1	Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Teks Kesihatan dan Penyakit.	81
5.1.2	Kehadiran Elemen Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit....	84
5.1.3	Perbincangan Penganalisisan Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit.....	87
5.1.3.1	Proses Material dalam Data	87
5.1.3.2	Proses Relasional dalam Data	90
5.1.3.3	Proses Mental dalam Data	93
5.1.3.4	Proses Verbal dalam Data	96
5.1.3.5	Proses Perilaku dalam Data	100
5.1.3.6	Proses Eksistensial dalam Data	102
5.1.3.7	Contoh-Contoh Jenis Proses yang Ditemui dalam Data Kajian	104
5.2	Analisis Data dan Perbincangan Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	105
5.2.1	Kehadiran Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	105
5.2.2	Perbincangan Penganalisisan Elemen Sirkumstan Teks Kesihatan dan Penyakit.....	107

5.2.2.1	Sirkumstan Lokasi dalam Data	107
5.2.2.2	Sirkumstan Penyebab dalam Data	109
5.2.2.3	Sirkumstan Cara dalam Data	111
5.2.2.4	Sirkumstan Lingkungan dalam Data	112
5.2.2.5	Sirkumstan Perihal dalam Data	114
5.2.2.6	Sirkumstan Rentang dalam Data	116
5.2.2.7	Sirkumstan Penyerta dalam Data	118
5.2.2.8	Sirkumstan Peranan dalam Data	119
5.2.2.9	Sirkumstan Pandangan dalam Data.....	121
5.2.2.10	Petanda- Petanda Nahu bagi Mengenal pasti jenis Sirkumstan	123
5.3	Perbincangan Pembangunan Makna Ideasional dalam Teks Kesihatan dan Penyakit.....	124
5.4	Penutup.....	133

BAB 6 : PENUTUP

6.0	Pengenalan.....	135
6.1	Rumusan Hasil Kajian Utama.....	135
6.1.1	Kehadiran Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit.....	136
6.1.2	Kehadiran Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	137
6.1.3	Pembangunan Makna Ideasional dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	138
6.2	Implikasi Dapatan Kajian	140
6.3	Saranan Kajian Masa Depan.....	142
6.4	Penutup.....	143

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 2.1 : Sistem Transitiviti (Eggins, 1994:228)	18
Rajah 3.1 : Unsur Transitiviti berdasarkan Halliday dan Matthiessen	35
Rajah 3.2 : Jenis- Jenis Proses (Halliday & Matthiessen, 2014 :216).....	36
Rajah 3.3 : Kategori Proses Relasional.....	43
Rajah 4.1 : Langkah-Langkah Menganalisis Data.....	69
Rajah 5.1 : Peratus Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Data.....	83
Rajah 5.2 : Peratus Kehadiran Jenis-Jenis Peserta dalam Data.....	85
Rajah 5.3 : Peratus Kehadiran Elemen Sirkumstan dalam Data.....	106

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 : Definisi Metafungsi dan Fungsinya (Halliday & Matthiessen, 2002:61)	14
Jadual 2.2 : Definisi Sistem Transitiviti dalam Linguistik Sistemik Fungsional	17
Jadual 3.1 : Kelas Kumpulan dan Frasa (Halliday & Matthiessen, 2014)	36
Jadual 3.2 : Jenis Proses dan Maknanya serta Elemen Peserta (Halliday & Matthiessen, 2014:311)	37
Jadual 3.3 : Kata Kerja Proses Mental (Halliday & Matthiessen 2014:257)...	40
Jadual 3.4 : Sirkumstan Rentang (Halliday & Matthiessen 2014:315)	51
Jadual 3.5 : Sirkumstan Lokasi (Halliday & Matthiessen 2014:315)	51
Jadual 3.6 : Kategori Sirkumstan Cara (Halliday & Matthiessen 321:2014)...	52
Jadual 3.7 : Kategori Sirkumstan Penyebab (Halliday & Matthiessen 322:2014).....	54
Jadual 3.8 : Kategori Sirkumstan Penyerta (Halliday & Matthiessen 2014:324)	56
Jadual 3.9 : Jenis-Jenis Elemen Sirkumstan (Halliday & Matthiessen 2014:313)	59
Jadual 3.10 : Kerangka Teori untuk Menganalisis Data : Panduan Untuk Mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peserta.....	61
Jadual 4.1 : Muka Depan majalah dari bulan Mac 2016 hingga Mei 2016....	66
Jadual 4.2 : Teks Kesihatan dan Penyakit dari bulan Mac 2016 hingga Mei 2016	67
Jadual 4.3 : Data Kajian	69
Jadual 4.4 : Label Teks.....	71
Jadual 4.5 : Perlbelan dalam Data Kajian	71
Jadual 4.6: Label Singkatan Elemen-Elemen Transitiviti yang Digunakan untuk Menganalisis Data	73

Jadual 4.7 : Simbol yang Digunakan untuk Penganalisisan Data	74
Jadual 4.8 : Penganalisisan Data.....	75
Jadual 5.1 : Jumlah Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	82
Jadual 5.2 : Jumlah Kehadiran Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit..	84
Jadual 5.3 : Contoh-Contoh Peserta yang Ditemui dalam Data Kajian	87
Jadual 5.4 : Kehadiran Proses Material dalam Setiap Teks	88
Jadual 5.5 : Kehadiran Proses Relasional dalam Setiap Teks	91
Jadual 5.6 : Kehadiran Proses Mental dalam Setiap Teks	94
Jadual 5.7 : Kehadiran Proses Verbal dalam Setiap Teks	97
Jadual 5.8 : Kehadiran Proses Perilaku dalam Setiap Teks	100
Jadual 5.9 : Kehadiran Proses Eksistensial dalam Setiap Teks	102
Jadual 5.10 : Contoh-Contoh Jenis Peserta yang Ditemui dalam Data Kajian..	104
Jadual 5.11: Jumlah kehadiran Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit	105
Jadual 5.12 : Petanda Nahu Sirkumstan	123

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

Contoh :

- LSF : Linguistik Sistemik Fungsional
- Pro Mat : Proses Material
- Pro Men : Proses Mental
- Pro Rel : Proses Relational
- Pro Ver : Proses Verbal
- Pro Bhv : Proses Behavioral
- Pro Ex : Proses Existential
- [] : Klausula *Embeded*
- () : Kata Bantu

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Teks Asli Data Kajian.....	149
Lampiran B : Data Mentah Kajian.....	159
Lampiran C : Analisis Teks untuk Keseluruhan Data	180

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini bertajuk “*Analisis Transitiviti Teks Kesihatan dan Penyakit dalam Majalah Bahasa Melayu*” yang mengkaji Sistem Transitiviti berdasarkan Linguistik Sistemik Fungsional dalam teks kesihatan dan penyakit yang dipetik daripada tiga majalah bahasa Melayu.

Bab ini dimulakan dengan latar belakang kajian yang membincangkan tentang bidang kajian ini. Seterusnya diteruskan dengan permasalahan kajian yang membincangkan tujuan kajian ini dijalankan. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan organisasi bab. Bab ini diakhiri dengan penutup.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah mengenai Sistem Transitiviti berdasarkan teori Halliday dan Matthiessen (2014) yang digunakan untuk mengkaji tiga majalah bahasa Melayu yang bertajuk „Wanita“, „Mingguan Wanita“ dan „Seri Dewi Keluarga“.

Halliday telah memgembangkan pendekatan Linguistik Sistemik Fungsional terhadap bahasa dan memperkenalkan sebuah set sistem tatabahasa untuk merealisasikan fungsi bahasa yang dikenali sebagai metafungsi yang mempunyai tiga jenis metafungsi bahasa. Antara metafungsi bahasa tersebut adalah metafungsi interpersonal, metafungsi

ideasional dan metafungsi teksual (Halliday dan Matthiessen, 2014). Daripada ketiga-tiga metafungsi yang disebutkan kajian ini hanya berfokus kepada metafungsi ideasional. Sistem Transitiviti merupakan salah satu bahagian dalam metafungsi ideasional. Sistem Transitiviti ialah sistem gramatikal yang mengkaji struktur ayat dengan mewakili makna ideasional. Sistem ini merealisasikan makna pengalaman melalui tiga elemen iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Dalam kajian ini Sistem Transitiviti diaplikasikan dalam teks kesihatan dan penyakit.

Teks kesihatan dan penyakit merujuk kepada teks yang memberikan pendedahan tentang kesihatan dan penyakit kepada masyarakat bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, aplikasi Sistem Transitiviti dalam teks kesihatan akan meneliti makna-makna ideasional yang terkandung dalam teks-teks yang dikaji.

1.2 Permasalahan Kajian

1.2.1 Linguistik Sistemik Fungsional dalam Bahasa Melayu

Secara umumnya, pendekatan Linguistik Sistemik Fungsional telah digunakan secara meluas dalam Bahasa Jermanik Barat, akan tetapi, penggunaannya dalam kajian bahasa Austronesia pula adalah sangat terhad. Bahasa Inggeris merupakan cabang daripada keluarga bahasa Jermanik Barat (Crystal, 2007:376) manakala bahasa Melayu pula adalah cabang daripada keluarga bahasa Austronesia (Asmah, 2003:35). Didapati juga bahawa teori-teori tatabahasa kurang diterokai dalam kajian yang melibatkan bahasa Melayu. Yuen Sze Wan (2013) dan Dia Widyawati Amat (2015) merupakan antara dua kajian Linguistik Sistemik Fungsional yang ditemui terhadap bahasa Melayu.

Oleh sebab kajian ini adalah berdasarkan Sistem Transitiviti, beberapa kajian mengenai Sistem Transitiviti dibincangkan dalam bahagian ini untuk menunjukkan permasalahan kajian ini dengan lebih jelas. Antara kajian-kajian Sistem Transitiviti yang terkini terhadap bahasa Inggeris ialah kajian Sridevi Sriniwass (2014) yang mengkaji Transitiviti dalam genre kitab agama iaitu „Mahabharata“ dan juga kajian yang dijalankan oleh Zheng, Yang dan Ge (2014) yang mengkaji Transitiviti dalam genre artikel serta Afrianto dan Zuhud (2014) yang mengkaji Transitiviti dalam genre sajak.

Selain daripada bahasa Inggeris, terdapat beberapa kajian Transitiviti yang diterbitkan dalam bahasa lain. Antaranya adalah kajian Eva Tuckyta (2012) yang menganalisis Sistem Transitiviti dalam bahasa Sunda. Manakala, Sulaiman Rambe (2014) pula mengkaji Sistem Transitiviti dalam bahasa Cina. Selain itu, kajian Abbas Ali dan Ali Asghar bersama dengan Alizamen (2014) pula telah mengkaji Sistem Transitiviti dalam bahasa Iran, begitu juga Natalia dan Ignatjeva. Di samping itu juga, Daniel Rodriguez (2015) turut mengkaji Sistem Transitiviti dalam bahasa Sepanyol dan Umar Fauzan (2015), Wayan Rasna (2015), Umar (2015) pula mengkaji Sistem Transitiviti dalam bahasa Indonesia. Penerangan yang lebih lanjut tentang tinjaun kajian-kajian lepas akan dibincangkan dalam bab 2 kemudian.

Berdasarkan kajian-kajian di atas jelas difaham bahawa Sistem Transitiviti dalam kajian bahasa Melayu adalah sangat terhad. Hal ini menunjukkan bahawa, penyelidikan mengenai Sistem Transitiviti dalam bahasa Melayu berdasarkan perspektif Lingusitik Sistemik Fungsional masih lagi baharu dan amat diperlukan. Oleh itu, hal ini, menjadi pendorong bagi pengkaji untuk menganalisis Sistem Transitiviti dalam bahasa Melayu.

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk merapatkan jurang penyelidikan dalam analisis Sistem Transitiviti bahasa Melayu. Penganalisisan Sistem Transitiviti berdasarkan elemen-elemennya dalam teks bahasa Melayu akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai analisis teks bahasa Melayu. Antara elemen dalam Sistem Transitiviti adalah jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Dalam kajian ini, teks bahasa Melayu dianalisis berdasarkan ketiga-tiga elemen yang telah dinyatakan untuk mengenal pasti peranannya dalam memberi makna sebenar.

1.2.2 Teks Kesihatan dan Penyakit Sebagai Alat Mendedahkan Kesedaran

Tema kesihatan dan penyakit dipilih dalam kajian ini adalah kerana, apa yang dapat dilihat pada masa kini semakin hari bilangan pesakit semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Kurangnya kesedaran terhadap sesuatu penyakit merupakan salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan bilangan pesakit. Oleh itu, penulis-penulis perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam usaha untuk memupuk kesedaran individu khususnya dan masyarakat amnya tentang sesuatu penyakit melalui penghasilan teks-teks yang bermakna. Penulis-penulis juga perlu menggunakan perkataan yang sesuai dalam pembentukan ayat pada sesuatu teks yang dihasilkan.

Sehubungan dengan itu, analisis Transitiviti dalam kajian ini akan memberikan pendedahan kepada penulis mengenai kewujudan elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan dalam sesuatu ayat yang akan mempengaruhi penghasilan makna dalam teks. Analisis kajian ini juga diharap agar dapat membuka minda para pembaca untuk memahami makna ideasional yang ingin disampaikan oleh

penulis dalam sesuatu ayat dengan lebih berkesan. Dengan itu, objektif penghasilan sesuatu teks akan tercapai.

1.2.3 Penulisan Kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan tinjauan kebanyakan penulisan kajian mengenai Sistem Transitiviti adalah dalam Bahasa Inggeris. Maka hal ini juga mendorong pengkaji untuk memilih bahasa Melayu untuk menulis kajian ini. Secara tidak langsung, kajian ini juga turut memberikan sumbangan kepada bahasa Melayu.

Berdasarkan permasalahan kajian ini, tiga objektif kajian yang disebutkan tadi telah digubal untuk menyatakan hala tuju kajian ini yang akan dibincangkan pada tajuk berikutnya.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, Sistem Transitiviti dipilih sebagai alat untuk mengkaji bagaimana makna sebenar disampaikan melalui teks kesihatan dan penyakit. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen Sistem Transitiviti yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit. Jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan merupakan elemen semantik dalam Sistem Transitiviti. Sementara itu, objektif kajian ini juga adalah menganalisis bagaimana Sistem Transitiviti memainkan peranan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk membangunkan makna ideasional.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- 1) Apakah jenis-jenis Proses dan Peserta yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu ?
- 2) Apakah jenis-jenis Sirkumstan yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?
- 3) Bagaimanakah makna ideasional dibangunkan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi manfaat kepada para pembaca dalam memahami teks kesihatan dan penyakit dengan lebih jelas. Kajian ini juga, membuka minda para pembaca dalam mengenal pasti dan memahami kehadiran elemen-elemen Transitiviti serta peranannya dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Pemahaman pembaca, terutamanya pesakit mengenai penggunaan pilihan kata dan pembentukan struktur ayat dalam teks akan menyampaikan makna sebenar yang dibangunkan dalam sesuatu teks. Dengan itu, para pembaca dapat memahami makna keseluruhan yang ingin disampaikan dalam sesuatu teks.

Majalah memainkan peranan besar dalam mendedahkan maklumat kepada masyarakat. Oleh itu, teks yang terdapat dalam majalah perlu disampaikan dengan jelas kepada para pembaca. Kajian ini memberi manfaat kepada para penulis dalam

menghasilkan teks kesihatan dan penyakit yang memberi kesan kepada pembaca. Penganalisisan Sistem Transitiviti dalam kajian ini memberikan pendedahan kepada para penulis bahawa penggunaan struktur ayat amat penting dalam membangunkan makna tertentu.

Contoh-contoh yang dikenal pasti bagi jenis-jenis Proses dan petanda-petanda yang dikenal pasti untuk mengidentifikasi elemen Sirkumstan dalam kajian ini disamping membantu pengkaji akan datang untuk merujuknya sewaktu penganalisisan. Penganalisisan elemen-elemen Sistem Transitiviti adalah sedikit berbeza antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu. Diharapkan agar kajian ini dapat menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang memilih bidang kajian ini.

Dalam pada itu, kajian ini juga memberikan sumbangan kepada teori Linguistik Sistemik Fungsional dan juga untuk bahasa Melayu. Ini kerana kajian mengenai Sistem Transitiviti adalah sangat terhad dalam bahasa Melayu dan amat diperlukan. Aplikasi Sistem Transitiviti dalam bahasa Melayu menganalisis struktur pembentukkan ayat berdasarkan perkataan-perkataan tertentu dan menonjolkan makna-makna ideasional yang terkandung dalam teks. Dengan itu kajian ini memberikan pendedahan tentang analisis struktur pembentukkan ayat bahasa Melayu berdasarkan Sistem Transitiviti.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan Linguistik Sistemik Fungsional yang hanya berfokus pada Sistem Transitiviti berlandaskan teori Halliday dan Matthiessen (2014). Analisis Transitiviti diaplikasikan pada teks yang bertema kesihatan dan penyakit daripada tiga majalah berbahasa Melayu yang berkategori Fesyen dan Kecantikan Wanita sahaja

iaitu Wanita, Mingguan Wanita dan Seri Dewi Keluarga. Majalah-majalah tersebut dikutip dalam tempoh 3 bulan secara berterusan iaitu bulan Mac, April dan Mei 2016. Kajian ini berfokus pada pendekatan fungsional iaitu pada penggunaan bahasa. Dengan itu, kajian ini meneliti ayat-ayat yang utama (*running text*) sahaja pada teks kesihatan dan penyakit untuk menganalisis makna ideasional yang terkandung dalam teks berdasarkan elemen-elemen Sistem Transitiviti. Kajian ini tidak menganalisis gambar-gambar dan teks dalam kotak yang berasingan kerana ia tidak termasuk dalam skop kajian ini.

1.7 Organisasi Bab

Kajian ini terbahagi kepada lima bab. Bab pertama merupakan bab yang menceritakan tentang pengenalan kajian. Seterusnya, Bab 2 akan membincangkan mengenai tinjauan kajian dan kerangka teori yang digunakan untuk menjalankan kajian ini iaitu Sistem Transitiviti. Manakala, Bab 3 pula adalah mengenai metodologi kajian yang akan digunakan sepanjang kajian dijalankan dan Bab 4 pula merupakan perbincangan mengenai hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan. Bab terakhir, Bab 5 adalah bab yang menyatakan kesimpulan yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan, juga disertakan saranan dan cadangan untuk kajian-kajian lain di masa hadapan.

1.8 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan gambaran secara umum mengenai kajian yang dijalankan dengan menyatakan beberapa perkara yang terlibat seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, dan juga kaedah kajian diorganisasi. Bab seterusnya adalah

perbincangan mengenai literatur kajian yang membahas mengenai kajian-kajian yang relevan dengan kajian yang dijalankan ini.

University of Malaya

BAB 2

LITERATUR KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tinjauan literatur yang relevan dengan kajian yang dijalankan dan dimulakan dengan sejarah dan pengertian Linguistik Sistemik Fungsional daripada pelbagai pakar bahasa. Seterusnya diikuti dengan tinjauan kajian-kajian yang berkaitan dengan Sistem Transitiviti dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Sunda, bahasa Sepanyol, bahasa Iran, bahasa Cina dan bahasa Indonesia. Data bagi kajian ini dipetik daripada genre majalah. Maka, perbincangan dalam bab kedua ini juga merangkumi kajian-kajian yang relevan dengan majalah. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan ringkas pada penutup.

2.1 Linguistik Sistemik Fungsional

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Lingusitik Sistemik Fungsional (LSF) yang dikemukakan oleh Halliday. LSF atau dikenali sebagai *Systemic Functional Linguistics* (SFL) dalam bahasa Inggeris merupakan sejenis model yang membantu untuk mengkaji bagaimana perkataan dibentuk untuk menyampaikan makna. Selain itu, LSF juga merupakan teori yang mengaitkan bahasa dan konteksnya. Seterusnya, LSF berfungsi dalam menganalisis sesuatu ayat atau klausa secara terperinci dalam bahasa.

Linguistik Sistemik Fungsional dikembangkan oleh Michael Halliday pada tahun 1960-an. Beliau merupakan salah seorang professor linguistik terkemuka dari Universiti Sydney, Australia. Pada mulanya teori LSF Halliday digambarkan dengan menggunakan

bahasa Cina yang merupakan bahasa pertama yang dikaji oleh Halliday secara terperinci. Setelah itu, beliau mengaplikasinya dalam kajian beliau terhadap bahasa Inggeris.

Teori ini berkembang di Inggeris dan menjadi sangat pesat selepas pembukaan Jabatan Linguistik di Universiti Sydney pada tahun 1976. „*An Introduction to Functional Grammar*“ merupakan sebuah buku terbitan Halliday yang julung kali dihasilkan pada tahun 1985 (Halliday 1985) dan diikuti dengan terbitan kedua pada tahun 1994 (Halliday 1994). Manakala, edisi ketiga pula diterbit pada tahun 2004 yang juga berkolaborasi bersama Matthiessen (Halliday & Matthiessen 2004) dan seterusnya edisi keempat yang juga merupakan edisi terkini diterbitkan pada tahun 2014 bersama-sama Matthiessen (Halliday & Matthiessen 2014). Halliday dalam bukunya “*An Introduction Functional Grammar*” (1985, 1994, 2004, 2014) telah memberi gambaran keseluruhan mengenai teori sistemik dan juga turut mendemonstrasikan bagaimana teknik sistemik dapat diaplikasikan dalam menganalisis teks. Pelbagai topik yang dipelopori oleh Halliday seperti sistem semiotik, genre, *register* (laras), teks, kohesi, nahu genera sains dan sebagainya.

Sejak dari tahun 1980, teori sistemik telah dikembangkan dalam pelbagai bidang seperti perkembangan bahasa kanak-kanak, analisis wacana, pendidikan bahasa dan ilmu gaya bahasa. Pendekatan LSF juga telah digunakan dalam kajian pelbagai bahasa dan teks. Ia dapat dibuktikan dengan pernyataan Halliday tentang LSF di mana beliau menyatakan LSF sebagai “*sensible and useful things about any text, spoken or written in modern English*” (Halliday, 1994:xv). Ia bermaksud Linguistik Sistemik Fungsional adalah sistem yang digunakan untuk memahami dan menyatakan sesuatu berguna tentang apa jua teks sama ada pertuturan atau penulisan dalam bahasa Inggeris modern.

Selain bahasa Inggeris, teori LSF juga diterapkan dalam pelbagai bahasa untuk mengkaji sesuatu aspek kebahasaan. Antara bahasa yang terlibat adalah bahasa Hindi, Latin, Mandarin, Portugis, Perancis, Jepun, Arab, Persia, Rusia, Spanyol, Swedish, Tagalog dan Yunani. Bahasa Melayu berkait rapat dengan bahasa Indonesia maka berfokus juga terhadap kajian bahasa Indonesia. Menurut penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa sejumlah besar kajian LSF telah dijalankan dalam bahasa Indonesia tetapi hanya sejumlah kecil sahaja daripada kajian tersebut yang telah diterbitkan. Oleh itu, berharap kajian terkini akan memberikan sumbangan kepada bahasa Melayu ini kerana kajian terkini mempunyai kemungkinan untuk diterbitkan. Dengan itu, aplikasi Sistem Transitiviti untuk bahasa Melayu dapat diberikan keutamaan.

Menurut Halliday dan Matthiessen (2004), LSF berbeza daripada tatabahasa formal. LSF merupakan teori bahasa yang berfokus pada fungsi bahasa. Teori ini tidak hanya mengkaji tatabahasa suatu bahasa sahaja bahkan seluruh sistem semiotik bahasa yang terdapat dalam konteks juga turut diteliti. Berbeza dengan tatabahasa formal yang hanya berfokus kepada bentuk dan struktur gramatikal terhadap sesuatu kata dengan kata lain tanpa mengkaji makna dan penggunaan makna pada konteks yang berlainan.

LSF turut menggambarkan bahasa secara fungsional. Bahasa adalah unik untuk diterokai. Menurut Halliday, bahasa merupakan sebuah sistem makna. Oleh yang demikian, beliau telah menggubal satu rangka teori nahu untuk tujuan menganalisis bahasa. Nahu yang digubal oleh Halliday membolehkan kita untuk menyatakan sesuatu yang berguna mengenai teks.

Halliday (1985), turut memperkembangkan teori LSF yang menyatakan bahawa bahasa sebagai satu proses sosial. Satu model bahasa juga telah diperkenalkan yang

berasaskan analisis dan membolehkan untuk mengkaji bahasa dan corak-corak bahasa secara lebih terperinci. Melalui model sistem bahasa, semua klausa boleh dikaji berdasarkan tiga aspek iaitu aspek ideasional, aspek textual dan aspek interpersonal yang juga dikenali sebagai metafungsi bahasa. Definisi metafungsi bahasa akan dibincang secara terperinci dalam tajuk yang berikutnya.

2.1.1 Metafungsi Bahasa

Halliday telah memperkembangkan pendekatan LSF terhadap bahasa serta memperkenalkan sebuah set sistem tatabahasa untuk merealisasikan fungsi bahasa. Fungsi bahasa tersebut dikenali sebagai metafungsi yang mana, terdapat tiga jenis metafungsi bahasa dalam pendekatan LSF. Metafungsi bahasa tersebut adalah metafungsi interpersonal, metafungsi ideasional dan metafungsi teksual (Halliday dan Matthiessen, 2014).

Metafungsi interpersonal menggambarkan perhubungan antara penutur atau penulis dan pendengar atau pembaca. Halliday dan Matthiessen (2014:105) menyatakan bahawa aspek interpersonal adalah gambaran tentang penggunaan bahasa dalam interaksi sosial. Manakala, ideasional pula merealisasikan corak pengalaman pada makna yang disampaikan oleh klausa. Metafungsi ideasional boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu eksperiential dan logikal (Halliday, 2014:11). Metafungsi eksperiential mewakili makna sebenar melalui Sistem Transitiviti. Pengalaman makna logikal pula merealisasikan makna logik dengan menghubungkan pengalaman-pengamalan dengan logikal konektor untuk menyampaikan pelbagai makna seperti masa, tempat dan sebab dan sebagainya. Berbeza dengan metafungsi textual pula, mengkaji bagaimana klausa diorganisasi bagi membentuk teks

untuk menyampaikan maklumat (Halliday dan Matthiessen, 2014). Dengan kata lain, aspek teksual mengungkapkan realiti semiotik dan cara penciptaan teks dalam konteks.

Mengikut sistem ini, sesuatu klausa boleh dikaji atau dianalisis secara serentak berdasarkan cara ia menyampaikan pengalaman (ideasional), cara ia memainkan peranan dalam hubungan sosial (interpersonal) dan akhirnya cara ia menyusun klausa menjadi maklumat (teksual). Perkara ini dinyatakan oleh Halliday (1976), “*Whatever we are using language for, we need to make some reference to the categories of our experience; we need to take on some role in the interpersonal situation; and we need to embody these in the form of text*”. Ia bermaksud, walau untuk apa jua kita menggunakan bahasa, kita hendaklah merujuknya kepada pengalaman kita dan mengambilkannya cara ia memainkan peranan dalam situasi interpersonal; dan kita hendaklah mengorganisasikannya dalam bentuk maklumat. Jadual 2.1, menunjukkan definisi untuk ketiga-tiga metafungsi untuk bahasa Inggeris. Huraian terperinci tentang setiap metafungsi akan diberikan pada tajuk berikutnya.

Jadual 2.1 : Definisi Metafungsi dan Fungsinya (Halliday & Matthiessen, 2014:61)

<i>Metafunction</i>	<i>Definition</i>	<i>Corresponding status in clause</i>
<i>Interpersonal</i>	<i>Enacting social relationships</i>	<i>Clause as exchange</i>
<i>Ekperiential</i>	<i>Construing model of experience</i>	<i>Clause as representation</i>
<i>Textual</i>	<i>Creating relevance to context</i>	<i>Clause as message</i>

2.1.1.1 Metafungsi Interpersonal

Metafungsi interpersonal adalah tindakan atau aksi yang dilakukan oleh pengguna bahasa yang saling bertukar pengalaman. Menurut Halliday dan Matthiessen (2014), metafungsi interpersonal ialah penggunaan atau pemakaian bahasa untuk berinteraksi.

Metafungsi interpersonal adalah dipengaruhi oleh tenor dan rundingan yang berkaitan dengan hubungan, ungkapan, sikap dan pendapat. Ia diekspresikan oleh struktur *mood* (Halliday dan Matthiessen, 2014:309). Di samping itu, metafungsi interpersonal juga menggambarkan tingkah laku dan penilaian penutur.

2.1.1.2 Metafungsi Teksual

Menurut Halliday dan Matthiessen (2014), Metafungsi textual adalah bekaitan dengan fungsi bahasa untuk menghasilkan wacana yang menyeluruh, kohesif dan koheran serta berkesinambungan. Selain itu, ia berfungsi sebagai pembentuk teks dalam bahasa. Fungsi textual membantu penulis atau penutur mengorganisasi apa yang mereka sampaikan dalam bentuk teks yang boleh difahami oleh pembaca atau pendengar.

Fungsi klausa adalah sebagai pemberi makna dapat direalisasikan melalui struktur tematik (*thematic*) yang terdiri daripada dua elemen iaitu tema (*theme*) dan rima (*rheme*). Menurut Halliday dan Matthiessen (2014:64) tema bermaksud titik permulaan mesej yang mengorientasikan dan menempatkan klausa dalam konteksnya. Manakala rima adalah maklumat yang baki daripada tema. Dengan kata lain, ia berperanan sebagai bahagian yang mengembangkan tema. Penyatuan kedua-dua tema dan rima ini menghasilkan makna atau mesej (Halliday, 1994:34).

2.1.1.3 Metafungsi Ideasional

Fungsi Ideasional adalah fungsi bahasa untuk menggambarkan pengalaman. Metafungsi ideasional berkaitan dengan penggunaan bahasa untuk mengungkapkan

pengalaman atau untuk memahami, mengorganisasikan dan mengesekspresso persepsi tentang dunia (Halliday, 1985:12).

Menurut Halliday (1994:106), fungsi ideasional merupakan bahagian bahasa yang mengekspresikan pengalaman di dunia luar dan sekitarnya serta dalam dunia kesedaran kita. Halliday juga telah membahagikan fungsi ideasional kepada dua komponen iaitu makna eksperiential dan makna logikal. Makna logikal merealisasikan makna logik dengan menghubungkan satu pengalaman dengan yang lain. Selain itu, Halliday (1994:209) menyatakan bahawa eksperiential sebagai, "*experiential meaning conveys „patterns of experience“ rather than reality itself*" yang bermaksud makna eksperiential merealisasikan corak pengalaman daripada kenyataan atau realiti itu sendiri. Eksperiential merealisasikan makna sebenar melalui Sistem Transitiviti.

Sistem Transitiviti diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis data kajian. Selain itu, ia juga digunakan untuk mengenalpasti jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan, serta makna ideasional yang terdapat dalam ayat-ayat yang diwakili. Penerangan lanjut mengenai Sistem Transitiviti akan dibincangkan pada bahagian berikutnya.


2.2 Sistem Transitiviti

Terdapat pelbagai teori telah diberi oleh ahli bahasa terhadap Sistem Transitiviti. Tinjauan pelbagai teori ahli bahasa telah diberikan dalam jadual 2.2.

Jadual 2.2 : Definisi Sistem Transitiviti dalam Linguistik Sistemik Fungsional

Definisi daripada ahli bahasa	Bahasa Inggeris
Halliday (1985:131)	<i>transitivity is not only the feature of the verbal group but that of the entire clause”</i>
Halliday (1994 : 106)	<i>The transitivity system construes the world of experience into a manageable set of Process Types.</i>
Halliday (2000 : 320)	<i>Transitivity structures express representational meaning: what the clause is about, which is typically some process, with associated participants and circumstances.</i>
Halliday (2014 : 213)	<i>The system of Transitivity provides the lexicogrammatical resources for construing a quantum of change in the flow of events as a figure.</i>
Martin, Matthiessen and Painter (1997:100)	<i>The system of Transitivity belongs to the experiential metafunction and is the overall grammatical resource for construing going on. It construe this flux of experience as quantum of change.</i>
Eggins (2004:266)	<i>By examining the Transitivity patterns in text, we can explain how the field of the situation is being constructed.</i>
Thompson (2004 :88)	<i>It refer to a system for describing the whole clause, rather than just the verb and its Object.</i>

Berdasarkan teori-teori dalam jadual 2.2, jelas difahami bahawa Sistem Transitiviti mewakili makna metafungsi eksperiential dan mewakili realiti dalam bahasa. Ia mengkaji keseluruhan klausa dan bukannya hanya berfokus pada kata kerja. Menurut Halliday (1985:101), Transitiviti menentukan jenis-jenis Proses dalam bahasa dan struktur suatu ayat. Dengan itu, menurut konsep yang dinyatakan Halliday, terdapat tiga komponen utama dalam Sistem Transitiviti. Komponen-komponen tersebut adalah jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Rajah 2.1, menggambarkan komponen Sistem Transitiviti dengan lebih jelas.



Rajah 2.1 : Sistem Transitiviti (Eggins, 1994:228)

Rajah 2.1, menunjukkan enam jenis proses yang disarankan oleh Halliday untuk menyampaikan makna ideasional iaitu Proses Material, Proses Mental, Proses Verbal, Proses Relasional, Proses Perilaku (Behavioural) dan Proses Eksistensial. Menurut Halliday, jenis-jenis Proses dalam Transitiviti adalah berkaitan dengan kata kerja dan kata kerja pula didefinisikan sebagai kata yang dirujuk kepada sebuah aksi. Peserta pula dapat direalisasikan dengan kata nama dan Sirkumstan dapat dikenal pasti dengan kata penyata atau kata sendi. Komponen Transitiviti akan dibincangkan secara terperinci bersama contohnya pada bab 3 iaitu bab yang menerangkan kerangka teori kajian.

2.2.1 Kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa Inggeris

Bahagian ini membincangkan contoh-contoh kajian yang telah dijalankan melalui pemerhatian yang dibuat yang berfokus kepada Sistem Transitiviti. Melalui tinjauan yang dilakukan, terdapat banyak kajian mengenai Sistem Transitiviti telah diterbitkan dalam pelbagai genre. Pengkaji mendapati sejumlah besar kajian Sistem Transitiviti dalam bahasa Inggeris di luar dan juga dalam negara.

Wahyu Dwi (2010) telah menganalisis Sistem Transitiviti dalam genre lagu. Beliau memilih lagu kanak-kanak dalam siri kartun Barney „*Dancing and Singing*“ yang mengandungi 9 buah lagu. Daripada kesemua lagu tersebut, sebanyak 115 klausa telah dianalisis dalam kajiannya menggunakan Sistem Transitiviti. Tujuan kajian Wahyu Dwi adalah untuk menggambarkan makna-makna yang direalisasikan dalam klausa yang diwakili. Kajian beliau juga turut menggunakan pendekatan kualitatif serta menggunakan teori Sistemik Fungsional Linguistik Halliday (1985). Sebanyak lapan langkah telah disusun oleh Wahyu Dwi dalam kajian ini untuk menganalisis data. Hasil kajiannya menunjukkan Proses Material muncul secara dominan dalam lagu-lagu tersebut. Makna ideasional yang penting dikenalpasti dalam serial tersebut adalah *friendship*, *desire* dan *admiration*.

Berbeza pula dengan Thu Nguyen (2012) dan Ngurah Bagus (2013), mereka menganalisis Sistem Transitiviti dalam genre cerpen. Thu Nguyen menganalisis cerpen yang bertajuk “*Heroic Mother*” manakala, Ngurah pula menggunakan cerpen yang bertajuk “*Brave A Mother’s Love*” sebagai data kajian. Teori Transitiviti Halliday (1985) telah digunakan sebagai kerangka teori dalam kajian Thu Nguyen. Ini berbeza dalam kajian Ngurah di mana beliau menggunakan teori Transitiviti Hopper dan Thompson (1980) untuk

menganalisis data. Terdapat kelebihan dalam kajian Thu Nguyen berbanding kajian Ngurah di mana beliau telah memberikan tinjauan kajian lepas serta penerangan tentang kerangka teori yang jelas dalam kajiannya, tidak dalam kajian Ngurah. Hasil kajian Thu Nguyen membuktikan bahawa Transitiviti berperanan penting dalam membina watak utama. Menurut beliau, hasil analisis Transitiviti dalam cerpen menunjukkan bahawa watak utama yang dikenali sebagai *Heroic Mother* mengalami perasaan kesepian, kebosanan dan kurang pertimbangan daripada keluarganya. Berdasarkan hasil kajian Ngurah, kata kerja aksi dikenal pasti dengan banyak dalam tingkatan parameter Transitiviti. Kata kerja aksi yang dikenalpasti dalam kajianya membantu kajian terkini untuk mengenalpasti jenis-jenis Proses dalam analisis data.

Sridevi Sriniwass (2014), mengkaji unsur-unsur “divinity” dalam buku suci agama Hindu, Mahabharata. Dua jenis buku tentang „Mahabharata“ yang merupakan bacaan kanak-kanak 6 hingga 12 tahun digunakan sebagai data kajiannya untuk dibandingkan dari segi unsur-unsur “divinity” dan elemen-elemen Transitiviti (Halliday dan Matthiessen 2014). Kajiannya juga menganalisis elemen-elemen generik dalam narrative Mahabharata dan kaitannya dengan penggunaan bahasa untuk menonjolkan tema-tema agama. Salah satu daripada dapatan kajiannya ialah Proses Material mendominasi untuk menyampaikan makna ideasional.

Sementara itu, Suryatini (2013) menganalisis Sistem Transitiviti dalam genre novel yang bertajuk “*The Witch of Portobello*”. Metod deskriptif kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Manakala, kerangka teori kajian yang digunakan dalam kajian beliau adalah Sistem Transitiviti berdasarkan M.A.K Halliday. Langkah-langkah yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian Suryatini adalah sama seperti kajian terkini ini. Dapatan kajian Suryatini menunjukkan bahawa semua jenis Proses dapat ditemui

dalam teks novel. Akan tetapi, didapati bahawa Proses Material merupakan proses yang mencatat jumlah kehadiran yang tertinggi. Proses Material digunakan untuk menggambarkan aksi fizikal dalam novel tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa watak utama dalam novel tersebut adalah yang paling berperanan sebagai *Actor* dalam Proses Material kerana mengendalikan sebahagian besar tindakan atau melakukan proses. Menurut Suryatini, Sistem Transitiviti membantu dalam menerangkan bagaimana medan situasi dibina dalam sesuatu teks.

Selain daripada itu, Afrianto, Indrayani dan Seomantri (2014) telah menganalisis Sistem Transitiviti dalam sajak Shakespeare. Sebanyak tiga sajak telah dipilih sebagai data kajian. Mereka menggunakan metod deskriptif untuk menganalisis jenis Proses yang wujud dan peratus kehadirannya dalam sajak. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa sebanyak empat jenis Proses telah dapat dikenal pasti dalam sajak Shakespeare tersebut. Antaranya adalah Proses Material, Proses Mental, Proses Relasional dan Proses Eksistensial. Di samping itu, kekerapan peratus kehadiran jenis Proses pula menunjukkan bahawa Proses Material mempunyai kehadiran lebih tinggi berbanding Proses-Proses yang lain. Peratus kehadiran jenis Proses dalam kajian ini juga telah disampaikan dengan cara yang menarik dalam bentuk carta dan jadual yang memudahkan para pembaca untuk memahaminya.

Seterusnya, kajian Afrianto bersama Zuhud (2014) yang juga mengkaji Sistem Transitiviti tetapi berfokus pada Proses Mental dan Proses Relasional dalam sajak. Mereka menggunakan enam sajak di mana tiga sajak daripada penulis Donne dan tiga sajak lagi daripada penulis Blake yang dijadikan sebagai data kajian ini. Hasil kajian mereka menunjukkan, sebanyak 39 Proses telah dikenal pasti, di mana sebanyak 23 Proses Relasional dan 16 Proses Mental yang terlibat. Pengkaji juga telah mengenal pasti

beberapa kata kerja yang telah digunakan sebagai Proses Mental antaranya adalah „suka“, „berfikir“, „mendengar“, „bermimpi“, „ketakutan“, „menghormat“, bertaubat dan sebagainya. Sementara itu, antara perkataan yang dikenal pasti sebagai Proses Relasional adalah seperti „mempunyai“, „bermakna“ dan „akan menjadi“. Dapatan daripada hasil kajian Afrianto dan Zuhud ini membantu pengkaji-pengkaji pada masa kini untuk mengklasifikasikan kata kerja mengikut Proses yang betul. Menurut Afrinto dan Zuhud jenis-jenis Proses memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan makna ideasional pada sajak.

Zheng, Yang dan Ge (2014) pula, menganalisis Sistem Transittiviti dalam artikel penyelidikan perubatan. Sebanyak 25 buah artikel mengenai penyelidikan perubatan dijadikan sebagai data kajian. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa Proses Material mendominasi dalam keseluruhan 25 artikel penyelidikan perubatan yang dikaji. Menurut mereka, Proses Material digunakan secara luas untuk menonjolkan aksi fizikal dalam perubatan.

Selain daripada kajian-kajian yang diterbitkan, kajian yang tidak diterbitkan seperti disertasi dan tesis juga ditinjau untuk mengetahui bentuk genre yang telah atau pernah digunakan sebelum ini yang menggunakan teori Sistem Transitiviti dan juga bagi melihat hasil dapatan daripada kajian-kajian tersebut seperti yang dinyatakan di bawah ini.

Tan (1993) telah mengkaji Sistem Transitiviti terhadap ciri-ciri keberkesanan penulisan eseai dalam kalangan murid tahun 4. Kajiannya betujuan untuk melihat tahap keberkesanan dalam menulis eseai kesusasteraan dalam kalangan murid tahun 4. Beliau memilih dua sekolah yang berbeza iaitu sekolah kelas pertama dan sekolah kelas biasa bagi tujuan pengumpulan data. Seterusnya, ayat-ayat yang dikarang oleh pelajar-pelajar tersebut

dalam eseи dianalisis berdasarkan Sistem Transitiviti. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa Proses Relasional dan Proses Mental didapati lebih banyak berbanding Proses-Proses lain. Selain itu, pengkaji juga mendapati sekolah kelas pertama menghasilkan eseи yang berkesan dengan menggunakan struktur yang jelas bersama idea-idea yang sesuai berbeza daripada sekolah kelas biasa.

Selain itu, Hwang (2000) pula menganalisis Sistem Transitiviti dalam teks undang-undang Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dapatan kajian beliau menunjukkan Proses Material digunakan dengan banyak dalam kedua-dua versi tersebut dimana 64% Proses Material digunakan dalam versi Bahasa Malaysia dan 58% digunakan dalam versi bahasa Inggeris. Proses Eksistensial pula langsung tidak dijumpai dalam kedua-dua versi tersebut. Kajiannya membuktikan bahawa Sistem Transitiviti boleh diaplikasikan dalam teks terjemahan dan dwibahasa.

Selain bahasa tulisan, Sistem Transitiviti juga boleh dianalisis melalui bahasa lisan. Ini dibuktikan oleh kajian Sinar (2002) di mana beliau menganalisis Sistem Transitiviti dalam wacana kuliah. Beliau mengumpul data dengan menggunakan kaedah rakaman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Proses Relasional muncul secara dominan dalam frasa yang digunakan oleh pensyarah sewaktu mengorganisasikan penerangan dalam langkah penutup. Sinar juga turut mendapati bahawa pensyarah menggunakan Proses Relasional untuk menerangkan, merumuskan dan juga untuk mengukuhkan fakta. Proses Material juga dikenalpasti sebagai Proses kedua tertinggi yang wujud dalam hasil kajian yang digunakan oleh pensyarah untuk menerangkan aktiviti. Manakala, Proses Mental pula digunakan untuk menilai pemahaman pelajar tentang sesuatu aktiviti. Menurutnya, penggunaan Proses Mental dalam kuliah berperanan meningkatkan fokus pelajar terhadap

pembelajaran. Dapatan kajian Sinar membantu kajian terkini ini untuk mengetahui peranan jenis-jenis Proses dalam membangunkan makana ideasional sewaktu wacana kuliah.

Sebagai teks bukan akademik John (2004) telah menganalisis Sistem Transitiviti dalam lagu cinta untuk mengkaji bagaimana “cinta” dibangunkan dalam lagu-lagu tersebut. Dalam kajian tersebut, John menggunakan lapan buah lagu cinta sebagai data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Proses Material muncul secara dominan dalam lagu-lagu tersebut di mana kehadiran Proses Mental merupakan proses kedua tertinggi yang wujud manakala, Proses Perilaku pula tidak muncul dalam lagu-lagu tersebut. Proses-proses lain didapati hanya dalam bilangan yang sedikit. Menurutnya, Proses Material digunakan secara luas untuk meluangkan perasaan cinta dalam lagu-lagu tersebut dalam bentuk aksi fizikal.

Sim (2007), juga menjalankan kajian terhadap Sistem Transitiviti dengan menganalisis enam laporan berita yang dipetik daripada tiga jenis surat khabar utama di Malaysia. Tema yang diberi fokus dalam kajian tersebut adalah “*Crocodile Hunter*”. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa Proses Material merupakan Proses yang paling banyak digunakan untuk menerangkan tindakan atau perlakuan yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga telah membuktikan bahawa Sistem Transitiviti memainkan peranan penting dalam menerokai pelbagai tema.

Siow (2009) pula, menjalankan kajian terhadap genre teks kesusasteraan untuk menganalisis Sistem Transitiviti. Beliau telah mengkaji Sistem Transitiviti membandingkan teks asal (*unabridged*) dan teks ringkas (*abridged*) novel bahasa Inggeris yang bertajuk „*The Pearl*“. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa keenam-enam jenis Proses telah digunakan dalam novel tersebut mengikut agihan yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa

struktur tatabahasa (*lexicogrammar*) untuk kedua-dua teks ini agak berbeza di mana penggunaan Proses Material dalam teks asal adalah sebanyak 49.9% manakala, 51.8% daripada Proses Material telah digunakan dalam teks ringkas. Selain itu, Sirkumstan yang paling dominan dalam kedua-dua teks ialah lokasi, “Spatial”.

Sementara itu, seiring dengan peredaran zaman, Daphne (2011) pula mengkaji Sistem Transitiviti dalam genre *weblog*. Data kajian ini diambil daripada post dalam blog mengenai teks ucapan Hari Kemerdekaan 2009 yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia serta komen-komen yang diterima oleh post tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendedahkan persepsi perdana menteri dan penulis komen terhadap perpaduan, identiti dan pembangunan negara. Hasil data kajiannya menunjukkan bahawa Proses Material ialah Proses yang dominan dalam teks ucapan dan komen.

Pada tahun yang sama juga, Norzilawati Ishak (2011) telah mengkaji Sistem Transitiviti dalam genre cerita. Beliau memilih empat jenis cerita binatang sebagai data kajian. Teori Transitiviti Halliday dan Matthiessen telah digunakan dalam kajiannya. Kajian ini dijalankan untuk memberi nilai kepada *antropomisma* haiwan kerana haiwan *antropomorfik* dan manusia berkongsi sifat yang serupa. Hasil kajiannya didapati sama seperti kebanyakan kajian-kajian yang lain di mana Proses Material lebih dominan berbanding proses-proses lain. .

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Sakila (2014) telah mengkaji Sistem Transitiviti dalam genre brosur. Beliau memilih sebanyak empat jenis brosur perubatan sebagai data kajian. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2004) iaitu Sistem Transitiviti. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa Proses Material digunakan secara dominan berbanding Proses lain dan

Proses Eksistensial pula didapati pada jumlah yang sangat minimum. Menurut beliau, elemen-elemen Sistem Transitiviti membantu memberikan kesedaran kepada para pembaca tentang penyakit.

Secara holistiknya, Sistem Transtiviti diaplikasi dengan banyak dalam pelbagai genra teks seperti cerita pendek, cerpen, novel dan sebagainya. Kebanyakan pengkaji menggunakan teori Transitiviti Halliday yang sama seperti yang digunakan dalam kajian ini. Walaupun menggunakan data yang berlainan, majoriti hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dahulu menunjukkan bahawa Proses Material mendominasi berbanding proses-proses yang lain. Maka, hasil daripada kajian ini dapat membuktikan sama ada hasil dapatan kajian adalah sama seperti majoriti kajian-kajian lepas atau mendapat hasil yang bertentangan.

2.2.2 Kajian Sistem Transitiviti dalam Bahasa Lain

Selain bahasa Inggeris, Sistem Transitiviti juga boleh diguna pakai dalam bahasa lain. Ini telah dibuktikan oleh beberapa orang pengkaji di luar negara. Terdapat beberapa kajian yang telah ditinjau mengenai Sistem Transitiviti dalam bahasa Sunda, bahasa Indonesia, bahasa Cina, bahasa Iran dan bahasa Sepanyol.

2.2.2.1 Bahasa Sunda

Eva Tuckyta (2012), telah menganalisis Sistem Transitiviti dalam bahasa Sunda yang merupakan salah satu bahasa Austronesia. Bahasa Sunda merupakan salah satu bahasa utama di Indonesia. Kajian beliau berfokus kepada Proses Mental dalam Sistem Transitiviti. Selain itu, kajian yang dijalankan ini amat padat, di mana beliau telah

menerangkan data bagi setiap jenis Proses Mental dengan terang dan mudah difahami. Kajiannya juga memberikan fokus pada ayat tunggal dan ayat kompleks dalam bahasa Sunda. Eva Tuckyta, telah membuktikan bahawa Proses Mental dan empat jenis Proses Mental iaitu perspektif, kognitif, desideratif dan emotif dapat dikenal pasti melalui kata kerja dan klausa bahasa Sunda. Data Penganalisisan kata kerja dalam bahasa Sunda membantu pengkaji yang lain untuk mengidentifikasi kata kerja berdasarkan kategori Proses Mental.

2.2.2.2 Bahasa Indonesia

Kajian terkini yang dijalankan terhadap bahasa Indonesia adalah kajian yang dijalankan oleh Umar dan Iain pada tahun 2015 yang menganalisis Sistem Transitiviti dalam teks berita Indonesia TV One. Data yang diperoleh adalah daripada berita mengenai bencana “*Sidoarjo Mudflow*”. Antara program berita TV One yang digunakan untuk mengumpul data kajian adalah program bertajuk “Apa Khabar Indonesia”, “Kabar Terkini”, “Kabar Pagi”, “Kabar Siang”, “Kabar Petang” dan “Kabar Malam”. Kajian yang dijalankan ini bersifat deskriptif kualitatif dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Proses Material muncul secara dominan dalam teks berita. Menurut Umar, setiap jenis Proses memainkan peranan yang sangat besar dalam membangunkan makna ideasional dalam berita TV One. Proses Material banyak digunakan untuk menggambarkan kejadian bencana *Sidoarjo Mudflow*. Menurut Umar dan Iain, Proses Relasional pula digunakan untuk menggambarkan proses penyelesaian pembayaran sewaktu kejadian *Sidoarjo Mudflow*. Proses Mental pula digunakan untuk menggambarkan persepsi warga dalam menghadapi bencana.

Selain itu, kajian Wayan Rasna (2015) adalah berbeza daripada kajian-kajian yang lain. Di mana beliau memilih genre ilmu hitam untuk menganalisis Sistem Transitiviti. Data bagi kajian ini dikumpulkan berdasarkan metod pencatatan dokumen dan menggunakan model Linguistik Sistemik Fungsional, Halliday dan Matthiessen (2004). Hasil analisis daripada kajian ini menunjukkan bahawa Proses Material lebih mendominasi daripada Proses yang lain. Kekuatan kajian ini adalah analisis Transitiviti ditunjukkan dengan jelas dalam bentuk jadual dan mudah difahami.

2.2.2.3 Bahasa Cina

Rambe (2015), mengaplikasikan Sistem Transitiviti dalam bahasa Cina. Beliau telah memilih genre cerpen dan tajuk kajiannya adalah “*Transitivity Analysis On Two Short Stories In Nancy Chan Ing's; The Chinese Pen*”. Kajian beliau dijalankan berdasarkan Linguistik Sistemik Fungsional, Halliday (2004). Data bagi kajian ini dipetik daripada dua buah cerpen. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis konteks berdasarkan Leedy and Ormrod. Hasil kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa Proses Material mendominasi kehadiran berbanding Proses lain dalam kedua-dua cerpen tersebut. Selain itu juga, dapat dilihat di mana kedua-dua cerpen yang dianalisis ini menggunakan Proses Material untuk menggambarkan aksi fizikal watak yang terdapat dalam cerita. Makna ideasional yang dibangunkan oleh jenis-jenis Proses dalam cerpen tersebut menggambarkan perjalanan cerita tersebut dengan jelas. Menurut Rambe (2015), elemen-elemen Sistem Transitiviti dalam kedua-dua cerpen memperlihatkan ciri-ciri watak dalam cerpen. Perbandingan antara kedua-dua cerpen ditunjukkan dengan padat dan terperinci dalam kajian ini.

2.2.2.4 Bahasa Iran

Abbas Ali dan Ali Asghar beserta dengan Alizamen (2014), telah menganalisis Sistem Transitiviti dalam dua buah surat khabar Iran iaitu “*Kehyan*” dan “*Etemed*”. Bagi pengumpulan data kajian, mereka telah menggunakan sebanyak 86 tajuk besar yang terdapat dalam surat khabar yang dikaji. Di mana 43 tajuk besar diambil daripada surat khabar *Etemed* dan 43 tajuk besar lagi daripada surat khabar *Kehyan* yang mengambil masa selama 3 bulan untuk dikumpul dengan memberi fokus kepada tema pilihan raya presiden kali ke-10. Analisis kajian mereka adalah berdasarkan model Transitiviti Halliday dan Matthiessan 2004. Dapat dilihat melalui hasil kajian yang menunjukkan bahawa Proses Material ditemui dalam kadar yang lebih banyak daripada proses-proses yang lain dalam kedua-dua surat khabar *Kehyan* dan *Etemad*. Akan tetapi, peratus kehadiran Proses Mental dalam surat khabar *Kehyan* dilihat lebih tinggi berbanding kehadirannya dalam surat khabar *Etemad*.

Perbandingan antara dua surat khabar ini ditunjukkan dengan jelas dan disusun dengan sistematik dalam kajian mereka. Kajian Abbas Ali dan Ali Asghar serta Alizamen ini telah menjadi panduan kepada kajian terkini ini kerana data kajian yang diperoleh adalah daripada tiga buah majalah berbeza dan perbandingan hasil analisis juga dilakukan seperti kajian mereka.

2.2.2.5 Bahasa Sepanyol

Kajian Ignatieva dan Rodriguez-Vergara (2015) telah mengaplikasikan Sistem Transitiviti dalam bahasa Sepanyol. Kajian mereka berfokus pada Proses Verbal. Mereka menganalisis Proses Verbal secara mendalam melalui penulisan pelajar dan artikel kajian

berdasarkan perspektif LSF. Bagi data kajian, pengkaji telah menganalisis 31 teks berdasarkan tiga jenis genre yang ditulis oleh pelajar sastera yang berbentuk soal-jawab, eseai dan ulasan. Selain itu, lima artikel kajian telah dipetik daripada *Jurnal Mexican* yang juga merupakan artikel mengenai analisis wacana. Kajian ini juga adalah merupakan kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan perbualan dan perlambangan memainkan peranan penting dalam bahasa kemanusiaan. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan variasi dalam Proses Verbal adalah berdasarkan genra, topik dan pengalaman penulis.

Melalui tinjauan kajian-kajian lepas seperti yang telah dibincangkan di atas, didapati bahawa Sistem Transitiviti telah diguna pakai dengan meluas dalam pelbagai bahasa pada pelbagai genre. Oleh sebab genre yang diberi fokus dalam kajian ini adalah genre majalah, maka sedikit sejarah mengenai majalah akan dibincangkan pada tajuk berikutnya.

2.3 Kajian Relevan dengan Majalah Bahasa Melayu

Data bagi kajian ini diambil daripada majalah bahasa Melayu. 3 jenis majalah berbahasa Melayu telah digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data iaitu „Wanita“, „Mingguan Wanita“ dan „Seri Dewi Keluarga“. Maka, kajian-kajian lepas yang relevan dengan majalah bahasa Melayu telah ditinjau.

Didapati kajian Dia Widyawati Amat (2015) merupakan kajian yang paling hampir dengan penyelidikan yang dijalankan pengkaji, kerana beliau juga menggunakan teori Linguistik Sistemik Fungsional. Akan tetapi kajianya memberi tumpuan kepada menganalisis makna interpersonal dalam ruangan nasihat dalam majalah bahasa Melayu.

Dia Widyawati Amat telah mengumpul data daripada majalah kesihatan yang bernama “Rapi”, sebanyak 10 set ruangan nasihat telah dianalisis dengan melihat makna interpersonal. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Mod dan Modaliti berdasarkan teori Halliday dan Matthiessen (2004). Hasil kajiannya mendapati bahawa modus deklaratif digunakan oleh peminta nasihat untuk menerangkan latar belakang masalah, manakala, bagi pemberi nasihat pula ianya digunakan untuk menunjukkan kemesraan dan juga bagi mencetus provokasi. Dari segi modalitas pula, pemberi nasihat lebih banyak menggunakan unsur-unsur modalitas berbanding peminta nasihat.

2.3.1 Kajian Sistem Transitiviti dalam Majalah

Fokus kajian ini adalah mengkaji Sistem Transitiviti dalam majalah, maka, beberapa kajian terhadap Sistem Transitiviti dalam majalah turut ditinjau. Mengikut tinjauan yang telah dilakukan, kajian mengenai Sistem Transitiviti dalam genre majalah adalah sangat kurang dan masih terhad. Pengkaji hanya menemui beberapa kajian lepas mengenai Sistem Transitiviti dalam genre majalah yang telah dijalankan di luar negara sahaja.

Salah satu kajian Sistem Transtiviti bagi majalah adalah kajian yang dijalankan oleh Ferdiana (2013) yang menganalisis *Mood* dan Sistem Transitiviti dalam brosur pelancongan yang tedapat dalam majalah. Data bagi kajian ini dikutip daripada majalah yang bertajuk “*Qantas Holliday Magazine*” yang diterbit hanya sekali sahaja dalam setahun. Sebanyak 68 brosur pelancongan yang terdapat dalam majalah tersebut telah dikaji. Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Linguistik Sistemik Fungsional yang dikemukakan oleh Halliday dan Matthiessen (2004).

Kajian ini juga menggunakan pendekatan analisis deskripitif sebagai kaedah dalam menjalankan kajian. Sementara itu, hasil kajian ini menunjukkan kehadiran Proses Relasional lebih mendominasi berbanding proses-proses lain dalam brosur-brosur tersebut yang telah dikenal pasti melalui penggunaan perkataan „*being*“ . Menurutnya, Proses Relasional digunakan secara luas untuk menghubungkaitkan tempat pelancongan dengan faktor tarikan. Makna ideasional yang dibangunkan melalui Proses Relasional adalah untuk menarik perhatian para pembaca terhadap tempat pelancongan dan mewujudkan rasa keinginan untuk berkunjung ke tempat-tempat tersebut. Jawapan bagi persoalan kajian Ferdiana (2013) pula diterangkan dengan berfokus pada bab penutup. Dapat dilihat juga, data dalam kajian ini telah dianalisis dengan lebih terperinci dan jelas satu demi satu yang mana telah menjadi satu panduan utama bagi pengkaji dalam penganalisisan data bagi kajian yang dijalankan ini.

Namun begitu, pengkaji tidak dapat mencari sebarang kajian mengenai Sistem Transitiviti dalam majalah bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan tehadap analisis Transitiviti dalam bahasa Melayu dari perspektif Lingusitik Fungsional Sistemik masih baharu dan amat diperlukan. Hal ini mendorong pengkaji untuk memilih majalah bahasa Melayu sebagai data kajian untuk menganalisis SistemTransitiviti.

2.4 Penutup

Melalui perbincangan dalam Bab dua ini, jelas dinyatakan mengenai kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Linguistik Sistemik Fungsional, Sistem Transitiviti. Selain itu, pada bab ini juga perbincangan mengenai kajian-kajian lepas yang relevan dan berkaitan dengan kajian ini juga turut dinyatakan bagi tujuan menggambarkan

dengan lebih jelas mengenai kajian-kajian yang wujud sebelum ini. Topik mengenai sejarah dan jenis-jenis majalah juga turut dibincangkan dalam bab ini. Seterusnya, penerangan mengenai kerangka teori kajian ini iaitu Sistem Transitiviti akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bab yang berikutnya.

BAB 3

KERANGKA TEORI KAJIAN


3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan kerangka teori kajian iaitu Sistem Transitiviti yang dipelopori oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Bab ini dimulakan dengan perbincangan elemen utama Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Bab ini juga, menerangkan tentang kerangka teori kajian ini. Panduan untuk mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peserta telah diberikan dalam bab ini bagi menetapkan ketepatan dalam penganalisisan. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan pada bahagian penutup.

3.1 Kerangka Teori Kajian: Teori Transitiviti

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Sistem Transitiviti berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014). Di samping itu juga, sumber daripada Halliday dan Matthiessen (2004), Bloor and Bloor (2004), Thompson (2004), Gerot dan Wignel (1994), Eggins (2004) dan Martin, Matthiessen dan Painter (1997) juga digunakan untuk menerangkan sesuatu konsep dengan lebih terperinci. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab satu dan dua, Sistem Transitiviti adalah sistem tatabahasa struktur klausa yang merealisasikan makna ideasional. Menurut Halliday (1994:38), Sistem Transitiviti membantu dalam memahami dan mengkaji sesuatu teks. Sistem Transitiviti digunakan untuk menganalisis bagaimana makna disampaikan dalam sesuatu teks. Terdapat tiga unsur utama dalam Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta, dan Sirkumstan

yang membantu membangunkan makna. Rajah 3.1, menggambarkan pecahan unsur-unsur Transitiviti dengan jelas.



Rajah 3.1: Unsur Transitiviti Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (Sujatna. E.T, 2012)


Secara umumnya menurut Halliday dan Matthiessen (2014), jenis Proses dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata kerja dalam frasa. Manakala, Peserta pula, dapat dikenal pasti dengan kehadiran objek dan subjek dalam suatu frasa. Sementara itu, elemen Sirkumstan dikenal pasti dengan cara melihat kepada penggunaan kata sendi dan kata terangan apabila bertemu dengan peserta yang tidak berfungsi sebagai subjek. Bagi memudahkan pemahaman, jadual 3.1, menunjukkan secara ringkas mengenai ketiga-tiga elemen dalam Sistem Transtiviti yang dipetik daripada buku Halliday dan Matthiessen (2014) untuk Bahasa Inggeris. Bahasa Melayu mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan bahasa Indonesia. Maka, jadual 3.1, diterjemahkan dalam bahasa Melayu dengan berpandukan kajian Wayan Rasna (2015) dan Umar dan Iain (2011) yang merupakan kajian mengenai Transitiviti di Indonesia. Data kajian ini dianalisis berdasarkan ketiga-tiga unsur ini.

Jadual 3.1: Kelas Kumpulan dan Frasa (Halliday & Matthiessan, 2014)

Type of element Jenis elemen	Typically realized by Dikenalpasti dengan
(i) Process (Proses)	Verbal group (Kumpulan Kata Kerja)
(ii) Participant (Peserta)	Nominal group (Kumpulan Subjek)
(iii) Circumstance (Sirkumstan)	Adverbial group or prepositional phrase (Kumpulan Kata Keterangan dan Kata Sendi)

3.2 Jenis Proses dan Peserta

Elemen seterusnya yang akan dibincangkan adalah mengenai elemen Proses, yang bermaksud elemen dalam suatu ayat yang mewakili kegiatan atau aktiviti. Terdapat 6 jenis Proses dalam Sistem Transitiviti iaitu Proses Material (*Material*), Proses Mental (*Mental*), Proses Verbal (*Verbal*), Proses Relasional (*Relational*), Proses Perilaku (*Behavioural*) dan Proses Eksistensial (*Existential*). Rajah 3.2, menunjukkan jenis Proses bersama sub kategorinya dengan lebih jelas.



Rajah 3.2 : Jenis- Jenis Proses (Halliday & Matthiessan, 2014:216)

Berdasarkan Rajah 3.2, jelas difahami bahawa Proses Material, Proses Relasional, Proses Verbal mempunyai sub kategori tetapi tidak bagi Proses Verbal, Proses Perilaku dan Proses Eksistensial. Sub kategori Proses Material adalah „Kelakuan“ (*Doing*), „Kejadian“ (*Happening*) dan „Perubahan, Kewujudan“ (*Creating, Changing*). Manakala, sub kategori Proses Mental pula adalah „Perasaan“ (*Feeling*), „Berfikir“ (*Thinking*), „Melihat“ (*Seeing*). Sementara itu, bagi Proses Relasional pula terdapat 3 sub kategori iaitu „Mempunyai Attribut“ (*Having Attribut*) dan „Mempunyai Identiti“ (*Having Identity*) serta „Melambangkan“ (*Symbolizing*). Jadual 3.2, menunjukkan makna dan Peserta yang terlibat bagi setiap jenis Proses untuk bahasa Inggeris dengan jelas.

Jadual 3.2 : Jenis Proses dan Maknanya Serta Elemen Peserta (M.A.K Halliday & Mathiessen, 2014:311)

Process Type	Categori meaning	Participants, directly involved	Participants, obliquely involved
Material : Action Event	“doing” “doing” “happening”	Actor, Goal	Recipient, Client; Scope; Initiator; Attribute
Behavioural	Behaving	Behaver	Behavior
Mental : ➤ perception ➤ cognition ➤ desideration ➤ emotion	“sensing” • “seeing” • “thinking” • “wanting” • “feeling”	Senser, Phenomenon	Inducer
Verbal	“saying”	Sayer, Target	Receiver, Verbiage
Relational ➤ Attribution ➤ Identification	“being” • “attributing” • “identifying”	Carrier, Attribute Identified, Identifier, Token, Value	Attributor, Beneficiary Assigner
Existential”	“existing”	Existent	

3.2.1 Proses Material

Proses pertama yang akan dibincangkan di sini adalah Proses Material, di mana proses ini adalah klausa kelakuan dan kejadian (Halliday dan Matthiessen, 2004:179).

Menurut Gerot dan Wignell (1955:55), Proses Material adalah Proses kelakuan material. Selain itu juga, Proses Material didefinisikan sebagai suatu Proses yang melibatkan suatu perbuatan fizikal yang dilakukan terhadap entiti yang lain. Kedua-dua kenyataan di atas menjelaskan bahawa Proses Material merujuk kepada kelakuan dan kejadian.

Fungsi Proses Material adalah untuk memberi jawapan kepada soalan: „Apakah yang dibuat oleh X ?“ atau „Apakah yang terjadi kepada X ?“ (Thompson, 2004:92). Di samping itu juga, Halliday dan Matthiessen (2004:190) menyatakan bahawa, terdapat dua Peserta dalam Proses Material iaitu, „Aktor“ (*Actor*) dan „*Goal*“. Pelaku dalam suatu Proses Material pula dikenali sebagai „*Actor*“. Sementara itu, secara amnya, dalam suatu Proses Material akan melibatkan seorang *Actor* walaupun *Actor* tidak diterangkan dengan jelas dalam suatu klausu. Manakala, Peserta kedua iaitu „*Goal*“ merupakan orang yang menerima kesan daripada tindakan „*Actor*“ (Peserta pertama). Contoh 3.1 dan 3.2 menunjukkan kehadiran Proses Material dalam ayat.

Contoh 3.1: Proses Material

Contoh			Sumber
They Actor	Built Pro: Mat	a house Goal	Halliday & Matthiessan, 2014, ms.238
Her mother Actor	smashed Pro : Mat	the glass Goal	Thompson, 2004, ms. 90
She Actor	moved Pro : Mat	the chair Goal	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 105

Dalam contoh 3.1, perkataan „*built*“, „*smashed*“ dan „*moved*“ merupakan perkataan yang dikategorikan sebagai Proses Material di mana ia melibatkan perbuatan fizikal dan berupaya menjawab soalan „apakah yang dibuat oleh X?“. Selain itu juga, perkataan kata

,,they'',,,*her mother*'' dan ,,*she*'' dalam contoh di atas pula merupakan peserta *Actor* di mana ia merupakan subjek dalam ayat tersebut. Manakala, peserta *Goal* pula dikenal pasti pada perkataan ,,*a house*'' ,,*the glass*'' dan ,,*the chair*'' yang merupakan objek dalam ayat tersebut dan merupakan objek yang terkesan daripada tindakan *Actor*. Sebagai perbandingan, contoh 3.2, menunjukkan penggunaan Proses Material dalam 2 ayat bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi.

Contoh 3.2 : Proses Material dalam Bahasa Melayu

Contoh						Sumber														
Selepas anda memberus gigi, anda tidak boleh mengambil makanan apapun kerana sisa makanan di celah gigi menyebabkan gigi berlubang.						Rapi, Apr 2016, ms. 38														
<table border="1"> <tr> <td>Selepas anda memberus gigi</td><td>anda</td><td>tidak boleh</td><td>mengambil</td><td>makanan apapun</td><td>kerana sisa makanan di celah gigi menyebabkan gigi berlubang</td></tr> <tr> <td>Circ : Loc : Tim</td><td>Act</td><td>/</td><td>Pro : Mat</td><td>Goal</td><td>Circ : Cau : Rea</td></tr> </table>						Selepas anda memberus gigi	anda	tidak boleh	mengambil	makanan apapun	kerana sisa makanan di celah gigi menyebabkan gigi berlubang	Circ : Loc : Tim	Act	/	Pro : Mat	Goal	Circ : Cau : Rea			
Selepas anda memberus gigi	anda	tidak boleh	mengambil	makanan apapun	kerana sisa makanan di celah gigi menyebabkan gigi berlubang															
Circ : Loc : Tim	Act	/	Pro : Mat	Goal	Circ : Cau : Rea															
Cubalah berjalan kaki ke tempat kerja atau tempat yang ingin anda tuju.						Rapi, Apr 2016, ms. 77														
<table border="1"> <tr> <td>Cubalah</td><td>berjalan kaki</td><td>ke tempat kerja atau tempat</td><td>[yang ingin anda tuju].</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>/</td><td>Pro : Mat</td><td>Circ : Loc : Plc</td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>						Cubalah	berjalan kaki	ke tempat kerja atau tempat	[yang ingin anda tuju].				/	Pro : Mat	Circ : Loc : Plc					
Cubalah	berjalan kaki	ke tempat kerja atau tempat	[yang ingin anda tuju].																	
/	Pro : Mat	Circ : Loc : Plc																		

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa kategori Proses Material didapati wujud pada perkataan ,,*mengambil*'' dan ,,*berjalan kaki*'' yang menunjukkan perbuatan fizikal yang berlaku. Sementara itu, Peserta *Actor* telah dikenal pasti dalam contoh ayat pertama pada perkataan ,,*anda*'' yang merupakan pelaku dalam ayat tersebut. Manakala, Peserta *Goal* pula hadir dalam contoh di atas pada frasa ,,*makanan apa pun*'' yang merupakan objek dalam ayat tersebut. ,,*Tidak boleh*'' dan ,,*cubalah*'' tidak dianalisis kerana ia bukan berkaitan dengan elemen-elemen Sistem Transitviti.

3.2.2 Proses Mental

Menurut Thompson (2004:92), terdapat banyak kata kerja yang merujuk kepada Proses Mental seperti, berfikir, melihat, menyukai, berimajinasi dan sebagainya. Halliday dan Matthiessen (2014:257) pula berpendapat bahawa terdapat empat kategori dalam Proses Mental iaitu Persepsi (*Perceptive*), Kognitif (*Cognitive*), Emotif (*Emotive*), dan Desideratif (*Desiderative*).

Proses Mental Persepsi adalah satu proses yang berkaitan dengan penggunaan pancaindera dan dapat dikenal pasti melalui kata kerja yang melibatkan perbuatan seperti melihat, mendengar, merasa dan sebagainya. Proses Mental Kognitif, yang ditakrifkan sebagai satu proses yang berkaitan dengan fikiran. Proses ini dapat dikenal pasti melalui kata kerja seperti berfikir, mendapat tahu dan memahami.

Seterusnya, kategori Desideratif pula dapat dikenal pasti dengan kata kerja seperti berharap, bersetuju dan menolak. Proses Mental Emotif adalah Proses yang berkaitan kata kerja yang melibatkan perasaan seperti menyukai, membenci dan mencintai. Jadual 3.3, menunjukkan contoh-contoh kata kerja berdasarkan kategori Proses Mental untuk bahasa Inggeris.

Jadual 3.3: Kata Kerja Proses Mental (Halliday & Matthiessen, 2014:257)

	“Like” type	“Please” type
Perceptive	perceive, sense; see, notice, glimpse, hear, overhear, feel; taste; smell	(assail)
Cognitive	think, believe, suppose, expect, consider, know; understand, realize, appreciate; imagine, dream, pretend; guess, reckon, conjecture, hypothesize, wonder, doubt; remember, recall, forget; fear (think fearfully)	strike, occur to, convince, remind, escape; puzzle, intrigue, surprise.

Jadual 3.3, sambungan

Desiderative	want, wish, would like, desire; hope (for), long for, yearn for, intend, plan; decide, resolve, determine; agree, comply, refuse	(tempt)
Emotive	like, fancy, love, adore, dislike, hate, detest, despise, loathe, abhor; rejoice, exult, grieve, mourn, bemoan, bewail, regret, deplore; fear, dread; enjoy, relish, marvel.	allure, attract, please, displease, disgust, offend, repel, revolt; gladden, delight, gratify, sadden, depress, pain; alarm, startle, frighten, scare, horrify, shock, comfort, reassure, encourage; amuse, entertain, divert, interest, fascinate, bore, weary, worry.

Peserta-peserta yang terdapat dalam Proses Mental disebut sebagai „*Sensing*“ atau „*Senser*“ dan „*Phenomenon*“. Jawapan yang diterima daripada soalan seperti “apakah yang disayang dan dibenci oleh X ?” dan “apakah yang dilihat dan didengar oleh X” dilabel sebagai Peserta *Phenomenon* dalam Proses Mental. Contoh 3.3 dan 3.4, menunjukkan kehadiran Proses Mental yang diambil daripada ayat bahasa Inggeris.

Contoh 3.3 : Proses Mental

Contoh			Sumber						
<table border="1"> <tr> <td>Mary</td> <td>liked</td> <td>the gift</td> </tr> <tr> <td>Sen</td> <td>Pro : Men</td> <td>Ph</td> </tr> </table>			Mary	liked	the gift	Sen	Pro : Men	Ph	Halliday & Matthiessen, 2014, ms.248
Mary	liked	the gift							
Sen	Pro : Men	Ph							
<table border="1"> <tr> <td>She</td> <td>could hear</td> <td>his voice</td> </tr> <tr> <td>Sen</td> <td>Pro: Men</td> <td>Ph</td> </tr> </table>			She	could hear	his voice	Sen	Pro: Men	Ph	Thompson, 2004, ms. 92
She	could hear	his voice							
Sen	Pro: Men	Ph							
<table border="1"> <tr> <td>The man</td> <td>knew</td> <td>too much</td> </tr> <tr> <td>Sen</td> <td>Pro: Men</td> <td>Ph</td> </tr> </table>			The man	knew	too much	Sen	Pro: Men	Ph	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 105
The man	knew	too much							
Sen	Pro: Men	Ph							

Contoh 3.3, menunjukkan 3 jenis kata kerja yang merupakan Proses Mental iaitu „*liked*“, „*would hear*“, dan „*knew*“. Perkataan „*liked*“ digolongkan dalam kategori Proses Mental *Desideratif* dan perkataan „*could hear*“ pula adalah sebagai kategori Proses Mental Persepsi, manakala, perkataan „*knew*“ pula di bawah kategori Proses Mental Kognitif. Selain itu, Peserta *Senser* juga didapati wujud dalam setiap ayat di atas. Bagi perkataan

, „Marry”, „she”, dan „the man” pula adalah dalam kategori peserta *Senser*. Seterusnya, Peserta *Phenomenon* dikenal pasti pada frasa „the gift”, „his voice” dan „too much”. Perbandingan bagi kategori peserta bagi Proses mental boleh dilihat dalam contoh 3.4, yang menunjukkan penggunaan Proses Mental dalam ayat Bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi.

Contoh 3.4 : Proses Mental dalam Bahasa Melayu


Contoh				Sumber
Ramai orang berfikiran, semakin kasar berus gigi semakin baik seseorang itu membersihkan gigi.				Rapi, Apr 2016, ms. 39
Ramai orang	berfikiran,	semakin kasar berus gigi semakin baik seseorang itu membersihkan gigi.		
Sen	Pro : Men	Ph		
Oleh sebab itulah, anda juga perlu memerhatikan kebersihan berus gigi anda				Rapi, Apr 2016, ms. 39
Oleh sebab itulah	anda juga	(perlu) memerhatikan	kebersihan berus gigi anda	
/	Sen	Pro : Men	Ph	

Perkataan „berfikiran” dan „memerhatikan” dalam contoh 3.4, dikategorikan sebagai Proses Mental di mana perkataan „berfikiran” adalah dalam kategori Proses Mental Kognitif dan „memerhatikan” pula adalah kategori Proses Mental Perspsi. Di samping itu, Peserta *Senser* juga telah dikenal pasti sebagai „ramai orang” dan „anda”. Sementara, Peserta *Phenomenon* pula dikenal pasti berada dalam frasa „kebersihan berus gigi anda” dan „semakin kasar berus gigi semakin baik seseorang itu membersihkan gigi”.

3.2.3 Proses Relasional

Proses seterusnya adalah Proses Relasional yang didefinisikan sebagai satu proses „being”. Halliday, mendefinisikan Proses Relasional sebagai satu keadaan atau benda yang sediakala. Fungsi Proses ini dalam suatu ayat adalah untuk menghubungkan peserta yang

satu dengan yang lain. Ia dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Proses Relasional *Attributif* dan Proses Relasional *Identifikasi*. Rajah 3.3, menunjukkan kategori Proses Relasional dengan lebih jelas.



Rajah 3.3 : Kategori Proses Relasional

Proses Relasional pertama, iaitu *Attributif* adalah satu Proses yang menghubungkan Peserta dengan yang lain dengan cara memberikan *Attribut*. Berdasarkan rajah 3.3, Peserta yang terlibat dalam Proses Relasional Attributif disebut sebagai „*Carrier*“ dan „*Attribut*“. Manakala, Proses Relasional Identifikasi pula adalah satu Proses yang menghubungkan Peserta dengan Peserta lain dengan cara memberikan nilai. Peserta yang terlibat dalam Proses Relasional Identifikasi disebut sebagai „*Token*“ dan „*Value*“. Contoh 3.5, menunjukkan penggunaan Proses Relasional *Attributif* yang digunakan dalam ayat bahasa Inggeris.

Contoh 3.5 : Proses Relasional

Contoh			Sumber
John	became	a plumber	Halliday & Matthiessan, 2014, ms.299
Cr	Pro : Rel :Att	Att	
This bread	is	stale	Thompson, 2004, ms. 97
Cr	Pro : Rel :Att	Att	
Maxine	is	energetic	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 106
Cr	Pro : Rel : Att	Att	

Contoh 3.5, menunjukkan bahawa perkataan „*became*“ dan „*is*“ merupakan satu Proses Relasional Attributif yang menghubungkan Peserta dengan cara memberikan *Atribut* kepada mereka. Perkataan „*bhn*“, „*This bread*“, dan „*Maxine*“ pula adalah kategori Peserta *Carrier* manakala, „*a plumber*“, „*stale*“ dan „*energetic*“ merupakan Peserta *Attribut*. Perbandingan jelas boleh dilihat pada contoh 3.6, yang menunjukkan penggunaan Proses Relasional dalam ayat bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi.

Contoh 3.6 : Proses Relasional dalam Bahasa Melayu

Contoh			Sumber
Lidah juga adalah bahagian yang banyak mengandungi bakteria.			Rapi, Apr 2016, ms. 39
Lidah (juga)	adalah	bahagian yang banyak mengandungi bakteria.	
Cr	Pro : Rel : Att	Att	
Mujurnya kebanyakannya bakteria mikrobiota usus anda adalah bakteria berfaedah.			Rapi, Apr 2016, ms. 73
Mujurnya	kebanyakannya bakteria mikrobiota usus anda	adalah	bakteria berfaedah.
/	Tok	Pro : Rel : Iden	Val

Kehadiran Proses Relasional dalam contoh 3.6, dapat dikenal pasti pada perkataan „*adalah*“. Sepertimana dalam contoh ayat pertama yang merupakan Proses Relasional *Attributif* serta berfungsi untuk menghubungkan satu Peserta dengan Peserta yang lain

dengan cara memberikan Attribut. Tambahan lagi, Peserta Proses Relasional *Attributif* iaitu *Carrier* dapat dikenal pasti pada frasa „Jidah juga” dan *Attribut* dikenal pasti pada frasa „bahagian yang banyak mengandungi bakteria”. Manakala, ayat kedua pula tergolong dalam kategori Proses Relasional Identifikasi yang menghubungkan satu Peserta dengan Peserta yang lain dengan cara memberikan nilai. Melalui contoh tersebut, Peserta *Token* dapat dikenal pasti pada frasa „kebanyakannya bakteria mikrobiota usus anda” begitu juga dengan Peserta *Value* yang dikenal pasti pada frasa „bakteria berfaedah”.

3.2.4 Proses Perilaku (*Behavioral*)

Menurut Halliday dan Matthiessen (2014), Proses Perilaku adalah proses yang berkaitan dengan tingkah laku psikologi manusia seperti „bernafas”, „batuk”, „senyum”, „bermimpi” dan „merenung”. Proses perilaku melibatkan seorang Peserta sahaja yang dikenali sebagai “*Behaver*”. Contoh 3.7, menunjukkan kehadiran Proses Perilaku dalam ayat bahasa Inggeris.

Contoh 3.7 : Proses Perilaku

Contoh			Sumber
The child Behaver	wept Pro : Bhv	copious tears Range	Halliday & Matthiessan, 2014, ms.346
She Behaver	waved Pro : Bhv	her hands Range	Thompson, 2004, ms.104
I’m Behaver	tasting Pro : Bhv	the wine Range	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 109

Proses Perilaku dalam contoh 3.7 yang dikenalpasti melalui perkataan „*wept*”, „*waved*” dan „*tasting*” dimana ia berkaitan dengan kelakuan psikologi. Manakala, Peserta

Behaver pula dikenal pasti pada perkataan „*the child*”, „*the boy*” dan „*they*”. Seterusnya, Peserta *Range* pula didapati wujud pada perkataan „*her hands*”, „*copious tears*” dan „*the wine*”. Perbandingan contoh 3.8, menunjukkan penggunaan Proses Perilaku dalam ayat bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi yang lebih jelas.

Contoh 3.8 : Proses Perilaku dalam Bahasa Melayu

Contoh	Sumber								
<p>Anda juga boleh membaca label makanan untuk mengetahui sama ada ada makanan tersebut probiotik.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Anda juga</td> <td style="padding: 5px; background-color: #fce4ec;">(boleh) membaca</td> <td style="padding: 5px;">label makanan</td> <td style="padding: 5px;">untuk mengetahui sama ada makanan tersebut probiotik.</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Bhv</td> <td style="padding: 5px; background-color: #fce4ec;">Pro : Bhv</td> <td style="padding: 5px;">Ran</td> <td style="padding: 5px;">Circ : Cau : Pur</td> </tr> </table>	Anda juga	(boleh) membaca	label makanan	untuk mengetahui sama ada makanan tersebut probiotik.	Bhv	Pro : Bhv	Ran	Circ : Cau : Pur	Rapi, Apr 2016, ms. 73
Anda juga	(boleh) membaca	label makanan	untuk mengetahui sama ada makanan tersebut probiotik.						
Bhv	Pro : Bhv	Ran	Circ : Cau : Pur						
<p>Lebih ramai wanita menangis kerana luahan emosi yang ikhlas.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Lebih ramai wanita</td> <td style="padding: 5px; background-color: #fce4ec;">menangis</td> <td style="padding: 5px;">Kerana luahan emosi yang ikhlas</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Bhv</td> <td style="padding: 5px; background-color: #fce4ec;">Pro : Bhv</td> <td style="padding: 5px;">Circ : Cau : Rea</td> </tr> </table>	Lebih ramai wanita	menangis	Kerana luahan emosi yang ikhlas	Bhv	Pro : Bhv	Circ : Cau : Rea	Rapi, Apr 2016, ms. 100		
Lebih ramai wanita	menangis	Kerana luahan emosi yang ikhlas							
Bhv	Pro : Bhv	Circ : Cau : Rea							

Contoh 3.8, menunjukkan Proses Perilaku yang telah dikenal pasti pada frasa „*boldi membaca*” dan „*menangis*” di mana ia berkaitan dengan kelakuan psikologi. Manakala, Peserta Proses Perilaku iaitu „*Behaver*” pula dikenal pasti pada perkataan „*anda*” dan „*lebih ramai wanita*” yang juga merupakan subjek dalam ayat di atas.

3.2.5 Proses Verbal

Proses Verbal pula ialah satu Proses yang berkaitan dengan aksi verbal seperti berkata, bertanya, menceritakan dan sebagainya. Selain itu, Peserta yang wujud dalam Proses ini adalah „*Sayer*”, „*Receiver*” dan „*Verbiage*”. Peserta Proses Verbal „*Sayer*” adalah Peserta yang melakukan aksi verbal. Manakala, Peserta „*Receiver*” pula merupakan Peserta

yang dirujuk dalam aksi verbal. Sementara itu, Peserta „*Verbiage*“ adalah pernyataan dalam suatu aksi verbal yang disampaikan dalam beberapa bentuk seperti soalan, laporan, cerita dan jawapan. Contoh 3.9, menunjukkan penggunaan Proses Verbal dalam ayat bahasa Inggeris.

Contoh 3.9 : Proses Verbal

Contoh			Sumber						
<table border="1"> <tr> <td>They</td> <td>were speaking</td> <td>Arabic</td> </tr> <tr> <td>Senser</td> <td>Pro : Ver</td> <td>Phenomenon</td> </tr> </table>			They	were speaking	Arabic	Senser	Pro : Ver	Phenomenon	Halliday & Matthiessen, 2014, ms.306
They	were speaking	Arabic							
Senser	Pro : Ver	Phenomenon							
<table border="1"> <tr> <td>He</td> <td>repeated</td> <td>the warning</td> </tr> <tr> <td>Sayer</td> <td>Pro : Ver</td> <td>Verbiage</td> </tr> </table>			He	repeated	the warning	Sayer	Pro : Ver	Verbiage	Thompson, 2004, ms.102
He	repeated	the warning							
Sayer	Pro : Ver	Verbiage							
<table border="1"> <tr> <td>They</td> <td>said</td> <td>a few words</td> </tr> <tr> <td>Sayer</td> <td>Pro : Ver</td> <td>Verbiage</td> </tr> </table>			They	said	a few words	Sayer	Pro : Ver	Verbiage	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 108
They	said	a few words							
Sayer	Pro : Ver	Verbiage							

Proses Verbal dalam contoh 3.9, dikenal pasti pada perkataan „*speaking*“, „*repeated*“ dan „*said*“ di mana ketiga-tiga perkataan ini berkaitan dengan aksi verbal. Selain itu, Peserta Proses Verbal iaitu *Sayer* dan *Verbiage* turut didapati wujud dalam contoh ayat di atas yang merupakan subjek dan objek ayat. Perkataan „*They*“ dan „*He*“ adalah Peserta dalam kategori *Sayer*, manakala perkataan „*Arabic*“, „*the warning*“ dan „*a few words*“ adalah dalam kategori Peserta *Verbiage*. Sebagai perbandingan contoh 3.10 menunjukkan penggunaan Proses Verbal dalam ayat bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi.

Contoh 3.10 : Proses Verbal dalam Bahasa Melayu

Contoh					Sumber
Selepas memberus gigi anda disarankan untuk berkumur.					Rapi, Apr 2016, ms. 39
Selepas memberus gigi	anda	disarankan	untuk berkumur	dengan menggunakan pencuci mulut	
Circ : Loc: Tim	Rcv	Pro : Ver	Verb	Circ : Acc : Com	

Contoh 3.10, sambungan

Apabila seseorang itu, mengalami gout, mereka dinasihatkan untuk mengelak atau mengurangkan pengambilan daging dan makanan laut.	Rapi, Apr 2016, ms. 28								
<table border="1"> <tr> <td>Apabila seseorang itu, mengalami gout</td> <td>mereka</td> <td>dinasihatkan</td> <td>untuk mengelak atau mengurangkan pengambilan daging dan makanan laut</td> </tr> <tr> <td>Circ :Cont: Cond</td> <td>Rcv</td> <td>Pro : Verb</td> <td>Verb</td> </tr> </table>	Apabila seseorang itu, mengalami gout	mereka	dinasihatkan	untuk mengelak atau mengurangkan pengambilan daging dan makanan laut	Circ :Cont: Cond	Rcv	Pro : Verb	Verb	
Apabila seseorang itu, mengalami gout	mereka	dinasihatkan	untuk mengelak atau mengurangkan pengambilan daging dan makanan laut						
Circ :Cont: Cond	Rcv	Pro : Verb	Verb						

Dalam contoh 3.10, perkataaan „*disarankan*“ dan „*dinasihatkan*“ adalah merupakan Proses Verbal yang melibatkan aksi verbal. Peserta Proses Verbal iaitu *Verbiage* dikenal pasti pada frasa „*dengan menggunakan pencuci mulut*“ dan „*untuk mengelak atau mengurangkan pengambilan daging dan makanan laut*“ dalam contoh tersebut. Selain itu, perkataan „*anda*“ dan „*mereka*“ pula hadir sebagai Peserta *Receiver* dalam contoh yang diberi di atas dan berperanan sebagai Peserta yang dirujuk dalam aksi verbal.

3.2.6 Proses Eksistensial

Kategori terakhir adalah Proses Eksistensial, Proses ini adalah satu Proses yang menunjukkan keberadaan. Dalam bahasa Inggeris Proses ini boleh dikenal pasti melalui perkataan „*there*“ dan „*exist*“ yang menunjukkan keberadaan sesuatu. Namun begitu, hanya satu Peserta sahaja yang berada dalam kategori Proses ini iaitu „*Existent*“. Contoh 3.11, menunjukkan kehadiran Proses Eksistensial dalam ayat bahasa Inggeris.

Contoh 3.11 : Proses Eksistensial

Contoh			Sumber
There	was	a storm	Halliday & Matthiessan, 2014, ms. 309
	Pro: Ex	Exs	
May be	There	,,s	Thompson, 2004, ms. 105
		some other darker pattern	
	Pro : Ex	Exs	

There	will be	a real bunfight	Martin, Matthiessen, Painter, 1997, ms. 109
	Pro : Ex	Exs	

Dalam contoh 3.11, Proses Eksistensial dapat dikenal pasti melalui perkataan „*there*“. Peserta Proses Eksistensial iaitu *Existen* didapati hadir pada frasa „*astorm*“; „*some other darker pattern*“ dan „*a real bunfight*“ dalam contoh yang diberi di atas. Sebagai perbandingan dengan bahasa Melayu, contoh 3.12, menunjukkan penggunaan Proses Eksistensial dalam ayat bahasa Melayu yang dipetik daripada Majalah Rapi.

Contoh 3.12 : Proses Eksistensial dalam Bahasa Melayu

Contoh			Sumber
Terdapat juga kaedah sebegini yang tidak menggunakan mesin cahaya ini.			Rapi, Apr 2016, ms. 120
Terdapat (juga)	kaedah sebegini yang tidak menggunakan mesin cahaya ini.	Exs	
Ada sesetengah individu tidak mampu menahan kesakitan apabila menggunakan pendakap gigi seramik.			Rapi, Apr 2016, ms. 11
Ada	sesetengah individu tidak mampu menahan kesakitan	apabila menggunakan pendakap gigi seramik	
Pro : Ex	Exs	Circ : Loc : Tim	

Contoh 3.12 dalam bahasa Melayu menunjukkan bahawa Proses Eksistensial dapat dikenal pasti pada perkataan „*ada*“ dan „*terdapat*“. Peserta Proses Eksistensial iaitu *Existen* pula didapati wujud pada frasa „*kaedah sebegini yang tidak menggunakan mesin cahaya ini*“ dan „*sesetengah individu tidak mampu menahan kesakitan*“ seperti mana dalam contoh di atas.

3.3 Elemen Sirkumstan

Bagi mendapat kefahaman yang mendalam bagi Sistem Transtiviti, perbincangan dilanjutkan mengenai elemen Sirkumstan. Elemen ini boleh dikenal pasti melalui perkataan yang terdiri daripada kata sendi dan kata keterangan. Selain itu juga, elemen Sirkumstan boleh didapati dalam semua jenis Proses dalam Sistem Transtiviti di samping fungsinya yang dapat menambahkan maklumat dalam sesuatu ayat. Terdapat beberapa maklumat tambahan yang boleh diberi oleh elemen Sirkumstan seperti maklumat tentang waktu, tempat, bagaimana, dengan apa, alasan dan juga sebab. Sementara itu juga, kaedah untuk mengenal pasti elemen Sirkumstan dalam suatu ayat adalah dengan cara melihat soalan seperti „di mana“, „mengapa“, „bagaimana“ dan „kenapa“. Terdapat sembilan jenis elemen Sirkumstan yang diperkenalkan oleh Halliday dan Matthiessen (2014) iaitu, Rentang (*Extent*), Lokasi (*Location*), Cara (*Manner*), Penyebab (*Cause*), Lingkungan (*Contingency*), Penyerta (*Accompaniment*), Peranan (*Role*), Perihal (*Matter*) dan Pandangan (*Angle*). Sumber Penterjemahan elemen Sirkumstan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dirujuk daripada kajian Wayan Rasna (2015) dan Umar dan Iain (2011) yang merupakan kajian di Indonesia.

3.3.1 Sirkumstan Rentang (*Extent*)

Elemen Sirkumstan pertama iaitu elemen „Rentang“, merupakan salah satu elemen yang utama dalam Sirkumstan. Elemen Rentang terbahagi kepada: Tempat (*Spatial*) dan Waktu (*Temporal*) yang berfungsi untuk menjawab soalan seperti „berapa jauh?“, „berapa lama ?“, „berapa kali?“, dan „berapa kerap?“. Penjelasan yang lebih jelas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Sirkumstan Rentang (Halliday dan Matthiessen, 2014:315)

	Spatial	Temporal
Extent	Distance walk (for) seven miles stop every tend yards	Duration stay (for) two hours Pause every ten minutes Frequency knock three times

Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Rentang dalam ayat bahasa Inggeris.

- **From time to time** she dropped the weeds into her basket. (Thompson, 2004:110)
- She drove on **for another few miles**. (Thompson, 2004:110)

3.3.2 Sirkumstan Lokasi (*Location*)

Selanjutnya, Sirkumstan Lokasi, yang merupakan elemen kedua adalah sama seperti elemen Rentang yang mana kategorinya juga adalah Tempat (*Spatial*) dan Waktu (*Temporal*). Elemen Sirkumstan ini juga akan menjawab soalan yang sama seperti elemen rentang iaitu „di mana?“ dan „bila?“. Jadual 3.5, menunjukkan kategori Sirkumstan Lokasi dengan lebih jelas.

Jadual 3.5 : Sirkumstan Lokasi (Halliday dan Matthiessen, 2014:315)

	Spatial	Temporal
Location	Place work in the kitchen	Time get up at six o'clock

Contoh di bawah ini pula menunjukkan penggunaan kedua-dua kategori Sirkumstan Lokasi dalam ayat bahasa Inggeris.

- The whole party **at once** crowded **round her**
(Halliday & Matthiessan, 2014:333)

3.3.3 Sirkumstan Cara (*Manner*)

Bagi elemen seterusnya, elemen Sirkumstan Cara pula mengandungi empat kategori antaranya adalah Alat (*Means*), Kualiti (*Quality*), Perbandingan (*Comparison*), Tahap (*Degree*). Jadual 3.6, menunjukkan kategori Sirkumstan Cara berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014).

Jadual 3.6 : Kategori Sirkumstan Cara (Halliday & Matthiessen, 2014:321)

Type	WH-form	Examples
Means	how? what with?	(mend it) with a fusewire
Quality	how?	(they sat there) in complete silence
Comparison	what like	(he signs his name) differently
Degree	how much?	(they all love her) deeply

Berikut adalah penerangan lanjut mengenai kategori Sirkumstan Cara:

➤ Alat (*Means*)

„Alat“ berperanan sebagai agen yang menyebabkan terjadinya sesuatu Proses. Ia dapat dikenal pasti melalui frasa kata sendi dan secara umumnya ia menjawab soalan seperti „bagaimana?“ dan „dengan apa?“. Namun, dalam bahasa Inggeris frasa Erti (*Means*) dapat dibina dengan perkataan seperti „by“ dan „with“. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Cara yang berkategori Alat dalam ayat bahasa Inggeris.

- The Dodo pointed to Alice with one finger. (Halliday dan Matthiessen, 2014:333)

➤ Kualiti (*Quality*)

„Kualiti“ biasanya diungkapkan dengan frasa kata penguat (*adverb phrase –,ly*). Ia berfungsi untuk menjawab soalan seperti „Bagaimana?“ atau „Bagaimana....?“ yang ditambah kata penguat yang bersangkutan selepas soalan. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Cara yang berkategori Kualiti dalam ayat bahasa Inggeris.

- In despair Alice put her hand in her pocket. (Halliday dan Matthiessen, 2014:333)

➤ Perbandingan (*Comparison*)

Kebiasaannya Perbandingan diungkapkan bersama frasa kata sendi dengan menggunakan perkataan „seperti“ (*like*) atau „tidak seperti“ (*unlike*). Selain itu, Perbandingan juga dapat diungkapkan oleh kelompok kata penguat yang menunjukkan persamaan dan perbezaan seperti dalam ayat tanya yang digunakan untuk mengenal pasti Perbandingan adalah „seperti apa...?“. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Cara yang berkategori Perbandingan.

- The two creatures had been jumping about like mad things all this time.
(Halliday dan Matthiessen 2014 : 333)

➤ Tahap (*Degree*)

Tahap pula berperanan sebagai penanda aras sesuatu. Kebiasaannya ia dapat disampaikan menerusi kelompok kata penguat seperti „banyak“, „baik“, „sepenuhnya“ dan sebagainya selain berfungsi untuk menjawab soalan seperti „berapa banyak?“. Contoh 3.5 di bawah, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Cara yang berkategori Tahap.

- As a writer of short-stories for adults, she has worked a great deal with these themes. (Halliday dan Matthiessen, 2014:320)

3.3.4 Sirkumstan Penyebab (*Cause*)

Elemen Sirkumstan keempat iaitu Sirkumstan Penyebab berfungsi untuk mengungkapkan sebab sesuatu Proses terjadi. Terdapat tiga kategori dalam jenis Sirkumstan ini antaranya adalah Alasan (*Reason*), Tujuan (*Purpose*), dan Untuk Kepentingan (*Behalf*). Jadual 3.7, menunjukkan kategori Sirkumstan Penyebab berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014).

Jadual 3.7 : Kategori Sirkumstan Penyebab (Halliday & Matthiessen 2014:322)

Type	WH-form	Examples
Reason	why? how?	(they left) because of the drought
Purpose	what? for?	(it's all done) with a view to promotion
Behalf	who for?	(put in a word) on my behalf

➤ Alasan (*Reason*)

Kategori „Alasan“ dalam elemen ini adalah berfungsi untuk memberikan sebab terjadinya sesuatu Proses. Alasan dalam elemen ini juga memberikan jawapan kepada soalan „kenapa“ dan „bagaimana“ di mana jawapannya akan bermula dengan perkataan „kerana“(because). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyebab yang berkategori Alasan.

- I went out of curiosity. (Thompson, 2004:110)

➤ Tujuan (*Purpose*)

Kategori „Tujuan“ pula menunjukkan tujuan terjadinya sesuatu tindakan dan digunakan untuk menjawab soalan „untuk apa?“ (*for what*) dan jawapannya bermula dengan kata sendi „untuk“ (*for*). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyebab yang berkategori Tujuan.

- Do you fancy coming for a drink? (Thompson, 2004:110)

➤ Untuk Kepentingan (*Behalf*)

Kategori „Untuk Kepentingan“ menunjukkan kepentingan yang ditujukan kepada seseorang atau suatu kesatuan yang lain. Selain itu, kategori ini diungkapkan dengan frasa kata sendi „untuk“ (*for*) bagi menjawab soalan „untuk siapa?“ (*who for*). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyebab yang berkategori Untuk Kepentingan.

- We had a bribe for her. (Thompson, 2004:110)

3.3.5 Sirkumstan Lingkungan (*Contigency*)

Seterusnya kategori Sirkumstan Lingkungan yang terbahagi kepada tiga kategori kecil iaitu, Kondisi (*Condition*), Konsesi (*Concession*) dan Desakan (*Default*).

➤ **Kondisi (*Condition*)**

Sirkumstan Kondisi menerangkan tentang keadaan tertentu pada sesuatu peristiwa. Fungsi Sirkumstan ini adalah untuk menjawab soalan “bagaimana jika?” (*what if*). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyebab yang berkategori Untuk Kepentingan. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Lingkungan yang berkategori Kondisi.

- In the event of a fire, the building should be evacuated. (Thompson, 2004:110)

➤ **Konsesi (*Concession*)**

Konsesi dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata sendi seperti „walaupun“ (*although, despite, in case of*). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Lingkungan yang berkategori Konsesi.

- Despite his exhaustion, he hauled himself over the wall. (Thompson, 2004:110)

➤ **Desakan (*Default*)**

Desakan pula mewakili keadaan negatif yang menggunakan kata sendi seperti „jika tidak“ (*if not*) dan „melainkan jika“ (*unless*). Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Lingkungan yang berkategori Desakan.

- In the absence of any prior agreement between the parties as to the rate salvage payable, the amount is assessed, as a rule, by the Admiralty Court. (Halliday & Matthiessen, 2014: 323)

3.3.6 Sirkumstan Penyerta (*Accompaniment*)

Sirkumstan Penyerta ialah Sikumstan yang menemani Peserta di dalam satu peristiwa. Terdapat dua jenis dalam Sirkumstan Penyerta iaitu Komitasi (*Comitative*) dan Tambahan (*Additive*). Di samping itu juga, Sirkumstan Penyerta dapat dikenal pasti melalui kata sendi seperti „dengan“, „tanpa“ dan sebagainya. Jadual 3.8, menunjukkan kategori Sirkumstan Komitasi berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014).

Jadual 3.8: Kategori Sirkumstan Penyerta (Halliday & Matthiessen, 2014:324)

	WH-form	Examples
comitative, positive: „accompanied by“	Who/what with? and who/ what else?	Fred came with Tom Jane set out with her umbrella.
comitative, negative: „not accompanied by“	but not who/ what?	Fred came without Tom I came without my key
additive, positive „in addition to“	and who / what else?	Fred come as well as Tom
additive, negative : „as alternative to“	and not who / what?	Fred came instead of Tom

➤ Komitasi (*Comitative*)

Menurut Halliday dan Mathiessen (2014), Komitasi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu Komitasi Positif dan Komitasi Negatif. Komitasi Postitif dapat dikenal pasti dengan cara ia berfungsi untuk menjawab soalan seperti „dengan siapa/ apa?“. Manakala Komitasi Negatif pula dapat dikenal pasti berfungsi untuk menjawab soalan seperti „tetapi tanpa siapa/ apa?“. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyerta yang berkategori Komitasi.

- She“s sitting on the grass over there with her brother. (Thompson, 2004:111)

➤ **Tambahan (*Additive*)**

Elemen Tambahan dalam Proses Mental ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu tambahan positif dan tambahan negatif sama seperti elemen komitasi. Elemen Tambahan postitif dapat dikenal pasti di mana ia menjawab soalan seperti „dengan siapa lagi/ apa lagi?“. Sementara itu, Tambahan negatif pula dapat dikenal pasti melalui fungsi menjawab soalan seperti „tetapi tanpa siapa/ apa?“. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Penyerta yang berkategori Tambahan.

- **Instead of dingy velveteen he had brown fur**, soft and shiny.

(Halliday & Matthiessen, 2014:325)

3.3.7 Sirkusmstan Peranan (*Role*)

Elemen ketujuh yang berada dalam Sirkumstan adalah Sirkumstan Peranan yang mana ia memberikan gambaran tentang peranan yang dilakukan oleh Peserta di dalam sesuatu peristiwa. Terdapat dua kategori dalam Sirkumstan Peranan iaitu elemen „Samaran“ dan „Produk“:

➤ **Samaran (*Guise*)**

Sirkumstan Peranan kategori Samaran digunakan untuk menjawab soalan „sebagai apa?“ dan juga berfungsi menginterepretasikan makna „menjadi“ (*be*) seperti *attributif* dan identifikasi. Selain itu, kata sendi yang digunakan dalam kategori *Guise* adalah kata sendi „sebagai“ (*as*), „dengan cara“ (*by way of*) dan sebagainya. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Peranan yang berkategori Samaran.

- He set out **as a pauper**. (Halliday & Matthiessan, 2014:333)

➤ **Produk (Product)**

Kategori kedua dalam Sirkumstan Peranan adalah kategori Produk. Ia digunakan untuk menjawab soalan „menjadi apa?“ juga berfungsi menginterpretasi makna „menjadi“ (*become*) dan juga *attributive* dan identifikasi. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Peranan yang berkategori Produk.

- They“ve turned the drill hall into a fitness centre. (Thompson, 2004:111)

3.3.8 Sirkumstan Perihal (Matter)

Sirkumstan Perihal memberi jawapan bagi soalan „tentang apa?“. Kata sendi yang biasa digunakan dalam Sirkumstan Perihal „matter“ adalah „tentang“, „berkenaan dengan“, „berhubungan dengan“ dan sebagainya. Kebiasaannya, Sirkumstan ini hadir bersama Proses Verbal, Proses Mental Kognitif dan juga Proses Perilaku. Contoh 3.20 di bawah menunjukkan kehadiran Sirkumstan Perihal yang dipetik daripada buku Halliday dan Matthiessen (2014). Dalam contoh tersebut, frasa „*about the sale*“ adalah dalam kategori Sirkumstan Perihal yang berfungsi untuk menjawab soalan „tentang apa?“. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Perihal.

- Jack told his friends about the sale. (Halliday & Matthiessan, 2014:314)

3.3.9 Sirkumstan Pandangan (Angle)

Elemen Sirkumstan Pandangan merupakan Sirkumstan terakhir yang mewakili Peserta *Sayer* dalam Proses Verbal atau *Senser* dalam Proses Mental. Ia mewakili kata sendi yang kompleks seperti „mengikut“, „menurut“, „dari sudut pandangan“ dan sebagainya. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan Sirkumstan Pandangan.

- To Miss Lewisham, this had been a great relief. (Thompson, 2004:111)

Jadual 3.9, menujukkan kriteria bagi kesembilan-sembilan jenis elemen Sirkumstan berdasarkan teori Halliday dan Matthiessen 2014. Seterusnya memberikan gambaran yang menyeluruh cara mengidentifikasi elemen-elemen Sirkumstan dalam ayat.

Jadual 3.9: Jenis-Jenis Elemen Sirkumstan (Halliday & Matthiessan 2014:313)

	TYPE	Wh-item	Examples of realization
Enhancing	1 Extent	Distance	how far?
		Duration	how long?
		Frequency	how many times?
	2 Location	Place	where? [there, here]
			at, in, on, by, near; to, towards, into, onto, (away) from, out of, off; behind, in front of, above, below, under, alongside adverb of place: abroad, overseas, home, upstairs, downstairs, inside, outside; out, up, down, behind; left, right, straight ...; there, here
		Time	when? [then,now]
	3 Manner	Means	how? [thus] by, through, with, by means of, out of [+ material], from
		Quality	in + a + quality (e.g. dignified) + manner/way, with + abstraction (e.g. dignity); according to adverbs in -ly, -wise; fast, well; together, jointly, separately, respectively
		Comparison	like, unlike; in + the manner of ... adverbs of comparison differently
		Degree	to + a high/low/ ... degree/extent; adverbs of degree much, greatly, considerably, deeply [often collocationally linked to lexical verb, love + deeply, understand + completely]

	4 Cause	Reason	why?	because of, as a result of, thanks to, due to, for want of, for, of, out of, through
		Purpose	why? what for?	for, for the purpose of, for the sake of, in the hope of
		Behalf	who for?	for, for the sake of, in favour of, against [„not in favour of“], on behalf of
	5 Contingency	Condition	why?	in case of, in the event of
		Default		in default of, in the absence of, short of, without [„if it had not been for“]
		concession		despite, in spite of
Extending	6 Accompaniment	Comitative	who/ what with?	With; without
		Additive	and who / what else?	as well as, besides; instead of
Elaborating	7 Role	Guise	what as?	As, by way, in the role / shape /guise / form o
		Product	what into?	Into
Projection	8 Matter		what about	About, concerning, on, of, with reference to, in {„with respect to“}
	9 Angle	Source		According to, in the words of
		Viewpoint		To, in the view/opinion of, from the standpoint of

3.4 Kerangka Teori untuk Menganalisis Data: Panduan untuk Mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peseta

Kriteria setiap jenis Proses dinyatakan secara terperinci dalam jadual di bawah berdasarkan Martin, Matthiessen & Painter (1997), dan juga Halliday dan Matthiessen (2014) yang telah diringkaskan oleh pengkaji untuk menetapkan penganalisisan yang tepat. Kriteria-kriteria tersebut diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan digunakan sebagai panduan sewaktu penganalisisan data untuk analisis yang lebih jitu. Ia tunjukkan dalam jadual 3.10.

Jadual 3.10: Panduan untuk Ketepatan Penganalisisan Data

Jenis –jenis Proses	Kriteria berdasarkan Martin, Matthiessen & Painter (1997), Halliday & Matthiessen (2014) untuk mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peserta	Terjemahan Dalam Bahasa Melayu (Diaplilikasikan dalam ayat bahasa Melayu)
Klausa Material	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Construe doing and happenings ➤ Concrete ➤ Can be perceived ➤ Motion in space ➤ Construe movement in an abstract space of measurement. ➤ Present in present ➤ 4 participant : <ul style="list-style-type: none"> i) Actor : the one doing the material deed ii) Goal : impacted by a doing iii) Beneficiary : benefiting from the doing. iv) Range: the scope of a happening 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mentafsirkan lakuan dan kejadian. ➤ Konkrit ➤ Boleh dilihat ➤ Gerakan dalam ruang ➤ 4 Peserta : i) <i>Actor</i> : Orang yang melakukan perbuatan ii) <i>Goal</i> : kesan daripada perbuatan iii) <i>Beneficiary</i> : mendapat manfaat daripada lakuan iv) <i>Range</i> : skop yang digunakan
Klausa Mental	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Construe a person involving in conscious processing. ➤ Perception ➤ Cognition ➤ Affection ➤ Simple present ➤ 2 participant : <ul style="list-style-type: none"> i) Senser : - sensing - involved in conscious 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Perspektif ➤ Kognitif ➤ Afektif ➤ 2 Peserta i) <i>Senser</i> :- terlibat dalam proses penyedaran ii) <i>Phenomenon</i> :- yang merasakan <ul style="list-style-type: none"> - objek - tindakan

	<p style="text-align: center;">processing</p> <p>ii) Phenomenon :- being sensed</p> <ul style="list-style-type: none"> - a conscious being - an object - an abstraction - acts - facts 	<ul style="list-style-type: none"> - abstrak - fakta - tindakan
Klausa Relasional	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Construe being ➢ 2 different modes <ul style="list-style-type: none"> i) Attribution ii) Identification ➢ Attributive (Carrier + Attributive) ➢ Identifying (Token + Value) ➢ Same order of abstraction , subtype to type (Carrier + Attributive) ➢ Different orders of abstraction , related to symbolically (Token + Value) ➢ Serve to characterize and to identify ➢ Realized by the verb be in the simple present or past tense ➢ Simple present 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ 2 mod yang berbeza <ul style="list-style-type: none"> i) Attributif ii) Identifikasi ➢ Peserta Attributif (<i>Carrier + Attribut</i>) ➢ Peserta Identifikasi (<i>Token + Value</i>) ➢ Pengaturan abstraksi yang sama, subjenis ke jenis (<i>Carrier + Attribut</i>) ➢ Pengaturan abstraksi yang berbeza, berkait secara simbolik (<i>Token + Value</i>) ➢ Dapat idenifikasi melalui perkataan „menjadi“, „adalah“ dan „jalah“ ➢ Digunakan untuk mencirikan dan juga untuk mengenalpastikan
Klausa Verbal	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Processes of saying ➢ Semiotic processes ➢ Simple present ➢ 3 participant <ul style="list-style-type: none"> i)Sayer :- human or symbolic source ii)Receiver :- addressee of a speech interaction iii)Verbiage :- the content of saying 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Proses untuk mengatakan ➢ Proses semiotic ➢ 3 Peserta <p>i) <i>Sayer</i> :- manusia atau sumber simbolik</p> <p>ii) <i>Receiver</i> :- penerima sewaktu berinteraksi</p> <p>iii) <i>Verbiage</i> : kandungan berkata</p>
Klausa Perilaku (Behavioural)	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Construe human behavior ➢ Mental and verbal behavior ➢ The present continuous/ progressive ➢ Cannot report ➢ Physiological processes ➢ Social processes ➢ Present in present ➢ 1 participant i) <i>Behaver</i> :- 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Mentafsirkan tingkah laku manusia. ➢ Kala berterusan / progresif ➢ Proses psikologi ➢ Proses sosial ➢ 1 Peserta <p>i) <i>Behaver</i> :-</p>

Klausula Eksistensial	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Construe a participant involved in a process of being ➤ 1 participant i) Eksistent ➤ <i>There</i> signals the process type ➤ Frequently have a circumstance of Location 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ 1 Peserta i) Eksisten ➤ Sering mempunyai Sirkumstan Lokasi ➤ „terdapat“, dan „ada“ merupakan petanda
-----------------------	---	---

Dapatan kajian ini tidak melibatkan *,inter-rater reliability*. Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas dalam bidang Linguistik Sistemik Fungsional khususnya, Sistem Transitiviti juga tidak melibatkan *inter-rater reliability* dalam kajiannya. Walaupun kajian ini tidak melibatkan *inter-rater*, bagi meningkatkan aspek kebolehpercayaan, data kajian ini dianalisis berdasarkan kriteria-kriteria yang ditentukan dalam jadual 3.4 untuk mengidentifikasi jenis-jenis Proses dan Peserta. Setiap ayat diteliti berdasarkan kriteria-kriteria tersebut untuk menetapkan analisis transitiviti konsisten dalam keseluruhan data kajian.

3.4 Penutup

Secara kesimpulanya, bab ini membincangkan tentang kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Sistem Transitiviti. Elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan dibincangkan dengan terperinci dalam bab ini. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang panduan untuk ketepatan penganalisisan data dengan jelas. Metodologi kajian akan dibincangkan dalam bab berikutnya.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah data bahasa yang diambil daripada genre majalah. Kajian ini merupakan satu kajian bersifat kualitatif berdasarkan analisis kandungan kualitatif (Flick, Uwe, 2006:312, dan Dornyei, 2007:245). Bab ini dimulakan dengan deskripsi mengenai data kajian. Seterusnya diteruskan dengan reka bentuk kajian ini terdiri daripada 3 langkah dalam menganalisis data. Sampel analisis data daripada kajian perintis (*pilot study*) juga dibincangkan dalam bab ini dengan berpandukan kepada model Halliday dan Matthiessen (2014). Bab ini diakhiri dengan penutup.

4.1 Deskripsi data

Data bagi kajian ini dipetik daripada genre majalah yang ditulis dalam bahasa Melayu. Tiga jenis majalah berbeza telah dipilih bagi tujuan mengutip data bagi kajian ini. Majalah-majalah yang telah dipilih sebagai sumber untuk mengutip data kajian adalah majalah „Wanita“, „Mingguan Wanita“, dan „Seni Dewi Keluarga“. Kesemua majalah ini berada dalam kategori yang sama iaitu kategori Fesyen dan Kecantikan Wanita. Majalah „Mingguan Wanita“ dan „Seni Dewi Keluarga“ diterbitkan oleh Kumpulan Penerbit Majalah Karangkaraf Sdn. Bhd. manakala majalah „Wanita“ diterbitkan oleh Penerbit Utusan Karya Sdn. Bhd. Tambahan pula, Majalah „Wanita“ dan „Seni Dewi Keluarga“ diterbitkan secara bulanan dan „Mingguan Wanita“ pula diterbitkan secara mingguan.

Berdasarkan laporan Persatuan Penerbitan Majalah Malaysia, hasil daripada penjualan dari tahun 2012 hingga 2015, ketiga-tiga majalah tersebut mendapat permintaan yang tertinggi daripada pembaca dalam pasaran Fesyen dan Kecantikan Wanita. Terdapat juga beberapa persamaan dalam isi kandungan ketiga-tiga majalah ini antaranya adalah, kesemua majalah ini mempunyai topik kesihatan, fesyen wanita, kecantikan, gaya hidup dan sebagainya.


Berdasarkan permintaan yang tinggi dan juga persamaan topik perbincangan, ketiga-tiga majalah tersebut telah dipilih untuk pengumpulan data bagi kajian ini. Ketiga-tiga majalah ini kumpul selama 3 bulan secara berterusan bermula daripada bulan Mac, April dan Mei 2016. Jadual 4.1 menunjukkan muka depan ketiga-tiga majalah tersebut.

Jadual 4.1 : Muka Depan Majalah Dari Bulan Mac 2016 Hingga Mei 2016

Bulan	Wanita	Mingguan Wanita	Seri Dewi Keluarga
Mac			
April			
Mei			

Melalui majalah tersebut, hanya teks yang bertema kesihatan dan penyakit telah dipilih sebagai data kajian. Sebuah teks tentang kesihatan dan penyakit dikumpul daripada setiap majalah bagi setiap bulan. Oleh itu, sebanyak 3 buah teks telah dikutip bagi sebulan. Maka, jumlah keseluruhan majalah yang telah dikumpul adalah sebanyak 9 buah teks dan jumlah ayat yang terkumpul daripada 9 teks tersebut adalah sebanyak 332 ayat. Kajian rintis turut dijalankan untuk pemilihan data. Jadual 4.2 menunjukkan antara teks yang dipilih sebagai data kajian ini.

Jadual 4.2 : Teks Kesihatan dan Penyakit dari Bulan Mac 2016 hingga Mei 2016

Bulan	Wanita	Mingguan Wanita	Seri Dewi Keluarga
Mac			
April			
Mei			


Teks yang bertema kesihatan dan penyakit telah dipilih dalam kajian ini kerana isu kesihatan dan penyakit merupakan salah satu perkara yang perlu dititik beratkan oleh masyarakat lebih-lebih lagi pada masa kini. Statistik menunjukkan semakin hari semakin tinggi bilangan pesakit yang wujud pada masa kini. Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai kesedaran yang secukupnya tentang sesuatu penyakit. Selain itu, teks kesihatan dan penyakit dalam majalah juga berperanan dalam memberikan kesedaran kepada para pembaca seterusnya, dapat memberikan pemahaman yang lebih jauh untuk memahami makna sebenar sesuatu teks kepada para pembaca.

Seterusnya dalam menganalisis ayat yang telah dikumpul, pengkaji hanya menganalisis ayat yang berterusan dan tidak pada gambar-gambar atau teks yang terdapat dalam kotak berasingan. Ini kerana, ia tidak termasuk dalam skop kajian ini yang hanya menganalisis struktur pembentukkan ayat sahaja berdasarkan Sistem Transitiviti. Teks yang terdapat dalam kotak berasingan tidak dianalisis kerana mengandungi frasa-frasa yang amat ringkas dan tidak sesuai bagi menganalisis berdasarkan Sistem Transitiviti.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Rockwell dan Kohn (1989) serta Davis (2003) menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah menilai perubahan dalam pengetahuan, kesedaran, kemahiran, sikap, keyakinan dan tingkah laku responden. Selain itu, reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan untuk mendapatkan penjelasan terhadap persoalan kajian. Terdapat 3 langkah yang digunakan dalam menganalisis data kajian ini. Langkah-langkah tersebut membantu pengkaji bagi mendapatkan hasil kajian yang sistematik. Antaranya adalah mentranformasikan teks secara elektronik, menganalisis data dan mengkuantifikasi hasil

dapatkan kualitatif, serta langkah untuk menginterpretasi data. Ia ditunjukkan dengan lebih jelas melalui rajah 4.1.



Rajah 4.1: Langkah-Langkah Menganalisis Data

4.2.1 Langkah 1 – Mentransformasikan Teks Secara Elektronik Dan Melabelkan Data

Langkah pertama, teks daripada bentuk asal ditransformasi kepada bentuk elektronik untuk memudah dan mempercepatkan Proses analisis data. Jadual 4.3 menunjukkan contoh ayat-ayat ditransformasikan daripada teks kajian.

Jadual 4.3 : Data Kajian

Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.
Lebih-lebih lagi apabila diri disahkan menghidap cacar air atau chicken pox yang berpunca daripada jangkitan virus varisela-zoster.
Bukan hanya mengakibatkan kesakitan dan ketidakselesaan kepada si ibu, virus cacar air yang tersebar menerusi medium udara tercemar dengan bendarir badan pesakit seperti kahak dan air liur juga menimbulkan gangguan radang paru-paru (pneumonia).
Serangan virus tersebut turut mendedahkan bayi dalam kandungan kepada beberapa siri gangguan kesihatan yang agak kronik.
Antaranya keguguran, kecacatan semasa lahir seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.
Sungguhpun begitu, kemungkinan bayi untuk berdepan dengan risiko gangguan kesihatan berbahaya itu bergantung kepada usia kandungan saat ibu dijangkiti cacar air.
Janin atau bayi berada dalam risiko tinggi dan nyawa si kecil boleh terancam.

Jadual 4.3, sambungan

Keadaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.
Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.
Kebiasaannya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut.
Selain itu, rawatan antiviral menggunakan acyclovir juga antara teknik perubatan yang akan dilaksanakan oleh doctor bagi menyelamatkan bayi.
Bayi berdepan jangkitan cacar air, namun simptom-simptomnya mungkin tidak muncul kerana perlalian daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.
Bayi anda berkemungkinan besar tidak akan terjejas dengan jangkitan penyakit ini.
Pun begitu, bayi berisiko untuk mendapat penyakit kayap.
Risiko bayi berhadapan dengan komplikasi akibat cacar air amat rendah sehingga kurang daripada satu peratus.
Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.
Pesakit akan mula mengalami demam selepas lapan hingga 13 hari setelah dijangkiti virus (tempoh inkubasi).
Ruam biasanya keluar pada hari keempat serangan virus.
Ruam demam cacar air sangat unik kerana hadir dengan begitu banyak sehingga bersambung menjadikan satu tompok besar.
Ruam biasanya bermula dari muka dan merebak kea rah badan dan akhirnya ke kaki.
Air kelapa sememangnya bermanfaat.
Ambil beberapa helai daun jambu batu, kemudian tumbuk sehingga lumat.
Campurkan bersama bedak sejuk dan sapu pada badan.
Air daun jambu batu yang diramas juga boleh dibuat air mandian.
Mandi dengan air daun bambu setiap hari sehingga bintik-bintik demam campak hilang.
Disebabkan penyakit ini mudah berjangkit melalui bendalir badan yang tersebar dalam udara, pesakit perlu memastikan persekitaran sentiasa bersih dan tidak menyebarkan penyakit ini.

Ayat-ayat yang telah ditransformasi diberikan label tertentu untuk dianalisis. Label S1, S2, S3, dan seterusnya digunakan untuk menamakan ayat-ayat dalam teks secara berturutan. Manakala, label T1, T2, T3 pula digunakan untuk membezakan tajuk majalah. Selain itu, label “T1” juga turut digunakan untuk majalah yang bertajuk Wanita, label “T2” digunakan untuk majalah Mingguan Wanita dan label “T3” digunakan untuk majalah yang bertajuk Seri Dewi Keluarga. Seterusnya, label A, B, C pula digunakan untuk membezakan bulan keluaran majalah yang dikaji. Label “A” untuk bulan Mac, label “B” untuk bulan April dan label “C” adalah untuk bulan “Mei”. Jadual 4.4, menunjukkan label teks yang digunakan dalam kajian ini dengan lebih terperinci.

Jadual 4.4 : Label Teks

Tajuk Majalah Bulan	Wanita (T1)	Mingguan Wanita (T2)	Seri Dewi Keluarga (T3)
Mac 2016 (A)	T1 A Cacar Air Ragut Nyawa Bayi Dalam Kandungan ? (M/S 102-103)	T2 A Serangan Senyap Radang Pelvis Bahaya Buat Wanita (M/S 78-79)	T3 A Jangan Pandang Remeh Bells Palsy (M/S 60-61)
April 2016 (B)	T1 B Buasir Aduh! Rimasnya (M/S 60-61)	T2 B Bahaya Hormon Tiroid Tidak Seimbang (M/S 74-75)	T3 B Teratogen Picu Kelahiran Cacat (M/S 98-99)
Mei 2016 (C)	T1 C Kawal Sindrom Polistik Ovari (98-99)	T3 C Migrain Sakt Kepala Dan Hormon (M/S 60-61)	T3 C Sindrom Carpal Tunnel Dari Biasa Mungkin Berisiko (M/S 62-63)
Cth: S1T1A <i>Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.</i>			S1 Ayat pertama T1 Majalah Wanita Inspirasi Terkini A Bulan Mac

Sementara itu, Jadual 4.5 pula menunjukkan contoh cara melabel yang digunakan oleh pengkaji dalam data kajian berdasarkan label yang ditunjukkan dalam jadual 4.4.

Jadual 4.5 : Perlabelan dalam Data Kajian

S1T1A	Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.
S2T1A	Lebih-lebih lagi apabila diri disahkan menghidap cacar air atau chicken pox yang berpunca daripada jangkitan virus varisela-zoster.
S3T1A	Bukan hanya mengakibatkan kesakitan dan ketidakselesaan kepada si ibu, virus cacar air yang tersebar menerusi medium udara tercemar dengan bendalir badan pesakit seperti kahak dan air liur juga menimbulkan gangguan radang paru-paru (pneumonia).
S4T1A	Serangan virus tersebut turut mendedahkan bayi dalam kandungan kepada beberapa siri gangguan kesihatan yang agak kronik.
S5T1A	Antaranya keguguran, kecacatan semasa lahir seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.

Jadual 4.5, sambungan

S6T1A	Sungguhpun begitu, kemungkinan bayi untuk berdepan dengan risiko gangguan kesihatan berbahaya itu bergantung kepada usia kandungan saat ibu dijangkiti cacar air.
S7T1A	Janin atau bayi berada dalam risiko tinggi dan nyawa si kecil boleh terancam.
S8T1A	Keadaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.
S9T1A	Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.
S10T1A	Kebiasaannya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut.
S11T1A	Selain itu, rawatan antiviral menggunakan acyclovir juga antara teknik perubatan yang akan dilaksanakan oleh doctor bagi menyelamatkan bayi.
S12T1A	Bayi berdepan jangkitan cacar air, namun simptom-simptomnya mungkin tidak muncul kerana perlalian daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.
S13T1A	Bayi anda berkemungkinan besar tidak akan terjejas dengan jangkitan penyakit ini.
S14T1A	Pun begitu, bayi berisiko untuk mendapat penyakit kayap.
S15T1A	Risiko bayi berhadapan dengan komplikasi akibat cacar air amat rendah sehingga kurang daripada satu peratus.
S16T1A	Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.

4.2.2 Langkah 2 – Menganalisis Data Berdasarkan Transitiviti dan Mengkuantifikasi Hasil Dapatan Kualitatif

Seterusnya, kaedah menganalisis data yang juga merupakan bahagian yang amat penting dalam sesuatu penyelidikan. Penganalisisan yang tepat dan jitu adalah penting untuk mengesahkan jawapan bagi soalan-soalan kajian. Hanya melalui kaedah penganalisisan yang baik dan jitu sahaja, pembuktian ini dapat dilakukan, dan pada masa yang sama segala hasil penyelidikan dapat ditafsirkan. Pengkaji telah menganalisis data kajian ini secara terperinci dan mendalam berdasarkan kerangka teori Sistem Transitiviti yang telah dinyatakan secara terperinci dalam bahagian sebelumnya. Pada langkah ini, jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan telah dikenal pasti dalam setiap ayat yang dikumpul. Setiap perkataan dalam satu ayat telah dianalisis kecuali perkataan seperti kata hubung (dan, atau, tetapi) sahaja yang tidak dianalisis. Jadual 4.6, menunjukkan label singkatan

bagi elemen-elemen Transitiviti yang digunakan dalam kajian ini sewaktu menganalisis data.

Jadual 4.6 : Label Singkatan Elemen-Elemen Transitiviti yang Digunakan untuk Menganalisis Data

Elemen Transitiviti		Kod Singkatan	
Proses	Material	Pro : Mat	
	Mental	Pro : Men	
	Verbal	Pro : Verb	
	Relational	Pro : Rel	
	Behavioral	Pro : Bhv	
	Existential	Pro : Ex	
Peserta	Actor	Act	
	Goal	Goal	
	Sensor	Sem	
	Phenomenon	Ph	
	Sayer	Sy	
	Verbiage	Verb	
	Receiver	Rcv	
	Target	Tar	
	Range	Ran	
	Behavior	Bhv	
	Carrier	Cr	
	Attribute	Att	
	Identified	Ide	
	Token	Tok	
	Value	Val	
	Existent	Ex	
Sirkumstan	Extent	distance	Circ : Ext : Dis
		Duration	Circ : Ext : Dur
		Frequency	Circ : Ext : Fre
	Location	Place	Circ : Loc : Plc
		Time	Circ : Loc : Tme
	Manner	Mean	Circ : Man : Mean
		Quality	Circ : Man : Qua
		Comparison	Circ : Man : Com
		Degree	Circ : Man : Deg
	Cause	Reason	Circ : Cau : Rea
		Purpose	Circ : Cau : Pur
		Behalf	Circ : Cau : Bhf
	Contingency	Condition	Circ : Cont : Cond
		Default	Circ : Cont : Def
		Concession	Circ : Cont : Cons
	Role	Guise	Circ : Rol : Gus
		Product	Circ : Rol : Pro
	Accompaniment	Comitative	Circ : Acc : Com
		Additive	Circ : Acc : Add
		Guise	Circ : Acc : Gus
		Product	Circ : Acc : Pro
	Matter		Circ : Matt
	Angle	Source	Circ : Ang : Sou
		Viewpoint	Circ : Ang : Viw

Beberapa simbol telah digunakan sewaktu menganalisis data kajian. Simbol-simbol tersebut digunakan untuk menunjukkan peranan sesuatu perkataan dalam ayat berkenaan dan ia tidak dianalisis kerana ia bukan berkaitan dengan elemen-elemen Sistem Transitiviti. Dengan itu, jadual 4.7 menunjukkan fungsi simbol-simbol tertentu yang digunakan sewaktu menganalisis bersama contoh perkataan yang tidak dianalisis.

Jadual 4.7 : Simbol yang digunakan untuk Penganalisisan Data

Simbol	Penerangan
()	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kata Penegas (sahaja, hanya, memang, juga, pun, lagi, cuma...) ➤ Kata Bantu (sedang, telah, akan, masih, pernah) ➤ Kata Bantu Ragam (boleh, harus, mesti, patut, mahu, dapat, hendak..) ➤ Penanda Wacana (mungkin, jadi, lebih-lebih lagi...) ➤ Kata Sendi (dengan, untuk)
/	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kata Hubung (dan, atau, lalu, tetapi, supaya, manakala, sekiranya, jika, bahawa, untuk , manakala, walaupun....) ➤ Kata Nafi (bukan, tidak)
[]	Klausula <i>Embedded</i>

Manakala, bagi Jadual 4.8, menunjukkan contoh penganalisisan berdasarkan label singkatan elemen-elemen Sistem Transitiviti dan simbol yang dipetik daripada data kajian.

Jadual 4.8 : Penganalisisan Data

S14T2A	Semakin ramai wanita dikatakan mandul akibat serangan radang pelvis.			
	Semakin ramai wanita	dikatakan	mandul	akibat serangan radang pelvis.
	Tar	Pro. Ver	Verb	Circ : Cau : Rea
S25T1A	Mandi dengan air daun bambu setiap hari sehingga bintik-bintik demam campak hilang.			
	Mandi	dengan air daun bamboo	setiap hari	sehingga bintik-bintik demam campak hilang.
	Pro : Mat	Circ : Acc : Com	Circ : Ext : Dur	Goal
S19T2A	Wanita yang mengalami kehamilan ektopik atau kurang subur kerap mengalami radang yang disebabkan oleh klamidia.			
	Wanita	(yang) mengalami	kehamilan ektopik atau kurang subur	
	Act	Pro : Mat	Goal	
	kerap	mengalami	radang	yang disebabkan oleh klamidia
	Circ : Ext : Fre	Pro : Mat	Goal	Circ : Cau : Rea
S25T2A	Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis.			
	Ultrasound pelvic	adalah	satu prosedur yang berguna	untuk mengesan radang pelvis.
	Cr	Pro : Rel: Att	Att	Circ : Cau : Rea
S1T1A	Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.			
	[Tidak kira apa juga]	penyakit	(yang) datang menyerang,	wanita hamil
		Act	Pro : Mat	Sen
				Circ :Ext : Fre
				Pro : Men
				Circ : Man: Mean

Setelah analisis data dijalankan, hasil dapatan kualitatif dikuantitatifkan untuk menunjukkan taburan penggunaan jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Dengan ini, jenis serta peranan Proses dan Peserta serta Sirkumstan yang mendominasi dalam data kajian ini dapat dikenal pasti. Maka, hasil dapatan dalam langkah ini akan menjawab persoalan kajian pertama dan kedua dalam kajian ini:

- 4) Apakah jenis-jenis Proses dan Peserta yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu ?
- 5) Apakah jenis-jenis Sirkumstan yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?

4.2.3 Langkah 3 – Menginterpretasi Data Kualitatif

Langkah seterusnya adalah proses menginterpretasi data. Data-data yang dikumpul telah diinterpretasi untuk mengenal pasti bagaimana makna dapat dibina menerusi Sistem Transitiviti berdasarkan teori M.A.K Halliday dan Matthiessen (2014). Kehadiran Proses, Peserta dan Sirkumstan akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Di samping itu, penerangan mengenai Proses dan Peserta serta Sirkumstan turut dibincangkan bersama contoh-contoh yang dipetik daripada teks kesihatan dan penyakit. Hasil dapatan pada langkah ini, akan menjawab persoalan kajian yang ketiga dalam kajian ini:

- 6) Bagaimanakah makna ideasional dibangunkan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam genre majalah bahasa Melayu?

4.3 Sampel Analisis

Kajian rintis merupakan antara bahagian penting bagi sebuah kajian yang baik. “Ia boleh membantu pengkaji mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian utama yang akan dijalankan” (Chua Yan Piaw, 2006:257). Sebuah teks tentang kesihatan dan penyakit telah dipilih terlebih dahulu sebagai kajian rintis untuk dianalisis berdasarkan Sistem Transitiviti sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Ini adalah untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemusnasabahan kajian yang akan dilaksanakan samada relevan atau tidak untuk diteruskan. Berikut adalah sebahagian teks yang digunakan sebagai kajian rintis seperti di bawah ini:

Biasanya kita dengar tentang kesihatan tulang namun sama sekali kita tidak terfikir bahawa tulang juga hidup sebagaimana sel-sel , tisu-tisu dan organ-organ dalaman badan kita. Setiap yang hidup juga memerlukan makanan untuk berkembang dan tumbuh dengan sempurna. Tulang yang tumbuh dengan baik dan sempurna akan menyokong badan dengan sempurna. Selain itu, tulang juga bertindak sebagai bank yang menyimpan kalsium untuk digunakan oleh tubuh badan menerusi pelbagai proses kimia. Mineral ini membantu saraf-saraf di dalam tubuh menghantar mesej dan juga kontraksi otot tubuh. Pun begitu, ramai yang tidak sedar bahawa walaupun kandungan darah berada pada tahap normal, tetapi ia tidak bermakna kandungan kalsium anda mencukupi. Pengambilan kalsium yang kurang memaksa tubuh mengambilnya daripada tulang, yang sepatutnya disimpan dalam tulang untuk kesihatan dan kesihatan tulang. Kekurangan kalsium di dalam tulang boleh menyebabkan keretakan tulang belakang, pinggul dan pergelangan tangan. Jika salah satu tulang anda patah (lebih-lebih lagi apabila hanya kecederaan ringan seperti terjatuh atau terlanggar), itu tanda pertama tulang anda bermasalah.

Berdasarkan sampel analisis kajian rintis yang dijalankan, dikenal pasti bahawa, kehadiran Proses Material adalah lebih dominan berbanding jenis Proses lain iaitu sebanyak 62%. Perkataan „Pengambilan“, „menyimpan“, „menyebabkan“ dan „menghantar“ merupakan antara contoh perkataan Proses Material yang dikenal pasti dalam sampel di

atas. Melalui analisis tersebut, Proses Material digunakan untuk menggambarkan penyakit dan akibat yang dibawa oleh penyakit yang berkenaan.

Manakala, Proses lain dalam Sistem Transtiviti digunakan dengan kadar minimum dan dalam masa yang sama, Proses Eksistensial pula didapati tidak wujud dalam sampel tersebut. Oleh kerana kehadiran Proses Material adalah Proses tertinggi dalam sampel di atas maka, peserta Proses Material iaitu *Actor* dan *Goal* juga didapati turut wujud secara dominan. Selain itu, Sirkumstan Penyebab pula didapati juga digunakan secara dominan berbanding elemen Sirkumstan lain iaitu sebanyak 27% diikuti oleh Sirkumstan Lokasi yang mencatat kehadiran kedua tertinggi iaitu sebanyak 18%. Contoh analisis transitiviti boleh dilihat dengan lebih terperinci seperti yang ditunjukkan dibawah:

Contoh 4.1 : Penganalisisan Sampel Ayat

Kekurangan kalsium di dalam tulang boleh menyebabkan keretakan tulang belakang, pinggul dan pergelangan tangan.				
S9	Kekurangan kalsium	di dalam tulang	(boleh) menyebabkan	keretakan tulang belakang, pinggul dan pergelangan tangan.
	Circ : Mat	Circ : Loc	Pro : Mat	Goal

Berdasarkan contoh 4.1, Proses Material dikenalpasti melalui perkataan „menyebabkan“ dimana ia merujuk pada kelakuan fizikal. Peserta Proses Material iaitu *Actor* dikenalpasti pada frasa „*kekurangan kalsium*“ yang merujuk pada agen pembawa masalah kesihatan pada manusia. Peserta *Goal* pula, dikenalpasti pada frasa „*keretakan tulang belakang, pinggul dan pergelangan tangan*“ dimana ia merupakan akibat yang dibawa oleh masalah kesihatan kekurangan kalsium. Jika kita lihat dari segi pembanguan makna ideasional, Proses Material dalam ayat tersebut digunakan untuk menyatakan akibat

yang dibawa oleh masalah kekurangan kalsium. Ia memberikan pendedahan kepada pembaca tentang risikonya masalah kekurangan kalsium.

Hasil dapatan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan bahawa Sistem Transitiviti boleh dan sesuai diaplikasikan dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Seterusnya kajian sebenar dapat dijalankan dengan menggunakan teori Sistem Transtiviti yang diperkenalkan oleh Halliday dan Matthiessen (2014) kerana didapati bersesuaian dan relevan bagi memenuhi objektif kajian seterusnya menjawab persoalan bagi kajian ini.

4.4 Penutup

Secara kesimpulannya, bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian, deskripsi data dan juga reka bentuk kajian. Prosedur yang terlibat dalam menganalisis data juga telah dibincangkan dengan terperinci. Selain itu, bab ini juga telah membincangkan dapatan daripada kajian rintis yang telah dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Dapatan atau hasil kajian akan dibincangkan pada bab yang berikutnya.

BAB 5

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini menganalisis kesembilan teks kesihatan dan penyakit yang diperoleh daripada tiga majalah yang berbeza akan berdasarkan Sistem Transitiviti yang diperkenalkan oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Seterusnya, perbincangan mengenai analisis data juga akan dibahaskan bagi menjawab persoalan kajian ini. Bab ini terdiri daripada empat bahagian utama yang akan dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil.

Bab ini dimulakan dengan perbincangan tentang kehadiran jenis-jenis Proses dan Peserta yang terdapat dalam sembilan teks yang dikaji. Fokus utama bahagian ini adalah untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian yang pertama iaitu “Apakah jenis-jenis Proses dan Peserta yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?” Perbincangan diteruskan kepada kehadiran jenis-jenis Sirkumstan yang wujud dalam data kajian. Selain itu juga, hasil analisis kajian dinyatakan dalam bentuk jadual dan graf untuk memberi gambaran dapatan kajian yang lebih jelas kepada pembaca seterusnya, menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu “Apakah jenis-jenis Sirkumstan yang digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah Bahasa Melayu?”.

Bab ini juga membincangkan tentang bagaimana makna ideasional dibangunkan dan direalisasikan menerusi teks kesihatan dan penyakit. Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu “Bagaimanakah makna ideasional dibangunkan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam genre majalah Bahasa Melayu?”. Bahagian terakhir

pada bab ini akan menyimpulkan secara ringkas mengenai keseluruhan perbincangan bab 5 dan juga merupakan penutup perbincangan pada bab ini.

5.1 Analisis Data dan Perbincangan Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Bahagian ini akan memfokuskan perbincangan mengenai jenis-jenis Proses dan Peserta yang terdapat dalam teks kesihatan dan penyakit berserta contoh. Turut dibincangkan juga adalah mengenai jumlah kehadiran jenis-jenis Proses dan Peserta. Perbincangan pada bahagian ini akan memberikan jawapan kepada persoalan kajian pertama iaitu :

- Apakah jenis-jenis Proses dan Peserta digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?.

5.1.1 Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Perbincangan dalam bahagian ini hanya berfokus kepada kehadiran jenis-jenis Proses yang terdapat dalam data kajian. Manakala, kehadiran Peserta pula akan difokuskan perbincangannya pada bahagian berikutnya. Terdapat sembilan teks kesihatan dan penyakit yang mengandungi sebanyak 332 ayat daripada tiga jenis majalah Melayu berbeza (Wanita, Mingguan Wanita, Seri Dewi Keluarga) telah dianalisis untuk mengetahui kehadiran jenis-jenis Proses. Kehadiran jenis-jenis Proses ini juga merupakan elemen terpenting dalam Sistem Transitiviti. Jadual 5.1 menunjukkan jumlah kehadiran jenis-jenis Proses yang diperoleh daripada seluruh data kajian.


Jadual 5.1: Jumlah Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Jenis-Jenis Proses	Jumlah Kehadiran Jenis-Jenis Proses dalam Data
Proses Material	230
Proses Mental	47
Proses Relasional	41
Proses Verbal	21
Proses Perilaku	9
Proses Eksistensial	6
Jumlah	354

Berdasarkan jadual 5.1, sebanyak 354 jenis-jenis Proses telah dikenal pasti dalam data kajian. Jumlah kehadiran jenis-jenis Proses dinyatakan dalam bentuk peratusan dan ditunjukkan dalam graf bar 5.1 adalah untuk memudahkan perbincangan serta memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai hasil dapatan kajian. Peratus kehadiran setiap jenis Proses daripada sembilan teks kesihatan dan penyakit diperoleh berdasarkan formula pengiraan seperti berikut:

$$\frac{A}{B} \times 100 = P \%$$

A = Jumlah kehadiran sejenis proses
B = Jumlah kehadiran semua jenis proses
P = Peratus



Rajah 5.1 : Peratus Kehadiran Jenis-Jenis Proses Dalam Data

Berdasarkan graf bar 5.1, kesemua enam jenis proses iaitu Proses Material, Proses Relasional, Proses Mental, Proses Verbal, Proses Perilaku dan Proses Eksistensial dikenal pasti hadir dalam teks kesihatan dan penyakit. Melihat kepada peratus yang telah dinyatakan, kehadiran Proses Material didapati mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 65%. Berbeza dengan peratus kehadiran Proses Relasional pula yang hanya mencatat sebanyak 13% sahaja dan juga menunjukkan jurang perbezaan peratusan yang besar dengan peratus Proses Material.

Manakala, peratus kehadiran ketiga tertinggi adalah Proses Mental iaitu sebanyak 12%. Ini diikuti oleh kehadiran Proses Verbal dan Proses Perilaku yang peratus kehadiran masing-masing sebanyak 6% dan 3%. Namun begitu, dapat dilihat bahawa kehadiran Proses Eksistensial pula menunjukkan jumlah yang sangat ketara kurang iaitu hanya mencatat 1% sahaja dalam teks yang dikaji. Kehadiran setiap jenis proses dalam teks kesihatan dan penyakit pula akan dibincangkan secara terperinci pada tajuk 5.1.3.

5.1.2 Kehadiran Elemen Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Bahagian ini pula akan membincangkan tentang kehadiran elemen Peserta dalam data kajian yang diperoleh daripada artikel yang telah dikaji. Secara umumnya, kehadiran jenis-jenis Proses dalam teks kesihatan dan penyakit didapati mempengaruhi peratus kehadiran Peserta. Ini bermakna, jika kehadiran suatu jenis Proses meningkat maka kehadiran Peserta bagi Proses tersebut juga turut meningkat. Jadual 5.2 menunjukkan jumlah kehadiran Peserta yang dapat dikumpul daripada sembilan teks kesihatan dan penyakit yang dianalisis.

Jadual 5.2 : Jumlah kehadiran Peserta dalam teks kesihatan dan penyakit


Peserta dalam data	Jumlah Kehadiran Peserta dalam Data
<i>Actor</i>	130
<i>Goal</i>	198
<i>Beneficiary</i>	4
<i>Carrier</i>	50
<i>Attribut</i>	49
<i>Token</i>	21
<i>Value</i>	22
<i>Senser</i>	25
<i>Phenomenon</i>	32
<i>Sayer</i>	10
<i>Verbiage</i>	19
<i>Receiver</i>	18
<i>Target</i>	2
<i>Behaver</i>	4
<i>Range</i>	7
<i>Existent</i>	6
Jumlah	597

Melalui jadual 5.2 sebanyak 597 bilangan Peserta telah dikenal pasti dalam data kajian. Jumlah kehadiran Peserta dinyatakan dalam bentuk peratusan dan ditunjukkan dalam graf bar 5.2 untuk menggambarkan hasil dapatan kajian dengan lebih jelas. Peratus kehadiran setiap jenis Peserta dalam kesemua teks kesihatan dan penyakit dilakukan berdasarkan formula pengiraan seperti berikut:

$$\frac{A}{B} \times 100 = P\%$$

B

A = Jumlah kehadiran sejenis Peserta
 B = Jumlah kehadiran kesemua jenis Peserta
 P = Peratus



Rajah 5.2: Peratus Kehadiran Jenis-Jenis Peserta dalam Data

Graf 5.2 menunjukkan peratus kehadiran bagi kesemua jenis Peserta dalam data kajian pada agihan yang berbeza. Hasil analisis menunjukkan, Peserta *Goal* lebih mendominasi dalam data kajian dan diikuti oleh kehadiran Peserta *Actor* melalui peratusan yang tertinggi dan kedua tertinggi yang dicatatkan oleh kedua-dua jenis Peserta. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, jumlah kehadiran jenis Peserta dipengaruhi oleh jumlah kehadiran Proses. Oleh itu, berdasarkan analisis jenis Proses yang telah dibincangkan

sebelum ini, peratus kehadiran Proses Material adalah tertinggi dalam data kajian, maka kehadiran Peserta Proses Material iaitu „*Actor*“ dan „*Goal*“ juga turut mencatat peratusan tertinggi dengan peratusan sebanyak 22% bagi Peserta *Actor* dan peratus kehadiran Peserta *Goal* sebanyak 33%.

Namun begitu, peratus kehadiran Peserta Proses Relasional iaitu *Carrier* (8%), *Attribut* (8%), *Token* (4%) dan *Value* (4%) didapati mencatat peratusan kedua tertinggi dalam data kajian. Manakala, kehadiran bagi Peserta Proses Mental pula, iaitu *Senser* (4%), *Phenomenon* (5%) merupakan jenis Peserta yang mencatat peratusan ketiga tertinggi dalam data kajian. Hal ini adalah selari dengan peratus kehadiran Proses Mental yang merupakan jenis Proses yang juga mempunyai peratusan kehadiran ketiga tertinggi dalam keseluruhan data kajian.

Peratus kehadiran bagi Peserta Proses Verbal pula iaitu *Sayer* (1%), *Verbiage* (3%) dan *Receiver* (3%) pula menduduki peratusan keempat tertinggi dalam keseluruhan data kajian. Ini dapat dibuktikan melalui peratusan kehadiran Peserta Proses Perilaku iaitu *Behaver* dan *Range* serta Peserta Proses Eksistensial iaitu *Existent* yang juga menunjukkan jumlah peratusan yang sangat minimum dalam data kajian. Melalui perbincangan mengenai peratus kehadiran bagi jenis Proses dan jenis Peserta yang telah dibahaskan, terbukti bahawa kehadiran Proses mempengaruhi kehadiran Peserta di mana, jika bilangan kehadiran suatu Proses itu kerap, maka peratus kehadiran Peserta bagi Proses tersebut menjadi lebih tinggi selari dengan peratus kehadiran jenis Proses tersebut, begitu juga sebaliknya. Jadual 5.3 menunjukkan contoh-contoh frasa yang hadir sebagai Peserta dalam data kajian.

Jadual 5.3 : Contoh-Contoh Peserta yang Ditemui dalam Data Kajian

Peserta	Contoh-contoh yang dipetik daripada data kajian
Actor	Teratogen, mereka, Bell's Palsy, bahan, doktor, usus
Goal	pemeriksaan fizikal, bayi, kematian janin, suntikan
Beneficiary	Anda, wanita, pesakit
Senser	Pakar perubatan, dokor, ibu hamil
Phenomenon	Keadaan, risiko, buasir, ubat ini
Carrier	Rawatan, Laparoskopi, Ultrasound, mereka, diri dan anak
Attribute	Satu prosedur pembedahan, kehamilan di luar rahim
Value	Simptom yang paling utama, ubat terawal
Token	Antikanser aminoteprin, Ubat Thalidomide
Sayer	Doktor
Receiver	bayi, anda, otak, individu
Verbiage	Mandul
Target	Semakin ramai wanita, 1 daripada 3 orang dewasa
Behaver	Doktor
Range	Akan tetap, keanjalan, keradangan, dalam risiko
Existent	Rasa kebas, rasa Bengkak

5.1.3 Perbincangan Penganalisisan Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

5.1.3.1 Proses Material dalam Data

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab 3, Proses Material merupakan aktiviti atau kejadian yang berhubung dengan fizikal dan boleh diperhatikan melalui deria. Berdasarkan penganalisisan data yang diperoleh, Proses Material telah mendominasi kehadiran dalam keseluruhan data kajian. Selain itu, dapatan daripada hasil kajian juga menunjukkan bahawa Proses Material digunakan dalam frekuensi yang tertinggi berbanding jenis Proses lain dalam setiap teks kesihatan dan penyakit seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.4.

Jadual 5.4 : Kehadiran Proses Material dalam setiap teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Material
Teks 1	30 / 37
Teks 2	23 / 39
Teks 3	34 / 53
Teks 4	18 / 28
Teks 5	34 / 46
Teks 6	31 / 45
Teks 7	12 / 31
Teks 8	23 / 34
Teks 9	25 / 39
Jumlah	230 / 352

Jadual 5.4 jelas menunjukkan bahawa Proses Material digunakan secara meluas dalam setiap teks yang dikaji. Terutamanya, digunakan untuk menerangkan akibat yang dibawa sesuatu penyakit dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengubatinya. Antara contoh-contoh perkataan yang hadir sebagai Proses Material yang diperoleh daripada keseluruhan teks kesihatan dan penyakit yang dianalisis adalah seperti „mengakibatkan”, „menyerang”, „dilaksanakan”, „merebak”, „diramas”, „dialami”, „dirawat”, „memberikan”, „tumbuk”, „mengambil” dan sebagainya. Contoh 5.1 menunjukkan kehadiran Proses Material yang dipetik daripada data kajian yang telah dianalisis.

Contoh 5.1 : Proses Material dalam Data Kajian

Kod	Ayat					
S31T3B	<i>Anda juga boleh membuat rawatan sendiri misalnya dengan mengambil julap untuk melembutkan najis dan kelancaran membuang air besar.</i>					
	Anda	juga	(boleh) membuat	rawatan sendiri	misalnya	dengan mengambil julap
	Act	/	Pro : Mat	Goal	/	Circ : Man : Mean
	untuk melembutkan najis dan kelancaran membuang air besar.					
	Circ : Cau : Rea					

S12T2A	<p><i>Radang pelvis boleh mengakibatkan kerosakan kekal pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilang telur (ovari).</i></p> <table border="1"> <tr> <td>Radang pelvis</td><td>(boleh)</td><td>mengakibatkan</td><td>kerosakan kekal</td><td>pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilang telur (ovari).</td></tr> <tr> <td>Act</td><td></td><td>Pro : Mat</td><td>Goal</td><td>Circ : Loc : Plc</td></tr> </table>					Radang pelvis	(boleh)	mengakibatkan	kerosakan kekal	pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilang telur (ovari).	Act		Pro : Mat	Goal	Circ : Loc : Plc	
Radang pelvis	(boleh)	mengakibatkan	kerosakan kekal	pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilang telur (ovari).												
Act		Pro : Mat	Goal	Circ : Loc : Plc												
S10T1A	<p><i>Kebiasaananya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut.</i></p> <table border="1"> <tr> <td>(Kebiasaananya),</td> <td>bayi</td> <td>(akan) diberi</td> <td>suntikan</td> <td>[varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibody]</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Bnf</td> <td>Pro : Mat</td> <td>Goal</td> <td></td> </tr> </table> <p>terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut</p> <table border="1"> <tr> <td>Circ : Cau : Rea</td> </tr> </table>					(Kebiasaananya),	bayi	(akan) diberi	suntikan	[varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibody]		Bnf	Pro : Mat	Goal		Circ : Cau : Rea
(Kebiasaananya),	bayi	(akan) diberi	suntikan	[varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibody]												
	Bnf	Pro : Mat	Goal													
Circ : Cau : Rea																

Melalui contoh ayat S31T3B, ia merupakan ayat yang memberikan cadangan kepada pembaca tentang cara merawat penyakit yang tertentu. Dalam ayat ini, perkataan „*membuat*“ dikategorikan sebagai Proses Material, di mana ia melibatkan kelakuan fizikal. Kata *‘boleh’* tidak dianalisis dalam contoh tersebut kerana ia merupakan kata bantu ragam dan tidak terlibat dalam analisis Transitiviti. Perkataan „*Anda*“ dikategorikan sebagai Peserta Proses Material dalam ayat ini. Di samping itu, *Goal* muncul dalam ayat sama ini iaitu „*rawatan sendiri*“ yang merupakan aktiviti yang dilakukan oleh *Actor*.

Manakala, dalam ayat S12T2A pula, penulis telah menyatakan tempat kerosakan yang berlaku disebabkan oleh penyakit Radang Pelvis. Dalam ayat tersebut, perkataan „*mengakibatkan*” merujuk kepada Proses Material, di mana ia mewakili satu kelakuan fizikal. „*Radang Pelvis*” pula dikategorikan sebagai *Actor* dalam ayat ini yang merupakan pelaku yang membawa akibat. Manakala, „*Kerosakan kekal*” tergolong dalam kategori *Goal* yang merupakan kesan yang dibawa oleh *Actor* iaitu „*Radang Pelvis*”. Proses Material yang digunakan dalam ayat ini adalah untuk menyedarkan para pembaca mengenai bahaya penyakit „*Radang Pelvis*”.

Contoh lain juga dapat dilihat dalam ayat S10T1A, di mana Proses Material telah dikenal pasti melalui kata „*diberi*” yang mana ia menunjukkan kelakuan fizikal. Kata „*akan*” tidak dianalisis dalam contoh tersebut kerana ia bukan kata kerja malah hadir sebagai kata bantu bagi kata „*diberi*”. Walau bagaimanapun, Peserta *Actor* iaitu pelaku Proses Material tidak wujud dalam ayat ini. Akan tetapi, Peserta *Beneficiary* didapati hadir dalam ayat ini melalui perkataan „*bayi*” yang merupakan Peserta yang menerima suntikan. Seterusnya, perkataan „*suntikan*” pula mewakili Peserta *Goal*, yang mana ia merupakan aktiviti yang dilakukan oleh *Actor* bagi Proses Material yang digunakan untuk menyatakan tindakan yang perlu diambil kepada bayi jika menjangkiti penyakit yang berkenaan.

5.1.3.2 Proses Relasional dalam Data

Proses Relasional ditakrifkan sebagai satu Proses yang menunjukkan atau berperanan untuk menghubungkan antara satu entiti dengan entiti yang lain. Proses ini juga terbahagi kepada dua jenis iaitu Proses Relasional Attributif dan Proses Relasional Identifikasi. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan sebanyak 13% Proses Relasional

dikenal pasti hadir dalam keseluruhan data kajian. Didapati juga bahawa, kategori Proses Relasional Attributif mencatat peratus kehadiran lebih tinggi berbanding Proses Relasional Identifikasi. Jadual 5.5 menunjukkan jumlah kehadiran Proses Relasional dalam setiap teks.

Jadual 5.5 : Kehadiran Proses Relasional dalam Setiap Teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Relasional
Teks 1	2 / 37
Teks 2	9 / 39
Teks 3	8 / 53
Teks 4	4 / 28
Teks 5	10 / 46
Teks 6	3 / 45
Teks 7	2 / 31
Teks 8	3 / 34
Teks 9	6 / 39
Jumlah	47 / 352

Berdasarkan jadual 5.5, Proses Relasional hadir dalam setiap teks kesihatan dan penyakit. Walaupun agihannya amat berbeza dengan kehadiran Proses Material dalam setiap teks, kehadiran Proses Relasional merupakan Proses yang mencatat peratusan kedua tertinggi berbanding Proses lain dalam keseluruhan data kajian. Kebanyakan jenis Proses Relasional digunakan untuk menerangkan sesuatu penyakit dan simptomnya serta jenis rawatan yang digunakan untuk merawatnya. Antara contoh perkataan yang digunakan sebagai mewakili Proses Relasional adalah „*idah*”, „*adalah*”, „*menjadi*”, „*mempunyai*”, „*memiliki*” dan sebagainya. Ini menunjukkan tiada banyak variasi untuk mengenal pasti Proses Relasional untuk Bahasa Melayu. Contoh 5.2 menunjukkan kehadiran Proses Relasional yang terdapat dalam teks yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.2 : Proses Relasional dalam data kajian:

Kod	Ayat			
S8T1A	<i>Keadaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.</i>			
	Keadaan	menjadi	semakin kronik	apabila
	Cr	Pro : Rel: Att	Att	Circ : Loc : Tme
	bayi	tidak	mendapat	sokongan antibodi
	Act	/	Pro: Mat	Goal
	sehingga melemahkan sistem imunisasinya		untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.	
	Circ : Matt		Circ : Cau : Pur	
S25T2A	<i>Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis.</i>			
	Ultrasound pelvic	adalah	satu prosedur yang berguna	untuk mengesan radang pelvis.
	Cr	Pro : Rel: Att	Att	Circ : Cau : Pur
S16T3A	<i>Ini adalah simptom yang paling utama.</i>			
	Ini	adalah	simptom yang paling utama.	
	Tok	Pro : Rel : Ide	Val	

Perkataan „*menjadi*” dalam ayat S8T11A berperanan sebagai Proses Relasional Attribut di mana ia berfungsi menghubungkan Peserta *Carrier* dengan *Attribut*. Peserta Proses Relasional Attribut iaitu *Carrier* dan *Attribut* juga turut didapati dalam ayat tersebut. Di mana, perkataan „*keadaan*” adalah peserta *Carrier* dan „*semakin kronik*” adalah Peserta *Attribut*.

Proses Relasional Attribut turut dikenal pasti dalam contoh S25T2A pada perkataan „*adalah*“ yang berperanan menghubungkan peserta Carrier dan Attribut. ‘*Ultrasound pelvic*’ dalam ayat S25T2A dikategorikan sebagai *Carrier*. Selain itu, dalam ayat S25T2A, frasa „*satuprosedur yang berguna*“ menerangkan hubungannya dengan „*Ultrasound pelvic*“ yang mana merupakan Peserta *Attribut*.

Dalam ayat S16T3A pula, jenis Proses Relasional Identifikasi telah dikenalpasti. pada kata „*adalah*“. Peserta Proses Relasional Identifikasi iaitu „*Token*“ dan „*Value*“ turut dikenalpasti dalam ayat ini. Di mana, „*ini*“ dikategorikan sebagai Peserta *Token*, manakala frasa „*simptom yang paling utama*“ merupakan Peserta *Value*.

5.1.3.3 Proses Mental dalam Data

Proses Mental ditakrifkan sebagai suatu Proses atau aktiviti yang berkaitan dengan Kognitif, Perspektif, Emotif dan Desideratif yang terjadi dalam diri manusia sendiri. *Senser* dan *Phenomenon* merupakan Peserta yang wujud dalam Proses Mental. Menerusi teks kesihatan dan penyakit, Proses Mental hanya didapati dalam sebahagian teks dalam jumlah yang sedikit. Jadual 5.6, menunjukkan jumlah kehadiran Proses Mental dalam setiap teks kesihatan dan penyakit.

Jadual 5.6 : Kehadiran Proses Mental dalam setiap teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Mental
Teks 1	5 / 37
Teks 2	4 / 39
Teks 3	6 / 53
Teks 4	4 / 28
Teks 5	0 / 46
Teks 6	6 / 45
Teks 7	9 / 31
Teks 8	2 / 34
Teks 9	5 / 39
Jumlah	41 / 352

Berdasarkan jadual 5.6, kehadiran Proses Mental didapati wujud dalam semua teks yang dikaji. Agihan Proses Mental dalam setiap teks kesihatan dan penyakit adalah hampir sama seperti Proses Relasional, akan tetapi kehadiran Proses Mental mencatatkan peratusan ketiga tertinggi dalam seluruh data kajian dengan jumlah peratus adalah sebanyak 12%. Antara contoh perkataan Proses Mental yang ditemui dalam teks kesihatan dan penyakit adalah „mencegah”, „berjumpa”, „memastikan”, „sakit”, „melihat”, „mahukan”, „mengambil tahu” dan sebagainya. Contoh 5.3 menunjukkan tiga sampel penggunaan Proses Mental yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.3 : Proses Mental dalam data kajian

Kod	Ayat			
S9T2C	<i>Jika anda seorang wanita yang mengalami migrain, anda mungkin sedar bahawa ia biasanya menyerang beberapa hari sebelum anda datang haid.</i>			
	Jika anda seorang wanita yang mengalami migrain	anda	(mungkin) sedar	ia biasanya menyerang beberapa hari sebelum anda datang haid.
	Circ : Cont : Cond	Sen	Pro : Men	Ph

S26T2A	<i>Ultrasound membolehkan pakar perubatan melihat bahagian dalam pelvis untuk memastikan sama ada tiub fallopio membesar atau bengkak atau sama ada lendiran atau nanah hadir.</i>				
	Ultrasound	membolehkan	pakar perubatan	melihat	
	Act	Pro : Mat	Sen	Pro : Men	
	bahagian dalam pelvis	untuk memastikan sama ada tiub fallopio membesar atau bengkak atau sama ada lendiran atau nanah hadir.			
	Ph	Circ : Cau : Rea			
S24T1C	<i>Bukan sahaja pesakit PCOS tetapi semua individu perlu peka, berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi.</i>				
	Bukan sahaja pesakit PCOS	tetapi	semua individu	(perlu) peka	
	Circ : Acc : Add	/	Sen	Pro : Men	
	berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi.				
	Ph				

Ayat S9T2C, didapati mempunyai Proses Mental yang digunakan pada kata „*sadar*“ yang merupakan kategori Proses: Mental: Perspektif di mana ia berkaitan dengan pancaidenra. Dua Peserta wujud dalam ayat ini iaitu *Senser* dan *Phnomenon*. Peserta *Senser* dikenal pasti pada frasa „*anda*“ dan Peserta Phnomenon dikenal pasti pada frasa „*ja biasanya menyerang beberapa hari sebelum anda datang haid*“. Dalam contoh S9T2C kata „*mungkin*“ tidak dianalisis kerana ia tidak terlibat dalam analisis Transitviti malah ia hadir sebagai Penanda Wacana.

Berdasarkan sampel S26T2A pula, perkataan „*melihat*“ merupakan satu kategori Proses Mental yang digolongkan sebagai kategori Proses: Mental: Perspektif. Ini kerana, ia berkaitan dengan penggunaan pancaindera yang ada pada manusia. Dua Peserta Proses

Mental iaitu „*Senser*“ dan „*Phenomenon*“ didapati wujud dalam ayat ini. Frasa „*pakar perubatan*“ merupakan Peserta *Senser* yang melalui Proses Mental iaitu „*melihat*“. Manakala, frasa „*bahagian dalam pelvis*“ pula dikategorikan sebagai *Phenomenon* yang merujuk kepada apa yang dilihat oleh *Senser*.

Dalam ayat S24T1C, perkataan „*peka*“ merupakan salah satu Proses Mental yang tergolong di bawah kategori Kognitif. Peserta *Senser* dan *Phenomenon* turut wujud dalam ayat ini. Frasa „*semua individu*“ merupakan *Senser* yang merujuk kepada Peserta yang perlu peka dan frasa „*berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi*“ adalah dalam kategori *Phenomenon* yang merujuk kepada apa yang perlu dipeka oleh *Senser*. Dalam contoh S24T1C kata „*perlu*“ tidak dianalisis kerana ia tidak terlibat dalam analisis Transitiviti malah ia hadir sebagai Kata Bantu Ragam.

5.1.3.4 Proses Verbal dalam Data

Proses Verbal merupakan satu Proses yang berkaitan dengan aksi verbal. Kebiasaannya, terdapat tiga Peserta yang wujud dalam Proses Verbal iaitu „*Sayer*“, „*Receiver*“ dan „*Verbiage*“ yang mana penerangan yang lebih jelas tentang Proses Verbal telah dibincangkan dalam Bab 3. Berdasarkan penganalisisan data, sebanyak 6% Proses Verbal telah dikenal pasti dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Jadual 5.7 menunjukkan bilangan kehadiran Proses Verbal dalam setiap teks kesihatan dan penyakit.

Jadual 5.7: Kehadiran Proses Verbal dalam Setiap Teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Verbal
Teks 1	0 / 36
Teks 2	3 / 38
Teks 3	3 / 54
Teks 4	1 / 28
Teks 5	0 / 47
Teks 6	1 / 52
Teks 7	7 / 30
Teks 8	6 / 37
Teks 9	0 / 39
Jumlah	21 / 361

Berdasarkan jadual 5.7, jelas didapati bahawa Proses Verbal tidak muncul dalam setiap teks yang telah dianalisis. Kehadirannya tidak dapat dikenal pasti dalam teks 5 dan teks 9. Oleh disebabkan penggunaan Proses Verbal yang amat minimum dalam setiap teks, maka, peratus kehadirannya menduduki tempat keempat daripada seluruh data kajian. Secara keseluruhannya, Proses Verbal digunakan untuk memberikan gambaran awal atau pendedahan tentang suatu penyakit dan cadangan untuk mengubatinya. Antara contoh perkataan yang dikenal pasti sebagai Proses Verbal adalah „*dikatakan*”; „*diistharkan*”; „*dinasihakan*”; „*diminta*”; „*mencadangkan*” dan sebagainya. Contoh 5.4 menunjukkan kehadiran Proses Verbal yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.4 : Proses Verbal dalam Data Kajian

Kod	Ayat			
S14T2A	<i>Semakin ramai wanita dikatakan mandul akibat serangan radang pelvis dan kadar kandungan luar rahim juga turut meningkat.</i>			
	Semakin ramai wanita	dikatakan	mandul	akibat serangan radang pelvis.
	Tar	Pro. Ver	Verb	Circ : Cau: Rea

S23T2A	<p><i>Jika keputusan pemeriksaan mencadangkan terdapatnya radang pelvis, rawatan adalah diperlukan.</i></p> <table border="1"> <tr> <td>Jika keputusan pemeriksaan</td><td>mencadang kan</td><td>terdapatnya radang pelvis</td><td>rawatan</td><td>adalah</td><td>diperluka n.</td></tr> <tr> <td>Circ : Cont : Cond</td><td>Pro : Ver</td><td>Verb</td><td>Cr</td><td>Pro : Rel: Att</td><td>Att</td></tr> </table>	Jika keputusan pemeriksaan	mencadang kan	terdapatnya radang pelvis	rawatan	adalah	diperluka n.	Circ : Cont : Cond	Pro : Ver	Verb	Cr	Pro : Rel: Att	Att								
Jika keputusan pemeriksaan	mencadang kan	terdapatnya radang pelvis	rawatan	adalah	diperluka n.																
Circ : Cont : Cond	Pro : Ver	Verb	Cr	Pro : Rel: Att	Att																
S13T3A	<p><i>Walaubagaimanapun anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor jika terdapat simptom-simptom kelemahan pada otot muka supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.</i></p> <table border="1"> <tr> <td>Walaubagi manapun</td><td>anda</td><td>dinasihatkan</td><td>untuk berjumpa dengan doktor</td><td>jika terdapat simptom- simptom kelemahan</td></tr> <tr> <td>/</td><td>Rev</td><td>Pro : Ver</td><td>Verb</td><td>Circ : Cont: Cond</td></tr> <tr> <td>pada otot muka</td><td colspan="4">supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.</td></tr> <tr> <td>Circ : Loc : Plc</td><td colspan="4">Circ : Cau : Pur</td></tr> </table>	Walaubagi manapun	anda	dinasihatkan	untuk berjumpa dengan doktor	jika terdapat simptom- simptom kelemahan	/	Rev	Pro : Ver	Verb	Circ : Cont: Cond	pada otot muka	supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.				Circ : Loc : Plc	Circ : Cau : Pur			
Walaubagi manapun	anda	dinasihatkan	untuk berjumpa dengan doktor	jika terdapat simptom- simptom kelemahan																	
/	Rev	Pro : Ver	Verb	Circ : Cont: Cond																	
pada otot muka	supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.																				
Circ : Loc : Plc	Circ : Cau : Pur																				
S48T2A	<p><i>Pakar mengesyorkan penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia.</i></p> <table border="1"> <tr> <td>Pakar</td><td>mengesyorkan</td><td>penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia</td></tr> <tr> <td>Sy</td><td>Pro : Ver</td><td>Verb</td></tr> </table>	Pakar	mengesyorkan	penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia	Sy	Pro : Ver	Verb														
Pakar	mengesyorkan	penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia																			
Sy	Pro : Ver	Verb																			

Contoh ayat S14T2A, di mana penulis menyatakan bahawa serangan radang pelvis semakin meningkat dalam kalangan wanita. Perkataan „*dkatakan*” menunjukkan bahawa penggunaan Proses Verbal yang berkaitan dengan aksi verbal. Selain itu, salah satu Peserta

Proses Verbal iaitu *Verbiage* juga didapati wujud dalam contoh ayat ini pada perkataan „*mandul*“ yang merupakan mesej yang dibawa oleh Proses Verbal. Manakala, Peserta *Target* pula dikenal pasti dalam ayat ini terletak pada frasa „*sənakin ramai wanita*“? Manakala, dalam ayat S23T2A pula, penulis telah menyatakan perkara yang perlu dilakukan jika terdapat Radang Pelvis pada seorang individu. Dalam ayat ini, perkataan „*mencadangkan*“ merupakan Proses Verbal yang juga berkaitan dengan aksi verbal. Peserta *Verbiage* pula didapati wujud pada frasa „*terdapatnya radang pelvis*“ yang hadir sebagai mesej yang dibawa oleh Proses Verbal. Walaupun begitu, kategori Peserta „*Sayer*“ didapati tidak wujud dalam ayat ini.

Ayat seterusnya iaitu contoh S13T3A, terdapat perkataan „*dinasihatkan*“ yang dikategorikan sebagai Proses Verbal. Seterusnya, frasa „*Untuk berjumpa doktor*“ pula merupakan frasa yang tergolong sebagai *Verbiage*. Namun begitu, Peserta *Sayer* didapati tidak wujud dalam ayat ini, akan tetapi, Peserta *Receiver* pula telah dikenal pasti pada perkataan „*anda*“. Aksi verbal iaitu nasihat diterima oleh „*anda*“ (pembaca) maka daripada keadaan ini Peserta *Receiver* dapat ditentukan. Contoh ayat yang terakhir dalam sampel ayat S48T2A pula menunjukkan bahawa Proses Verbal digunakan pada perkataan „*mengesyorkan*“. Dalam masa yang sama, Peserta Proses Mental iaitu *Sayer* boleh didapati pada perkataan „*Pakar*“ dalam ayat ini yang merupakan pelaku aksi verbal iaitu mengesyorkan. Manakala, frasa „*penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia*“ pula merupakan Peserta *Verbiage* dalam ayat ini, merupakan penjelasan kepada apa yang disyorkan oleh *Sayer*.

5.1.3.5 Proses Perilaku (Proses *Behavioural*) dalam Data

Proses seterusnya yang akan dibicangkan adalah Proses Perilaku, yang mana merupakan sebuah Proses yang terlibat dengan unsur psikologi. Definisi lanjut dan lebih terperinci tentang Proses Perilaku telah dinyatakan dalam Bab 3. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, kehadiran Proses Perilaku adalah sangat kurang dan hanya menunjukkan sebanyak 3% sahaja daripada keseluruhan data kajian yang dianalisis. Jadual 5.8, menunjukkan kehadiran Proses Perilaku dalam setiap teks data kajian:

Jadual 5.8 : Kehadiran Proses Perilaku dalam Setiap Teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Perilaku
Teks 1	0 / 37
Teks 2	0 / 39
Teks 3	1 / 53
Teks 4	0 / 28
Teks 5	2 / 46
Teks 6	4 / 45
Teks 7	0 / 31
Teks 8	0 / 34
Teks 9	2 / 39
Jumlah	9 / 352

Berdasarkan jadual 5.8, Proses Perilaku tidak dijumpai dalam semua teks kesihatan dan penyakit. Ia hanya dapat dikenal pasti dalam teks 3, teks 5 teks 6 dan teks 9 sahaja di mana agihan kehadirannya adalah kurang daripada 4 dalam teks tersebut. Selain itu, kehadiran Proses Perilaku didapati sangat minimum dalam data kajian berbanding proses-proses lain. Ini adalah disebabkan oleh teks kesihatan lebih kepada jenis teks berbentuk penerangan tentang kejadian sesuatu penyakit dan cadangan mengenai jalan penyelesaian untuk mengelakan penyakit tersebut. Oleh itu, penggunaan unsur-unsur psikologi adalah

sangat kurang dalam teks tersebut. Kehadiran Proses Perilaku dalam teks kesihatan dan penyakit ditunjukkan dalam contoh 5.5.

Contoh 5.5 : Proses Perilaku dalam Data Kajian

Kod	Ayat			
S46T3B	<i>Amalkan meminum air sekurang-kurangnya 1.5 - 2 liter sehari.</i>			
	Amalkan	meminum air	sekurang-kurangnya 1.5 – 2 liter sehari	
	Pro : Bhv	Range	Circ : Ext: Dur	
S11T3C	<i>Walau bagaimanapun, di peringkat lewat, rasa kebas berkenaan boleh jadi berterusan dan merimaskan.</i>			
	Walau bagaimanapun	di peringkat lewat	rasa kebas	berkenaan boleh jadi berterusan dan merimaskan.
	/	Circ : Loc : Tme	Pro : Bhv	Circ : Matt
S23T3B	<i>Jangan tahan nafas apabila berlaku ketegangan atau ketika mengangkat sesuatu.</i>			
	Jangan	tahan	nafas	apabila berlaku ketegangan atau
	/	Pro : Bhv	Ran	Circ : Loc :Tme /
	ketika mengangkat sesuatu			
	Circ : Loc :Tme			

Perkataan „*Amalkan*“ pada ayat S46T3B dikategorikan sebagai Proses Perilaku kerana perkataan tersebut mengandungi unsur psikologi. Melalui sampel ayat tersebut, „*meminum air*“ digolongkan sebagai *Range* iaitu merujuk kepada apakah yang perlu diamalkan. Bagi ayat S11T3C, Proses Perilaku telah dikenal pasti pada perkataan „*rasa kebas*“ yang juga mengandungi unsur psikologi. Dalam ayat S23T3B pula, Proses Perilaku dikenal pasti pada kata „*tahan*.“ Peserta *Range* dikenal pasti pada kata „*nafas*“ yang

merujuk kepada apakah yang yang ditahan. Berdasarkan contoh-contoh di atas, Peserta Proses Perilaku iaitu „behavior“ didapati tidak wujud dalam ayat-ayat tersebut.

5.1.3.6 Proses Eksistensial dalam Data

Perbincangan diteruskan lagi dengan huraian mengenai Proses Eksistensial, di mana ia adalah satu Proses yang menunjukkan keberadaan atau kejadian mengenai sesuatu. Hasil dapatan menunjukkan kehadiran Proses Eksistensial dalam teks kesihatan dan penyakit hanya sebanyak 1% di mana, kehadirannya juga merupakan peratus kehadiran Proses yang paling kurang berbanding jenis Proses yang lain. Jadual 5.9 menunjukkan kehadiran Proses Eksistensial dalam setiap teks kesihatan dan penyakit:

Jadual 5.9 : Kehadiran Proses Eksistensial dalam Setiap Teks

Teks	Jumlah Kehadiran Proses Eksistensial
Teks 1	0 / 37
Teks 2	0 / 39
Teks 3	1 / 53
Teks 4	1 / 28
Teks 5	0 / 46
Teks 6	2 / 45
Teks 7	1 / 31
Teks 8	0 / 34
Teks 9	1 / 39
Jumlah	6 / 352

Berdasarkan jadual 5.9, kehadiran Proses Eksistensial hanya dapat dikenal pasti wujud pada teks 3, teks 4, teks 6, teks 7 dan teks 9 sahaja daripada keseluruhan 9 teks kajian. Ini bermakna, daripada 332 ayat yang dianalisis, Proses Eksistensial hanya dapat dijumpai dalam 6 ayat sahaja. Menurut penelitian yang telah dilakukan, Proses ini digunakan dengan sangat minimum oleh penulis untuk mengekspresikan tanda-tanda sesuatu penyakit kepada pembaca. Selain itu, berdasarkan penganalisisan yang telah

dijalankan, Proses ini dapat dikenal pasti dengan kehadiran perkataan „*adi*“ dan „*terdapat*“ dalam ayat contoh yang akan diberi di bawah ini. Contoh 5.6 menunjukkan kehadiran Proses Eksistensial dalam ayat yang dipetik daripada data kajian:

Contoh 5.6 : Proses Eksistensial dalam Data Kajian

Kod	Ayat						
S5T3A	<i>Tidak kurang juga bimbang ia adalah gejala awal strok, sementelahan ada rasa kebas dan tidak kurang juga mengalami masalah seperti dialami Aina, mulut menjadi herot.</i>						
	Tidak kurang juga	bimbang	ia	adalah	gejala awal strok		
	/	Pro : Men	Cr	Pro : Rel: Att	Att		
	sementelahan	ada	rasa kebas	dan tidak kurang juga			
	/	Pro : Ex	Exs	/			
	mengalami	masalah	seperti dialami Aina, mulut menjadi herot				
	Pro : Mat	Goal	Circ : Man : Com				
S3T3B	<i>Ada rasa Bengkak atau ketulan di bahagian dubur.</i>						
	Ada	rasa Bengkak atau ketulan		di bahagian dubur			
	Pro : Ex	Exs		Circ : Loc : Plc			
S14T1B	<i>Kecacatan utama yang biasa dilihat pada bayi apabila dilahirkan ialah saiz kepala bayi yang kecil disebabkan oleh kerencatan pertumbuhan otak (microcephaly), terdapatnya cecair di dalam kepala bayi (hidrocephaly) dan mikroftalmia iaitu saiz mata yang kecil.</i>						
	Kecacatan utama	(yang biasa) dilihat	pada bayi	apabila dilahirkan			
	Circ : Mat	Pro : Men	Circ : Loc : Plc	Circ : Loc : Tme			

	ialah saiz kepala bayi yang kecil	disebabkan oleh kerencatan pertumbuhan otak (microcephaly),	terdapatnya	Cecair
Ph	Circ : Cau : Rea	Pro : Ex	Exs	
	dan /	mikroftalmia Tok	iaitu Pro : Rel : Ide	saiz mata yang kecil. Ide

Kehadiran Proses Eksistensial dapat dikenal pasti melalui perkataan „*adi*” dalam contoh S5T3A dan S3T3A. Peseta Proses Eksistensial iaitu *Existen* dikenal pasti dalam ayat S5T3A pada frasa „*rasa kebas*” dan bagi contoh ayat S3T3B pula, *Existen* dikenal pasti pada frasa „*rasa bengkak atau ketulan*”. Bagi ayat S14T1B pula, Proses Eksistensial dapat dikenal pasti melalui perkataan „*terdapatnya*” dan „*cecair*” yang merupakan dalam kategori *Existen* dan juga merupakan Peserta Proses Eksistensial. Melalui ketiga-tiga ayat ini, Proses Eksistensial digunakan untuk memberikan pendedahan terhadap simptom atau petanda jika menghadapi sesuatu penyakit yang berkenaan kepada para pembaca.

5.1.3.7 Contoh-Contoh Jenis Proses yang Ditemui dalam Data Kajian

Hasil analisis jenis-jenis Proses daripada 9 teks kesihatan dan penyakit mendapatkan beberapa contoh kata kerja yang berperanan sebagai jenis-jenis Proses. Contoh-contoh tersebut membantu membezakan jenis-jenis Proses dalam ayat bahasa Melayu. Ia ditunjukkan dalam jadual 5.10.

Jadual 5.10: Contoh-Contoh Jenis Proses yang Ditemui dalam Data Kajian

Jenis-Jenis Proses	Petanda-Petanda Nahu
Proses Material	mengakibatkan, menyerang, dilaksanakan, merebak, diramas, dialami, dirawat, tumuk, mengambil, memberi, membuat,
Proses Relasional	adalah, ialah
Proses Mental	mencegah, berjumpa, memastikan, sakit, melihat, mengambil tahu, mahukan

Proses Verbal	dikatakan, diistiyarkan, dinasihatkan, diminta, mencadangkan, mengesyorkan, memberitahu
Proses Perilaku	amalkan, tahan, membaca, berehat
Proses Ekistensial	ada, terdapat

5.2 Analisis Data dan Perbincangan Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Bahagian ini membincangkan kehadiran elemen Sirkumstan yang tedapat dalam teks kesihatan dan penyakit daripada tiga jenis majalah seterusnya menjawab persoalan kajian kedua bagi kajian ini iaitu:

- Apakah jenis-jenis Sirkumstan digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?.

5.2.1 Kehadiran Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab sebelumnya, Sirkumstan ditakrifkan sebagai persekitaran, sifat, atau lokasi tempat berlangsungnya suatu Proses. Terdapat sembilan jenis elemen Sirkumstan sepertimana yang diperkenalkan oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Antaranya adalah: Rentang (*extent*), Lokasi (*location*), Cara (*manner*), Penyebab (*cause*), Lingkungan (*contingency*), Penyerta (*accompaniment*), Peranan (*role*), Perihal (*matter*) dan Pandangan (*angle*). Elemen Sirkumstan didapati digunakan secara meluas dalam teks kesihatan dan penyakit yang dianalisis. Jadual 5.11, menunjukkan jumlah kehadiran setiap jenis elemen Sirkumstan dalam teks kesihatan dan penyakit:

Jadual 5.11: Jumlah Kehadiran Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit


Jenis-Jenis Sirkumstan	Jumlah Kehadiran Sirkumstan dalam Data
------------------------	--

Sirkumstan Rentang (Extent)	22
Sirkumstan Lokasi (Location)	109
Sirkusmtan Cara (Manner)	47
Sirkumstan Penyebab (Cause)	67
Sirkumstan Lingkungan (Contingency)	46
Sirkumstan Penyerta (Accompaniment)	11
Sirkumstan Perihal (Matter)	38
Sirkumstan Peranan (Role)	9
Sirkumstan Pandangan (Angle)	3
Jumlah Sirkumstan	352

Berdasarkan jadual 5.10, sebanyak 352 Sirkumstan dikenal pasti dalam data kajian dan kesemua jenis elemen Sirkumstan didapati hadir dalam data kajian. Jumlah kehadiran Sirkumstan dikira dalam bentuk peratusan dan ditunjukkan dalam bentuk graf 5.3, untuk perbincangan yang lebih jelas. Disamping itu, peratus kehadiran setiap jenis Sirkumstan dalam keseluruhan teks kesihatan dan penyakit dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times 100 = P\%$$

A = Jumlah kehadiran sejenis Sirkumstan
 B = Jumlah kehadiran kesemua jenis Sirkumstan
 P = Peratus



Rajah 5.3 : Peratus Kehadiran elemen Sirkumstan dalam data

Berdasarkan peratus kehadiran yang dicatatkan dalam graf 5.3, elemen Sirkumstan Lokasi muncul sebagai elemen yang mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 31% daripada 9 teks kesihatan dan penyakit yang telah dianalisis. Ini diikuti dengan elemen Sirkumstan Penyebab yang merupakan elemen kedua tertinggi dengan kehadiran sebanyak 19%. Seterusnya, kehadiran Sirkumstan Cara dan Sirkumstan Lingkungan pula menduduki tempat peratusan ketiga tertinggi di mana peratus kehadiran kedua-dua elemen tersebut adalah sama iaitu sebanyak 13% dan diikuti oleh kehadiran Sirkumstan Perihal, Rentang, Penyerta, Perihal dan Peranan.

Manakala, elemen Sirkumstan Pandangan pula telah dikenal pasti mencatat jumlah yang sangat kurang berbanding Sirkumstan yang lain di mana kehadirannya hanya sebanyak 1% dalam data kajian. Penerangan yang lebih lanjut mengenai kehadiran setiap jenis Sirkumstan dalam teks kesihatan dan penyakit akan dinyatakan dalam tajuk berikut.

5.2.2 Perbincangan Penganalisisan Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

5.2.2.1 Sirkumstan Lokasi dalam Data

Elemen pertama iaitu elemen Sirkumstan Lokasi, telah mendominasi kehadiran dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji dan juga dikenal pasti wujud dalam 109

frasa daripada data kajian yang diperoleh. Sirkumstan Lokasi juga digunakan dengan kerap untuk menerangkan tempat atau bahagian-bahagian yang mengalami kesan daripada sesuatu penyakit dalam badan manusia dan waktu terjadinya sesuatu penyakit. Contoh 5.7, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Lokasi yang dipetik daripada data kajian:

Contoh 5.7 : Sirkumstan Lokasi dalam Data Kajian

Kod	Ayat				
S18T1A	<i>Ruam biasanya keluar pada hari keempat serangan virus.</i>				
	Ruam	(biasanya) keluar		pada hari keempat serangan virus	
	Act	Pro : Mat		Circ : Loc : Tme	
S27T2B	<i>Hipotiroidism lebih kerap menyerang wanita melebihi umur 60 tahun.</i>				
	Hipotiroidism	lebih kerap	menyerang	wanita	melebihi umur 60 tahun
	Act	Circ : Man : Deg	Pro : Mat	Goal	Circ : Loc : Tme
S16T3B	<i>Lazimnya ia mengakibatkan gejala-gejala seperti sakit, pedih dan gatal pada bahagian dubur.</i>				
	Lazimnya	ia	mengakibatkan	gejala - gejala	[seperti sakit, pedih dan gatal]
	/	Act	Pro : Mat	Goal	Circ : Loc : Plc

Dalam sampel S18T1A, frasa „pada hari keempat serangan virus“ merupakan Sirkumstan Lokasi: Masa. Ini adalah kerana ia menunjukkan masa (hari keempat) pengeluaran ruam. Manakala, dalam sampel S27T2B pula Sirkumstan Lokasi: Masa dikenal pasti melalui frasa „melebihi umur 60 tahun“ yang menunjukkan masa berlakunya

penyakit *Hipotiroidism*. Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014), kedua-dua frasa dalam ayat S18T1A dan S27T2B mampu menjawab soalan „bila?” kerana melibatkan masa dan seterusnya digolongkan dalam kategori Sirkumstan: Lokasi: Masa. Akan tetapi, berbeza dengan contoh frasa dalam ayat S16T3B yang melibatkan Sirkumstan Lokasi: Tempat dan bukannya masa. Frasa „*pada bahagian dubur*” menerangkan tempat berlakunya gejala yang berkenaan dalam badan manusia dan juga berkebolehan menjawab soalan „di mana?”. Maka ia merupakan Sirkumstan Lokasi : Tempat.

5.2.2.2 Sirkumstan Penyebab dalam Data

Elemen seterusnya, Sirkumstan Penyebab, merupakan Sirkumstan yang mencatat peratusan kedua tertinggi dalam data kajian. Berdasarkan penganalisisan data, Sirkumstan Penyebab digunakan secara meluas untuk menerangkan kepentingan suatu tindakan yang diambil untuk mencegah penyakit dan juga sebab berlakunya sesuatu masalah kepada manusia. Contoh 5.8, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Penyebab yang dipetik daripada data kajian:

Contoh 5.8 : Sirkumstan Penyebab dalam Data Kajian

Kod	Ayat			
S25T2A	<i>Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis.</i>			
	Ultrasound pelvic	adalah	satu prosedur yang berguna	untuk mengesan radang pelvis.
	Cr	Pro : Rel : Att	Att	Circ : Cau : Pur
S13T3A	<i>Walaubagaimanapun anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor jika terdapat simptom-simptom kelemahan pada otot muka supaya dapat</i>			

	<i>mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.</i>				
	Walaubagaimanapun	anda	dinasihatkan	untuk berjumpa dengan doktor	jika terdapat simptom-simptom kelemahan
	/	Rev	Pro : Verb	Ph	Circ : Cont: Cond
	pada otot muka	supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius,			jelasnya.
	Circ : Loc : Plc	Circ : Cau : Pur			Sen
S13T3B	<i>Lazimnya ia tidak terasa sakit dan gatal kerana terletak jauh ke dalam rektum.</i>				
	(Lazimnya)	ia	tidak	terasa sakit dan gatal	kerana terletak jauh ke dalam rektum.
		Cr	/	Att	Circ : Cau : Rea

Sepertimana contoh dalam ayat S13T3A, frasa „*untuk mengesan radang pelvis*“ dilihat dapat menjawab soalan „*untuk apa?*“. Sehubungan dengan itu, ia dikategorikan sebagai jenis Sirkumstan Penyebab: Tujuan. Ini adalah kerana ia menjelaskan kegunaan rawatan *Ultrasound pelvic* kepada manusia. Selain itu, dalam sampel ayat S13T3A pula, Sirkumstan Penyebab: Tujuan telah dikenal pasti pada frasa „*supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius*“.

Sirkumstan Penyebab pada ayat ini digunakan untuk menerangkan keperluan untuk berjumpa doktor apabila terdapat petanda yang berkenaan dan juga dapat menjawab soalan „*untuk apa?*“ berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014). Manakala, jenis Sirkumstan Penyebab: Alasan pula dikenal pasti dalam ayat S13T3B pada frasa „*kerana terletak jauh ke dalam rektum*“ di mana, ia menjawab soalan „*kenapa?*“ seperti yang dinyatakan oleh

Halliday dan Matthiessen (2014). Frasa tersebut juga menyatakan alasan atau sebab masalah yang berkenaan tidak memberikan kesakitan dan gatal.

5.2.2.3 Sirkumstan Cara dalam Data

Berdasarkan Halliday, Sirkumstan Cara telah dikenal pasti sebanyak 13% dalam data kajian. Melalui hasil analisis Sirkumstan: Cara, didapati ia digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menerangkan cara mengubati sesuatu penyakit dan juga untuk menggambarkan keadaan serius bagi suatu penyakit. Contoh 5.9, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Cara yang dipetik daripada data kajian:

Contoh 5.9 : Sirkumstan Cara dalam data kajian

Kod	Ayat			
S41T2B	<i>Sebaik sahaja kelenjar itu telah dimusnahkan, atau dibuang melalui pembedahan, kebanyakannya pesakit perlu memulakan pengambilan hormon tiroid dalam bentuk pil.</i>			
	Sebaik sahaja itu	kelenjar (telah) dimusnahkan, atau dibuang	melalui pembedahan	
	/	Goal	Pro : Mat	Circ : Man : Mean
	kebanyakannya pesakit	(perlu) memulakan	pengambilan hormon tiroid dalam bentuk pil.	
	Act	Pro : Mat	Goal	
S7T2C	<i>Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura.</i>			
	Migrain dengan aura	(biasanya) dirawat	dengan cara yang sama	seperti migrain tanpa aura.
	Goal	Pro : Mat	Circ : Man : Mea	Circ : Man : Com
S31T3A	<i>Jika masih belum pulih dari 2-4 bulan atau lebih, kemungkinan lumpuh</i>			

	<i>pada muka akan tetap dan synkinesis yang lebih tinggi.</i>			
Jika masih belum pulih	dari 2-4 bulan atau lebih	kemungkinan lumpuh	pada muka akan tetap	
Circ : Cont : Cond	Circ : Ext : Dur	Pro : Mat	Goal	

dan	synkinesis	yang lebih tinggi
/	Goal	Circ : Man: Deg

Ayat S41T2B, mempunyai frasa „*melalui pembedahan*“ digolongkan dalam jenis Sirkumstan Cara: Alat. Elemen Sirkumstan ini menyatakan bagaimana caranya memusnahkan kelenjar dan seterusnya berupaya menjawab soalan „bagaimana?“ sepetimana yang dinyatakan oleh Halliday dan Matthiessen. Seterusnya, dalam ayat S7T2C pula, Sirkusmstan Cara: Perbandingan, didapati telah digunakan pada frasa „*seperti migrain tanpa aura*“ yang mana ia dapat menjawab soalan „seperti apa?“. Manakala, Sirkumstan Cara: Perbandingan dalam contoh ayat tersebut digunakan untuk menggambarkan bagaimana rawatan diberikan dengan menunjukkan persamaan rawatan yang lain. Selain itu, dalam ayat S31T3A pula, Sirkumstan: Cara: Tahap, digunakan pada frasa „*yang lebih tinggi*“ di mana ia berkebolehan untuk menjawab soalan „berapa banyak?“ berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014). Jenis Sirkumstan Cara pada ayat ini juga digunakan untuk menunjukkan tahap untuk mengukur kebahayaan penyakit berkenaan.

5.2.2.4 Sirkumstan: Lingkungan dalam Data

Jenis Sirkumstan Lingkungan pula dikenal pasti hadir sebanyak 13% dalam data kajian. Berdasarkan penganalisisan data kajian yang dijalankan, kebanyakan Sirkumstan Lingkungan digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menggambarkan simptom-

simptom penyakit dan risiko sesuatu penyakit. Contoh 5.10, menunjukkan kemunculan Sirkumstan: Lingkungan yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.10 : Sirkumstan Lingkungan dalam Data Kajian

Kod	Ayat																								
S30T3A	<p>Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy pulih tanpa kecacatan ketara dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy</td><td style="padding: 5px;">pulih</td><td style="padding: 5px;">tanpa kecacatan ketara</td><td style="padding: 5px;">dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.</td><td style="padding: 5px;"></td></tr> <tr> <td style="padding: 5px; text-align: center;">Act</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Pro : bhv</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Circ : Cont : Def</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Circ : Loc : Tme</td><td style="padding: 5px;"></td></tr> </table>					Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy	pulih	tanpa kecacatan ketara	dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.		Act	Pro : bhv	Circ : Cont : Def	Circ : Loc : Tme											
Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy	pulih	tanpa kecacatan ketara	dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.																						
Act	Pro : bhv	Circ : Cont : Def	Circ : Loc : Tme																						
S9T1B	<p>Dalam dos yang rendah teratogen menyebabkan kecacatan tetapi mampu mengakibatkan kematian janin sekiranya hadir dalam dos yang tinggi.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Dalam dos yang rendah</td><td style="padding: 5px;">teratogen</td><td style="padding: 5px;">menyebabkan</td><td style="padding: 5px;">kecacatan</td><td style="padding: 5px;">tetapi</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px; text-align: center;">Circ : Man : Qua</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Act</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Pro : Mat</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Goal</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">/</td></tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;">mampu mengakibatkan</td><td style="padding: 5px;">kematian janin</td><td colspan="2" rowspan="3" style="padding: 5px;">sekiranya hadir dalam dos yang tinggi</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px; text-align: center;">Pro : Mat</td><td style="padding: 5px; text-align: center;">Goal</td><td colspan="3" rowspan="2" style="padding: 5px; text-align: center;">Circ : Cont : Cond</td></tr> </table>					Dalam dos yang rendah	teratogen	menyebabkan	kecacatan	tetapi	Circ : Man : Qua	Act	Pro : Mat	Goal	/	mampu mengakibatkan		kematian janin	sekiranya hadir dalam dos yang tinggi		Pro : Mat	Goal	Circ : Cont : Cond		
Dalam dos yang rendah	teratogen	menyebabkan	kecacatan	tetapi																					
Circ : Man : Qua	Act	Pro : Mat	Goal	/																					
mampu mengakibatkan		kematian janin	sekiranya hadir dalam dos yang tinggi																						
Pro : Mat	Goal	Circ : Cont : Cond																							
S25T3B	<p>Dapatkan rawatan awal sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit bagi mengelak berlaku buasir.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Dapatkan</td><td style="padding: 5px;">rawatan</td><td style="padding: 5px;">awal</td><td style="padding: 5px;">sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit</td><td style="padding: 5px;">bagi mengelak berlaku buasir</td></tr> </table>					Dapatkan	rawatan	awal	sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit	bagi mengelak berlaku buasir															
Dapatkan	rawatan	awal	sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit	bagi mengelak berlaku buasir																					

	Pro : Mat	Goal	Circ : Loc : Tme	Circ : Cont : Cond	Circ : Cau : Rea	
--	----------------------	-------------	-----------------------------	-------------------------------	-------------------------	--

Sampel ayat S30T3A, dapat diteliti bahawa frasa „*tanpa kecacatan ketara*” boleh dikategorikan sebagai Sirkumstan: Lingkungan Desakan. Melalui sampel ayat ini, elemen Sirkumstan yang wujud digunakan untuk menyatakan pesakit yang berkenaan pulih tanpa sebarang kecacatan. Fungsi elemen yang berbeza pula dapat dilihat dalam ayat S9T1B iaitu elemen Sirkumstan Lingkungan: Kondisi digunakan pada frasa „*sekiranya hadir dalam dos yang tinggi*”untuk menyatakan keadaan yang menyebabkan janin mati.

Manakala, dalam ayat S25T3B pula jenis Sirkumstan Lingkungan: Kondisi digunakan pada frasa „*sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit*”untuk menyatakan sebab rawatan awal diperlukan. Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014) kedua-dua frasa ini berupaya memberikan jawapan kepada soalan „kenapa?”. Oleh itu, terbukti bahawa frasa tersebut adalah dalam kategori Sirkumstan: Lingkungan: Kondisi.

5.2.2.5 Sirkumstan Perihal dalam Data

Selain daripada jenis-jenis Sirkumstan yang telah dibincangkan, elemen Sirkumstan seterusnya adalah Sirkumstan Perihal yang didapati wujud sebanyak 11% dalam seluruh data kajian. Secara keseluruhan, jenis Sirkumstan ini kebanyakannya digunakan untuk memberi penerangan kepada pembaca mengenai perkara yang perlu diketahui bagi mencegah atau menjauhi sesuatu penyakit. Contoh 5.11, menunjukkan kehadiran jenis Sirkumsan Perihal yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.11 : Sirkumstan Perihal dalam Data Kajian

Kod	Ayat
-----	------

S16T1A	<p><i>Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.</i></p> <table border="1" data-bbox="470 318 1449 445"> <tr> <td>Elakkan</td><td>diri dan anak</td><td>menjadi</td><td>mangsa penyakit ini</td></tr> <tr> <td>Pro : Mat</td><td>Cr</td><td>Pro : Rel : Att</td><td>Att</td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="470 487 1449 614"> <tr> <td>(dengan) mengambil tahu</td><td>tentang simptom penyakit cacar air</td><td>bagi mencegah komplikasi serangan.</td></tr> <tr> <td>Pro : Men</td><td>Circ : Matt</td><td>Circ : Cau : Pur</td></tr> </table>	Elakkan	diri dan anak	menjadi	mangsa penyakit ini	Pro : Mat	Cr	Pro : Rel : Att	Att	(dengan) mengambil tahu	tentang simptom penyakit cacar air	bagi mencegah komplikasi serangan.	Pro : Men	Circ : Matt	Circ : Cau : Pur
Elakkan	diri dan anak	menjadi	mangsa penyakit ini												
Pro : Mat	Cr	Pro : Rel : Att	Att												
(dengan) mengambil tahu	tentang simptom penyakit cacar air	bagi mencegah komplikasi serangan.													
Pro : Men	Circ : Matt	Circ : Cau : Pur													
S2T1B	<p><i>Lantaran itu, ibu hamil sering kali berhati-hati dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan yang boleh memudaratkan bayi di dalam kandungan.</i></p> <table border="1" data-bbox="470 804 1449 1036"> <tr> <td>Lantaran itu,</td><td>ibu hamil</td><td>sering kali</td><td>berhati-hati</td><td>dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan</td></tr> <tr> <td>/</td><td>Sen</td><td>Circ : Ext : Dur</td><td>Pro : Men</td><td>Circ : Matt</td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="470 1068 1449 1153"> <tr> <td>yang boleh memudaratkan bayi</td><td>di dalam kandungan</td></tr> <tr> <td>Ph</td><td>Circ : Loc : Plc</td></tr> </table>	Lantaran itu,	ibu hamil	sering kali	berhati-hati	dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan	/	Sen	Circ : Ext : Dur	Pro : Men	Circ : Matt	yang boleh memudaratkan bayi	di dalam kandungan	Ph	Circ : Loc : Plc
Lantaran itu,	ibu hamil	sering kali	berhati-hati	dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan											
/	Sen	Circ : Ext : Dur	Pro : Men	Circ : Matt											
yang boleh memudaratkan bayi	di dalam kandungan														
Ph	Circ : Loc : Plc														
S2T2A	<p><i>Radang Pelvis atau Pelvic Inflammatory Disease (PID) adalah penyakit yang merujuk kepada jangkitan kuman pada rahim (uterus), tiub fallapio (saluran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.</i></p> <table border="1" data-bbox="470 1427 1449 1786"> <tr> <td>Radang Pelvis atau Pelvic Inflammatory Disease (PID)</td><td>adalah</td><td>penyakit</td><td>yang merujuk kepada jangkitan kuman</td><td>pada rahim (uterus), tiub fallapio (saluran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.</td></tr> <tr> <td>Cr</td><td>Pro : Rel : Att</td><td>Att</td><td>Circ : Matt</td><td>Circ : Loc : Plc</td></tr> </table>	Radang Pelvis atau Pelvic Inflammatory Disease (PID)	adalah	penyakit	yang merujuk kepada jangkitan kuman	pada rahim (uterus), tiub fallapio (saluran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.	Cr	Pro : Rel : Att	Att	Circ : Matt	Circ : Loc : Plc				
Radang Pelvis atau Pelvic Inflammatory Disease (PID)	adalah	penyakit	yang merujuk kepada jangkitan kuman	pada rahim (uterus), tiub fallapio (saluran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.											
Cr	Pro : Rel : Att	Att	Circ : Matt	Circ : Loc : Plc											

Bagi melihat fungsi Sirkumstan Perihal dengan lebih jelas, sampel ayat yang dinyatakan di atas akan dibincangkan dengan lebih terperinci. Ayat S16T1A, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Perihal yang digunakan pada frasa „*tentang simptom penyakit cacar air*“ begitu juga dalam ayat S2T1B, jenis Sirkusmtan ini digunakan pada frasa „*dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan*“ serta dalam ayat S2T2A frasa „*yang merujuk kepada jangkitan kuman*“ juga menandakan kehadiran Sirkumstan Perihal.

Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014), kehadiran Sirkumstan Perihal dalam ketiga-tiga ayat ini dapat dikenal pasti melalui soalan „tentang apa?“. Dalam ayat S16T1A, Sirkumstan Perihal digunakan untuk menyatakan apa yang perlu diketahui oleh pembaca, manakala bagi ayat pula S2T1B Sirkumstan ini digunakan untuk menyatakan apa yang perlu diperhatikan oleh wanita hamil dan terakhir pada ayat S2T2A jenis Sirkumstan ini digunakan untuk menyatakan tentang penyakit Radang Pelvis.

5.2.2.6 Sirkumstan Rentang dalam Data

Elemen seterusnya adalah permerangan mengenai Sirkumstan Rentang, berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, peratus kehadiran Sirkumstan Rentang didapati sebanyak 7% daripada seluruh data kajian. Contoh 5.12, menunjukkan sampel ayat dalam penggunaan Sirkumstan Rentang yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.12 : Sirkumstan Rentang dalam Data Kajian

Kod	Ayat												
S34T2B	<p>Perkara ini selalunya membawa perubahan yang boleh nampak dalam masa beberapa minggu.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Perkara</td><td>selalunya</td><td>membawa</td><td>perubahan</td><td>[yang</td><td>dalam masa</td></tr> <tr> <td>ini</td><td></td><td></td><td></td><td>boleh</td><td>beberapa</td></tr> </table>	Perkara	selalunya	membawa	perubahan	[yang	dalam masa	ini				boleh	beberapa
Perkara	selalunya	membawa	perubahan	[yang	dalam masa								
ini				boleh	beberapa								

				nampak]	minggu.
	Act	Circ : Loc : Tme	Pro : Mat	Goal	Circ :Ext : Dur
S38T2B	<i>Keadaan ini mungkin akan hilang tetapi ramai orang perlu tetap mengambil ubat dalam jangka masa yang panjang.</i>				
	Keadaan ini	(mungkin)	akan hilang	tetapi	ramai orang
	Cr		Att	/	Act
	(perlu) tetap mengambil	ubat	dalam jangka masa yang panjang		
	Pro : Mat	Goal	Circ : Ext : Dur		
S25T3A	<i>Walaupun ia boleh berlaku pada kedua-dua jantina, namun Bell's Palsy boleh berlaku 3 kali atau lebih kerap di kalangan wanita hamil, juga 4 kali lebih kerap berlaku di kalangan wanita hamil daripada wanita yang tidak hamil.</i>				
	Walaupun	ia	(boleh) berlaku	pada kedua-dua jantina	
	/	Act	Pro : Mat	Goal	
	namun	Bell's Palsy	(boleh) berlaku	3 kali atau lebih kerap	
	/	Act	Pro : Mat	Circ : Ext : Fre	
	di kalangan wanita hamil	juga 4 kali lebih kerap	berlaku	di kalangan wanita hamil daripada wanita yang tidak hamil.	
	Goal	Circ : Ext : Fre	Pro : Mat	Goal	

Sampel ayat S34T2B menunjukkan frasa „*dalam masa beberapa minggu*“ yang menerangkan tempoh perubahan yang akan berlaku. Di samping itu juga, dalam ayat S38T2B mengandungi jenis Sirkumstan Rentang Waktu di mana, frasa „*ddalam jangka masa yang panjang*“ menerangkan tempoh berapa lama perlu mengambil ubat yang berkenaan. Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014) kedua-dua ayat tersebut berkebolehan untuk

menjawab soalan „berapa lama?“. Maka, dengan itu, terbukti bahawa penggunaan Sirkumstan Rentang: Waktu wujud dalam ayat-ayat tersebut.

Dalam sampel jenis ayat S25T3A ini pula, Sirkumstan Rentang: Kekerapan, dapat dikenal pasti pada dua tempat iaitu dalam frasa „*3 kali atau lebih kerap*“ dan frasa „*4 kali lebih kerap*“. Kedua-dua frasa ini memerihalkan kekerapan berlakunya penyakit „*Bell's Palsy*“ seterusnya berdasarkan teori Halliday, kedua-dua frasa tersebut telah dapat menjawab soalan „berapa kali?“. Ini bermakna, terbukti bahawa penggunaan Sirkumstan Rentang: Kekerapan juga turut hadir dalam ayat tersebut.

5.2.2.7 Sirkumstan Penyerta dalam Data

Melalui analisis data yang telah dijalankan, Sirkumstan Penyerta didapati hanya hadir sebanyak 3% dalam keseluruhan data kajian. Contoh 5.13, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Penyerta yang diambil daripada data kajian yang telah dianalisis.

Contoh 5.13 : Sirkumstan Penyerta dalam Data Kajian

Kod	Ayat				
S3T1B	<i>Selain menekankan perkara ini, wanita hamil juga perlu mengambil tahu risiko yang wujud sepanjang usia kehamilan.</i>				
	Selain menekankan perkara ini	wanita hamil juga	(perlu) mengambil tahu	risiko yang wujud	sepanjang usia kehamilan
	Circ : Acc : Add	Sen	Pro : Men	Ph	Circ : Loc : Tme
S20T3C	<i>Selain masalah Sindrom Carpal Tunnel, satu lagi yang walaupun jarang-jarang dihidapi tetapi juga merimaskan adalah Sista Ganglion (simpul saraf).</i>				
	Selain masalah Sindrom Carpal Tunnel	satu lagi yang walaupun jarang-jarang dihidapi	tetapi	merimaskan	
	Circ : Acc : Add	Circ : Cont : Conc	/	Pro: Men	

	<p style="text-align: center;">adalah <i>Sista Ganglion</i> (simpul saraf)</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Ph</td> </tr> </table>	Ph									
Ph											
S23T1A	<p><i>Campurkan bersama bedak sejuk dan sapu pada badan.</i></p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Campurkan</td> <td>bersama bedak sejuk</td> <td>dan</td> <td>sapu</td> <td>pada badan</td> </tr> <tr> <td>Pro : Mat</td> <td>Circ : Acc : Com</td> <td>/</td> <td>Pro : Mat</td> <td>Goal</td> </tr> </table>	Campurkan	bersama bedak sejuk	dan	sapu	pada badan	Pro : Mat	Circ : Acc : Com	/	Pro : Mat	Goal
Campurkan	bersama bedak sejuk	dan	sapu	pada badan							
Pro : Mat	Circ : Acc : Com	/	Pro : Mat	Goal							

Bagi ayat S3T1B dan S20T3C, terdapat Sirkumstan Penyerta: Additif yang hadir dan digunakan pada frasa „sdain menekankan perkara ini“ dan „*selain masalah Sindrom Carpal Tunnel*“. Frasa ini didapati dapat menjawab soalan „apa lagi?“ berdasarkan teori Halliday dan Mattihessen (2014) seterusnya membuktikan kehadiran Sirkumstan Penyerta dalam ayat tersebut.

Dalam frasa ini, jenis Sirkumstan Penyerta digunakan untuk memberi penekanan kepada para pembaca bahawa penulis ingin menyatakan satu perkara. Sementara itu, dalam ayat S23T1A, Sirkumstan Penyerta: Komitatif pula digunakan pada frasa „*bersama bedak sejuk*“ di mana didapati menjawab soalan „dengan apa?“. Sirkumstan Penyerta ayat ini digunakan untuk menyatakan dengan apa ubat yang berkenaan disediakan bagi tujuan merawat penyakit.

5.2.2.8 Sirkumstan Peranan dalam Data

Analisis kajian diteruskan lgi untuk melihat kehadiran jenis Sirkumsatan: Peranan. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan, penggunaan Sirkumstan: Peranan dilihat sangat kurang dalam data kajian sama seperti kehadiran Sirkumstan Penyerta yang mencatat hanya sebanyak 2%. Contoh 5.14, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Peranan yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.14 : Sirkumstan Peranan dalam Data Kajian

Kod	Ayat																			
S8T2A	<i>Wanita yang memakai alat di dalam rahim (IUD) sebagai cara merancang keluarga juga mempunyai risiko yang lebih tinggi dijangkiti radang pelvis.</i>																			
	<table border="1"> <tr> <td>Wanita yang memakai alat</td><td>di dalam rahim (IUD)</td></tr> <tr> <td>Cr</td><td>Circ : Loc : Plc</td></tr> </table>						Wanita yang memakai alat	di dalam rahim (IUD)	Cr	Circ : Loc : Plc										
Wanita yang memakai alat	di dalam rahim (IUD)																			
Cr	Circ : Loc : Plc																			
	<table border="1"> <tr> <td>sebagai cara merancang keluarga</td><td>(juga)</td><td>mempunyai</td><td>risiko yang lebih tinggi</td><td>dijangkiti</td><td>radang pelvis</td></tr> <tr> <td>Circ : Rol : Gus</td><td></td><td>Pro : Rel: Att</td><td>Att</td><td>Pro : Mat</td><td>Goal</td></tr> </table>						sebagai cara merancang keluarga	(juga)	mempunyai	risiko yang lebih tinggi	dijangkiti	radang pelvis	Circ : Rol : Gus		Pro : Rel: Att	Att	Pro : Mat	Goal		
sebagai cara merancang keluarga	(juga)	mempunyai	risiko yang lebih tinggi	dijangkiti	radang pelvis															
Circ : Rol : Gus		Pro : Rel: Att	Att	Pro : Mat	Goal															
S20T1B	<i>Ia diberi sebagai ‘sleeping pill’, pada tahun 1961, ubat ini telah diisytiharkan sebagai ‘tidak selamat’ untuk digunakan terhadap ibu mengandung selepas didapati ramai bayi yang dilahirkan mengalami kecacatan anggota yang dikenali sebagai phocomelia.</i>																			
	<table border="1"> <tr> <td>Ia</td><td>diberi</td><td>sebagai „sleeping pill”</td><td>pada tahun 1961</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Goal</td><td>Pro : Mat</td><td>Circ : Rol : Gus</td><td>Circ : Loc : Tme</td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>						Ia	diberi	sebagai „sleeping pill”	pada tahun 1961				Goal	Pro : Mat	Circ : Rol : Gus	Circ : Loc : Tme			
Ia	diberi	sebagai „sleeping pill”	pada tahun 1961																	
Goal	Pro : Mat	Circ : Rol : Gus	Circ : Loc : Tme																	
	<table border="1"> <tr> <td>ubat ini</td><td>(telah) diisytiharkan</td><td>sebagai „tidak selamat”</td><td>untuk digunakan terhadap ibu mengandung</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Ph</td><td>Pro : Ver</td><td>Circ : Rol : Gus</td><td>Circ : Cau : Pur</td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>						ubat ini	(telah) diisytiharkan	sebagai „tidak selamat”	untuk digunakan terhadap ibu mengandung				Ph	Pro : Ver	Circ : Rol : Gus	Circ : Cau : Pur			
ubat ini	(telah) diisytiharkan	sebagai „tidak selamat”	untuk digunakan terhadap ibu mengandung																	
Ph	Pro : Ver	Circ : Rol : Gus	Circ : Cau : Pur																	
	<table border="1"> <tr> <td>selepas</td><td>didapati ramai bayi yang dilahirkan.</td><td>mengalami</td><td>kecacatan anggota yang dikenali sebagai phocomelia</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Circ : Loc :</td><td>Act</td><td>Pro : Mat</td><td>Goal</td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>						selepas	didapati ramai bayi yang dilahirkan.	mengalami	kecacatan anggota yang dikenali sebagai phocomelia				Circ : Loc :	Act	Pro : Mat	Goal			
selepas	didapati ramai bayi yang dilahirkan.	mengalami	kecacatan anggota yang dikenali sebagai phocomelia																	
Circ : Loc :	Act	Pro : Mat	Goal																	

	Tme			
S9T1A	Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.			
	Pun begitu	sebagai ibu	anda	jangan
	/	Circ : Rol : Gus	Sen	/
				Pro : Men

Jenis Sirkumstan Peranan: Samaran dikenal pasti dalam ayat S8T2A pada frasa “*sebagai cara merancang keluarga*”. Pada ayat ini, Sirkumstan digunakan untuk membayangkan peranan alat yang dipakai oleh wanita dalam rahim. Selain itu, penggunaan Sirkumstan ini memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi alat berkenaan.

Sementara itu, dalam ayat S20T1B, Sirkumstan Peranan: Samaran didapati digunakan pada dua frasa yang berbeza. Frasa pertama ialah „*sebagai „sleeping pill*” dan frasa kedua ialah „*sebagai tidak selamat*”.” Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2014) penggunaan jenis Sirkumstan: Peranan: Samaran dalam kedua-dua frasa ini dapat dikenal pasti dengan menjawab soalan „*sebagai apa?*”.

Pada frasa pertama, Sirkumstan Peranan digunakan untuk menjelaskan pembaca mengenai fungsi ubat yang berkenaan dengan mengaitkannya kepada „*sleeping pill*”. Manakala, dalam frasa kedua pula jenis Sirkumstan ini digunakan untuk menerangkan pembaca bahawa ubat yang berkenaan bahaya kepada ibu hamil.

Selain itu, ayat S9T1A mempunyai jenis Sirkumstan Peranan: Samaran digunakan pada frasa „*sebagai ibu*”. Dalam frasa ini, Sirkumstan Peranan digunakan bagi pembaca membayangkan dirinya sebagai seorang ibu.

5.2.2.9 Sirkumstan Pandangan dalam Data

Elemen terakhir, jenis Sirkumstan Pandangan pula hanya digunakan dalam kadar yang sangat minimum iaitu hanya 1% sahaja dikenal pasti dalam data kajian. Secara keseluruhannya, jenis Sirkumstan Pandangan: Sumber digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menyatakan pendapat atau pandangan pakar perubatan tentang penyakit dan masalah yang dihadapi. Contoh 5.15, menunjukkan kehadiran Sirkumstan Pandangan yang dipetik daripada data kajian.

Contoh 5.15 : Sirkumstan Pandangan dalam Data Kajian

Kod	Ayat				
S7T3B	<i>Menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr.Ng Sze How, buasir adalah pembengkakan yang terjadi dalam dubur dan rektum.</i>				
	Menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr.Ng Sze How,	buasir	adalah	pembengkakan yang terjadi	dalam dubur dan rectum
	Circ : Ang : Sou	Cr	Pro: Rel : Att	Att	Circ : Loc : Plc
S6T3A	<i>Masalah ini menurut Pakar Neurologi, Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Shalini Bhaskar, dalam bahasa perubatan dikenali Bell's Palsy, yakni satu keadaan yang menyebabkan otot-otot menjadi lemah atau lumpuh pada bahagian muka.</i>				
	Masalah ini	menurut Pakar Neurologi, Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Shalini Bhaskar	dalam bahasa perubatan dikenali Bell's Palsy, yakni satu keadaan yang menyebabkan otot-otot menjadi lemah atau lumpuh pada bahagian muka.		
	Cr	Circ : Ang : Sou	Att		

S4T3C	<i>Menurut Pakar Perunding Tangan & Pakar Bedah Mikro Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr.Terence Tay Khai Wei, ia merupakan suatu keadaan yang mungkin berlaku apabila saraf median, yakni saluran tunjang utama pada tangan dan jari menjadi mampat dalam terowong Carpal.</i>		
	Menurut Pakar Perunding Tangan & Pakar Bedah Mikro Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr.Terence Tay Khai Wei	ia	merupakan suatu keadaan yang mungkin berlaku apabila saraf median, yakni saluran tunjang utama pada tangan dan jari menjadi mampat dalam terowong Carpal.
	Circ : Ang : Sou	Cr	Pro : Rel :Att

Dalam ayat S7T3B, Sirkumstan Pandangan dapat dikenal pasti pada frasa „*menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr.Ng Sze How*“.

Manakala dalam ayat S6T3A pula, Sirkumstan Pandangan digunakan pada frasa „*Menurut Pakar Neurologi, Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Shalini Bhaskar*“. Sementara itu, bagi ayat S4T3C pula, Sirkumstan Pandangan dikenal pasti pada frasa „*Menurut Pakar Perunding Tangan & Pakar Bedah Mikro Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Terence Tay Khai Wei*“. Sirkumstan Pandangan yang digunakan dalam ketiga-tiga ayat di atas adalah untuk menyatakan pendapat pakar perubatan tentang penyakit berkenaan kepada para pembaca.

5.2.2.10 Petanda –Petanda Nahu bagi Mengenal pasti Sirkumstan

Hasil analisis elemen Sirkumstan daripada 9 teks kesihatan dan penyakit mendapati antara petanda-petanda nahu untuk mengenal pasti elemen Sirkumstan untuk bahasa

Melayu. Petanda-petanda ini memudahkan untuk mengidentifikasi elemen Sirkumstan dalam ayat bahasa Melayu. Ia ditunjukkan dalam jadual 5.12.

Jadual 5.12: Petanda Nahu Sirkumstan

Elemen – Elemen Sirkumstan	Petanda-Petanda Nahu
Sirkumstan Rentang	dalam masa..., dalam jarak..., kali...
Sirkumstan Lokasi	Pada..., di...
Sirkumstan Cara	melalui..., dengan..., seperti..., yang lebih...
Sirkumstan Penyebab	untuk..., kerana... disebabkan oleh...
Sirkumstan Lingkungan	tanpa..., sekiranya..., jika...
Sirkumstan Penyerta	selain..., bersama...
Sirkumstan Perihal	tentang..., yang merujuk kepada..., dalam soal..., mengenai...
Sirkumstan Peranan	sebagai..
Sirkumstan Pandangan	menurut..., merujuk...

5.3 Perbincangan Pembangunan Makna Ideasional dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Topik perbincangan pada bahagian ini adalah mengenai bagaimana makna ideasional dibangunkan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah Melayu. Seterusnya, bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu:

- Bagaimanakah makna ideasional dibangunkan dalam teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu?.

Berdasarkan penganalisisan elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan memainan peranan penting dalam membangunkan makna ideasional dalam suatu teks kesihatan dan penyakit. Namun begitu, ketiga –tiga elemen mempunyai peranan yang berbeza antara satu sama lain dalam membangunkan makna tertentu.

Walaupun agihan semua jenis Proses adalah berbeza dalam data kajian, melalui analisis yang dijalankan telah membuktikan bahawa kehadiran Proses Material adalah sangat tinggi berbanding jenis-jenis Proses yang lain dalam data kajian. Kebanyakan Proses Material digunakan untuk menyatakan „akibat“ yang dibawa oleh sesuatu penyakit pada badan manusia. Sebagai contoh melalui ayat S12T2A,

S12T2A *Radang pelvis boleh mengakibatkan kerosakan kekal pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilag telur (ovari).*

Proses Material digunakan untuk menyatakan akibat yang dibawa oleh penyakit Radang pelvis. Secara tidak langsung, Proses Material berfungsi untuk memberikan amaran bahaya penyakit Radang pelvis kepada para pembaca.

Selain itu, Proses Material juga digunakan untuk menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan dan mencegah penyakit. Penggunaan Proses Material dalam teks kesihatan dan penyakit juga berupaya untuk mewujudkan perasaan takut dalam diri pembaca tentang bahaya sesuatu penyakit. Ia juga berfungsi untuk membawa perubahan dalam diri pembaca dengan cara mencegah dirinya daripada menjadi mangsa penyakit. Dengan itu, pembaca akan lebih berwaspada dalam tingkah lakunya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan Peserta *Actor* digunakan untuk merujuk penyakit yang membawa akibat pada badan manusia, manakala, Peserta *Goal* pula digunakan untuk merujuk akibat atau masalah yang dibawa oleh penyakit.

Kadar penggunaan Proses Relasional dalam analisis data kajian ini pula mencatat kehadiran kedua tertinggi dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Di samping itu juga, kehadiran Proses Relasional *Attributif* didapati adalah lebih tinggi berbanding Proses Relasional Idenifikasi. Tambahan lagi, melalui analisis data yang dijalankan, Proses Relasional digunakan secara meluas untuk menyatakan simptom-simptom yang timbul

daripada sesuatu penyakit beserta ciri-ciri rawatan bagi penyakit tersebut. Sebagai contoh melalui ayat S25T2A,

S25T2A *Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis.*

Proses Relasional digunakan untuk mencirikan rawatan bagi suatu penyakit. Hasilnya, Proses Relasional dapat berfungsi dalam memberikan gambaran tentang sesuatu penyakit dan juga rawatanya dalam diri pembaca. Sementara itu, Peserta Proses Relasional *Atributif* iaitu *Carrier* dan *Attributif* serta Peserta Proses Relasional Identifikasi iaitu *Token* dan *Value* juga didapati menunjukkan bilangan kehadiran yang tinggi dalam teks kesihatan dan penyakit. Kebanyakan Peserta *Carrier* berfungsi untuk merujuk penyakit dan rawatan, manakala, Peserta *Attribut* pula digunakan untuk memerihalkan simptom-simptomnya pada badan manusia bersama ciri-ciri sesuatu rawatan.

Jenis-jenis Peserta lain yang wujud dalam teks yang dikaji seperti Peserta *Token* dan *Value* pula digunakan untuk menerangkan keistimewaan sesuatu rawatan dan tahap bahaya sesuatu penyakit. Tambahan pula, penggunaan Proses Relasional dalam teks kesihatan dan penyakit akan memberikan pengetahuan awal kepada para pembaca tentang sesuatu penyakit sebelum mereka mendalami sesuatu teks. Maka, secara tidak langsung, Proses ini berperanan untuk menarik perhatian pembaca. Penggunaan Proses Relasional juga memberi kesedaran kepada para pembaca terhadap jangkitan yang boleh dihidapi disekelilingnya serta jenis rawatan yang diperlukan beserta waktu yang tepat untuk menerima rawatan.

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa kebanyakan Proses Mental digunakan untuk memberikan nasihat kepada para pembaca bagi mengelakkan dirinya daripada menjangkiti penyakit yang dinyatakan dengan mengambil tahu tentang tahap bahaya

sesuatu penyakit yang wujud dalam badan kita. Peserta Proses Mental iaitu *Senser* pula banyak digunakan sebagai rujukan untuk pembaca dan pemberi nasihat. Sementara itu, Peserta *Phenomenon* merujuk kepada perkara yang perlu diberi perhatian oleh pembaca. Sebagai contoh melalui ayat S24T1C,

S24T1C *Bukan sahaja pesakit PCOS tetapi semua individu perlu peka, berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi.*

Sirkumstan Mental digunakan untuk memberikan nasihat kepada para pembaca agar memberikan perhatian terhadap berat badan yang berlebihan untuk mengelakkan masalah obesiti. Adanya pemberian nasihat seperti ini melalui Proses Mental akan membuka minda para pembaca agar berpeka mengenai penyakit yang boleh dihadapi disekelilingnya.

Proses Verbal pula merupakan jenis Proses yang mencatat peratus keempat tertinggi dalam data kajian di mana kebanyakan Proses Verbal digunakan untuk memberikan cadangan dan jalan penyelesaian untuk menjauhi penyakit. Di samping itu juga, Peserta Proses Verbal iaitu *Sayer* didapati hadir dengan bilangan yang sangat minimum dalam data kajian. Ia digunakan untuk merujuk kepada orang yang memberikan cadangan terutamanya doktor dan pakar perubatan. Manakala, Peserta *Verbiage* pula digunakan untuk merujuk kepada apa yang perlu dilakukan oleh seorang pesakit berdasarkan cadangan yang telah diberikan oleh *Sayer* (doktor dan pakar perubatan). Sebagai contoh melalui ayat,

S13T13A *Walaubagaimanapun anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor jika terdapat simptom-simptom kelemahan pada otot muka supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.*

Proses Verbal digunakan untuk memberikan cadangan kepada pembaca agar tindakan yang perlu diambil iaitu jumpa doktor apabila terdapat simptom-simptom tertentu. Penggunaan Proses Verbal dalam teks kesihatan dan penyakit ini akan membantu pembaca mengenai

tindakan yang perlu segera diambil apabila telah mengenal pasti simptom-simptom penyakit yang wujud dalam diri pembaca.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peratus kehadiran Proses Perilaku adalah kurang berbanding proses-proses lain dalam teks kesihatan dan penyakit. Ini adalah kerana, teks kesihatan dan penyakit berkaitan dengan gambaran tentang kejadian sesuatu penyakit serta akibat yang dibawanya, selain nasihat yang diberi untuk mengelakkan dirinya daripada mendapat penyakit. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat penggunaan unsur-unsur psikologi adalah sangat kurang dalam teks tersebut. Proses Perilaku juga digunakan untuk mengekspresikan keadaan badan manusia apabila menjadi mangsa bagi suatu penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S11T3C,

S11T3C *Walau bagaimanapun, di peringkat lewat, rasa kebas berkenaan boleh jadi berterusan dan merimaskan.*

Proses Perilaku digunakan untuk menyatakan para pembaca keadaan badan apabila terkena penyakit tertentu. Dengan itu, para pembaca dapat menggambarkan risiko sesuatu penyakit.

Sepertimana kebanyakan kajian lepas yang telah dijalankan, kehadiran Proses Eksistensial dikenal pasti mencatat bilangan yang paling kurang dalam data kajian ini. Secara keseluruhan, Proses ini digunakan untuk memerihalkan simptom-simptom yang wujud dalam badan manusia yang terhasil akibat daripada penyakit berkenaan. Sebagai contoh melalui ayat S3T3B,

S3T3B *Ada rasa bengkak atau ketulan di bahagian dubur.*

Proses Eksistensial digunakan untuk memerihalkan simptom yang terjadi dalam bahagian dubur. Proses Eksistensial juga berperanan untuk memberikan gambaran tentang keadaan

pesakit kepada pembaca dan mewujudkan perasaan berwaspada terhadap simptom-simptom yang terjadi dalam badan manusia.

Berdasarkan dapatan analisis, kesemua sembilan jenis Sirkumstan digunakan secara meluas dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Kesemua Sirkumstan berperanan dalam memberi maklumat yang terperinci kepada para pembaca. Dengan kata lain, penggunaan Sirkumstan dalam teks kesihatan dan penyakit memberikan pendedahan yang lebih jelas tentang kejadian sesuatu penyakit kepada pembaca.

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa Sirkumstan Lokasi digunakan secara dominan dalam teks kesihatan dan penyakit berbanding jenis Sirkumstan yang lain. Secara holistiknya, kebanyakan Sirkumstan Lokasi digunakan untuk merujuk bahagian yang terlibat disebabkan oleh sesuatu penyakit yang dihidapi dalam badan manusia. sebagai contoh melalui ayat S9T3A,

S9T3A *Dalam kebanyakan kes Bell's Palsy, saraf yang mengawal otot pada sebelah muka telah rosak disebabkan inflamasi pada saraf yang terletak di bahagian bawah telinga.*

Sirkumstan Lokasi : Tempat digunakan untuk merujuk bahagian yang terkena daripada penyakit Bell's Palsy. Selain itu, Sirkumstan lokasi juga digunakan untuk merujuk kepada masa atau tempoh anggaran untuk mendapat serangan atau tempoh pemulihan daripada sesuatu penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S30T3A,

S30T3A *Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy pulih tanpa kecacatan ketara dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.*

Sirkumstan Lokasi : Masa digunakan untuk menyatakan para pembaca tentang anggaran masa yang diambil untuk pemulihan Bell's Palsy. Penggunaan Sirkumstan Lokasi dalam teks kesihatan dan penyakit akan menggalakkan para pembaca agar memberikan perhatian serius terhadap perubahan yang dialami oleh badan samada dari sudut bahagian badan atau

tempoh yang spesifik bagi suatu penyakit. Secara tidak langsung, persediaan dan langkah berjaga-jaga ini membantu dalam usaha mengurangkan kadar serangan sesuatu penyakit dalam masyarakat.

Sementara itu, Sirkusmtan Penyebab juga didapati digunakan secara meluas dalam dengan kedudukan peratusan pada kedua tertinggi berbanding jenis Sirkumstan yang lain dalam data kajian. Ia digunakan untuk memberikan punca sebenar berlakunya sesuatu penyakit dan juga untuk memberi tujuan sesuatu rawatan diberikan terhadap penyakit berkenaan. Sebagai contoh melalui ayat S46T3A,

S46T3A *Mengambil suplemen vitamin B dan asid folik adalah sangat disyorkan untuk membantu dalam penyembuhan saraf yang telah rosak.*

Sirkumstan Penyebab digunakan untuk menyatakan tujuan pengambilan ubat kepada para pembaca. Dengan itu, pembaca dapat mengetahui fungsi ubat yang diambilnya. Secara keseluruhan, Sirkumstan Penyebab dalam teks kesihatan dan penyakit ini berperanan dalam memberikan pendedahan tentang kewujudan sesuatu penyakit kepada para pembaca. Dengan itu, pembaca akan lebih berwaspada dan berhati-hati terhadap setiap tingkah lakunya. Selain itu, Sirkumstan Penyebab juga digunakan untuk memberi penerangan mengenai kepentingan sesuatu rawatan yang diberikan terhadap penyakit berkenaan. Secara tidak langsung, ia menggalakkan para pembaca untuk mengambil rawatan yang sesuai pada masa yang diperlukan.

Sirkumstan Lingkungan dalam teks kesihatan dan penyakit pula digunakan untuk menggambarkan keadaan yang berkemungkinan menjadi apabila mendapat serangan sesuatu penyakit dan juga mengenai keadaan mangsa penyakit (pesakit). Sebagai contoh melalui contoh S9T1B,

S9T1B *Dalam dos yang rendah teratogen menyebabkan kecacatan tetapi mampu mengakibatkan kematian janin sekiranya hadir dalam dos yang tinggi.*

Sirkumstan Lingkungan digunakan untuk menggambarkan keadaan yang berkemungkinan jadi apabila mendapat serangan teratogen kepada para pembaca. Penggunaan Sirkumstan Lingkungan dalam teks kesihatan dan penyakit berupaya untuk memberikan pendedahan awal terhadap keadaan yang mengakibatkan berlakunya suatu penyakit dan tindakan yang perlu diambil untuk menjauhkan diri daripada keadaan tersebut. Selain daripada itu, Sirkumstan Lingkungan juga digunakan untuk menggambarkan keadaan pesakit agar mereka mendapat rawatan yang segera untuk memulihkannya.

Di samping itu, Sirkumstan Cara dalam teks kesihatan dan penyakit digunakan untuk menerangkan cara merawat sesuatu penyakit dan juga untuk menggambarkan tahap keadaan suatu penyakit samada serius atau tidak serta digunakan untuk membandingkan sesuatu masalah dengan masalah yang lain. Sebagai contoh melalui ayat S7T2C,

S7T2C Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura.

Sirkumstan Cara digunakan untuk menggambarkan cara merawat Migrain dengan memberikan perbandingan. Fungsi Sirkumstan Cara dalam teks kesihatan dan penyakit adalah untuk memberi pendedahan yang terperinci tentang bagaimana pemberian sesuatu rawatan kepada pesakit. Dengan ini, pembaca dapat membayangkan rawatan yang diberikan dan seterusnya dapat memahami dengan lebih jelas serta dapat melihat perbandingan suatu masalah yang wujud dalam badan manusia dengan yang lain. Dengan itu, para pembaca dapat mengetahui tahap kebahayaan sesuatu masalah yang dihadapi.

Kadar peratusan penggunaan Sirkumstan Perihal adalah hampir sama seperti Sirkumstan Cara dalam teks kesihatan dan penyakit di mana ia digunakan dengan meluas

dalam teks untuk memerihalkan perkara yang perlu diketahui oleh pembaca tentang sesuatu penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S16T1A,

S16T1A Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.

Sirkumstan Perihal digunakan untuk menyatakan para pembaca agar mengetahui tentang simptom penyakit cacar air. Di samping itu, Sirkusmtan Perihal dapat menggalakkan para pembaca untuk mencegah dan menjauhi diri mereka daripada mendapat serangan sesuatu penyakit dengan cara mengetahui perkara penting tentang penyakit tersebut terlebih dahulu.

Sementara itu, Sirkumstan Rentang turut dijumpai dalam beberapa ayat dalam data kajian. Secara keseluruhanya, ia digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menyatakan tempoh masa yang diambil untuk pemulihan daripada sesuatu penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S38T2C,

S34T2B Perkara ini selalunya membawa perubahan yang boleh nampak dalam masa beberapa minggu.

Sirkumstan Rentang digunakan untuk memberikan pendedahan kepada para pembaca tentang tempoh masa yang diambil iaitu beberapa minggu untuk pemulihan daripada suatu penyakit. Sirkumstan Rentang berfungsi memberikan pengetahuan awal kepada para pembaca tentang masa yang diambil untuk penyembuhan selepas mendapat rawatan. Dengan itu, pembaca dapat membayangkan betapa risikonya kehadiran sesuatu penyakit dalam badan manusia.

Secara amnya, analisis data yang diperoleh menunjukkan kebanyakan Sirkumstan Penyerta digunakan untuk memberi gambaran kepada pembaca mengenai perkara lanjutan dengan memerihalkan kaedah penyediaan suatu ubat bagi penyakit tertentu. Penggunaan

Sirkumstan ini dapat memaklumkan pembaca bahawa terdapat perkara lanjutan mengenai sesuatu penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S20T3C,

S20T3C Selain masalah Sindrom Carpal Tunnel, satu lagi yang walaupun jarang-jarang dihidapi tetapi juga merimaskan adalah Sista Ganglion (simpul saraf).

Sirkumstan Penyerta digunakan untuk mengingatkan para pembaca bahawa terdapat satu lagi masalah selain Sindrom Carpal Tunnel. Dengan itu, pembaca dapat memberikan fokus terhadap perkara selanjutnya. Penggunaan Sirkumstan ini dalam penyediaan ubat pula, dapat memberikan maklumat dan gambaran kepada para pembaca mengenai apa yang perlu dibuat sewaktu menyediakan ubat berkenaan.

Sementara itu, Sirkumstan Peranan digunakan dalam kadar yang sangat minimum dalam teks kesihatan dan penyakit. Ia digunakan bagi mewujudkan gambaran mengenai suatu perkara baharu dengan perkara yang menjadi kebiasaan para pembaca untuk mereka memahami perkara tersebut dengan lebih jelas. Sirkumstan Peranan juga digunakan bagi pembaca membayangkan dirinya sebagai rol lain sebagai contohnya, rol ibu, ini bertujuan untuk pembaca menghayati sesuatu isu berkenaan melalui dirinya sendiri. Sebagai contoh melalui ayat S9T1A,

S9T1A Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.

Sirkumstan Peranan digunakan untuk membayangkan para pembaca sebagai ibu agar memahami dan menghayati situasi tersebut dengan lebih jelas.

Jenis Sirkumstan terakhir iaitu, Sirkumstan Pandangan digunakan untuk merujuk pendapat atau pandangan pakar perubatan dan doktor tentang sesuatu penyakit dalam teks kesihatan dan penyakit. Sebagai contoh melalui ayat S7T3B,

S7T3B Menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr.Ng Sze How, buasir adalah pembengkakan yang terjadi dalam dubur dan rektum.

Sirkumstan Pandangan digunakan untuk merujuk pandangan doktor tentang penyakit buasir. Dalam teks kesihatan dan penyakit, penggunaan sirkumstan ini berperanan dalam memberikan pengetahuan tentang sesuatu penyakit kepada para pembaca bersama dengan buktinya.

Secara kesimpulanya, jelas difahami bahawa kehadiran elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan memainkan peranan penting dalam membangunkan makna ideasional dalam teks kesihatan dan penyakit.

5.4 Penutup

Bab ini telah membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan tiga persoalan kajian ini. Bab ini telah menganalisis teks kesihatan dan penyakit berdasarkan Sistem Transitiviti. Hasil kajian dinyatakan dalam bentuk jadual dan graf untuk memudahkan perbincangan serta pembaca untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengkaji.. Bab seterusnya akan membincangkan kesimpulan akhir, cadangan, dan rumusan kajian berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini.

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pengenalan

Pada bab terakhir ini, kesimpulan akan dibincangkan berdasarkan hasil dapatan kajian. Bab ini dimulakan dengan membincangkan rumusan dapatan kajian bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian ini. Seterusnya, diteruskan dengan perbincangan mengenai implikasi yang diperoleh daripada dapatan kajian ini. Saranan kajian masa hadapan juga dibincangkan dalam bab ini dan bahagian akhir adalah kesimpulan bagi keseluruhan bab ini.

6.1 Rumusan Hasil Kajian Utama

Kajian ini dijalankan berdasarkan teori Linguistik Sistemik Fungsional yang menganalisis Sistem Transitiviti dalam teks kesihatan dan penyakit yang dipetik daripada tiga jenis majalah bahasa Melayu. Elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta, dan Sirkumstan dianalisis dalam setiap teks tersebut. Di samping itu, elemen-elemen Sistem Transitiviti juga berperanan sebagai alat untuk membina makna-makna ideasional yang terkandung dalam teks kesihatan dan penyakit yang dikaji. Oleh itu, hasil kajian utama yang dibincangkan dalam bahagian adalah berdasarkan ketiga-tiga persoalan kajian ini.

6.1.1 Kehadiran Jenis-Jenis Proses dan Peserta dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Bagi menjawab persoalan pertama yang dikemukakan dalam kajian ini, analisis terhadap kehadiran jenis-jenis Proses dan Peserta dalam teks yang dikaji telah dijalankan. Sebanyak sembilan teks telah dianalisis yang melibatkan jumlah keseluruhan ayat yang dikaji adalah sebanyak 332 ayat. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa keenam-enam jenis Proses iaitu Proses Material, Proses Reasional, Proses Mental, Proses Verbal, Proses Perilaku dan Proses Eksistensial dikenal pasti wujud dalam data kajian.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kehadiran Proses Material mendominasi dalam data kajian berbanding Proses yang lain dengan peratusan sebanyak 65%. Oleh yang demikian, maka dapat dibuktikan bahawa dapatan kajian ini

menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain yang sebilangan daripadanya ialah Sulaiman Rambe (2014), Shyuan & Ah Yang (2014) Umar Fauzan (2015), John (2004), Sim (2007) dan Norzilawati Ishak (2011) yang juga menyatakan Proses Material sebagai satu Proses yang mendominasi dalam data kajian mereka.

Manakala, bagi Proses Eksistensial pula, dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa ia digunakan dalam jumlah yang minimum dalam data kajian dengan peratus kehadiran hanya sebanyak 1% sahaja. Dapatan ini juga menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian yang diperoleh Afrianto, Indrayani, Seomantri (2014), Marlia (2008), Sehrish Naz, Sofia, Abdul Baseer (2012) dan Siow (2009) yang juga menyatakan bahawa kehadiran Proses Eksistensial dikenal pasti sangat minimum dalam data kajian mereka.

Seterusnya, Proses Relasional pula, didapati hadir dengan kedudukan kedua tertinggi dalam data kajian dan diikuti oleh kehadiran Proses Mental, Proses Verbal dan Proses Perilaku. Sementara itu, berdasarkan hasil kajian yang diperoleh juga, kesemua jenis Peserta dikenal pasti wujud dalam data kajian. Akan tetapi, peserta Proses Material iaitu *Actor* dan *Goal* didapati mendominasi data kajian di mana sebanyak 55% daripada Peserta adalah daripada kategori Peserta Proses Material, *Actor* dan *Goal*. Kehadiran Peserta *Goal* pula adalah lebih tinggi daripada Peserta *Actor* dimana sebanyak 22% adalah Peserta *Actor* dan 33 % adalah peserta *Goal*.

Kehadiran Peserta Proses Relasional iaitu *Carrier* dan *Attribut* merupakan kategori kedua tertinggi dalam data kajian. Berbeza dengan bilangan kehadiran yang dicatatkan oleh Peserta Proses *Verbal* dan Peserta Proses Perilaku (*Behavior*) serta Peserta Proses

Eksistensial yang mencatat jumlah kehadiran yang sangat minimum. Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan ini, hubungan antara Proses dan Peserta dapat disimpulkan dengan ringkas bahawa, apabila kehadiran sesuatu Proses meningkat maka kehadiran Peserta bagi Proses tersebut juga turut akan meningkat dan begitu juga sebaliknya.

6.1.2 Kehadiran Elemen Sirkumstan dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Perbincangan pada bahagian ini adalah mengenai kehadiran jenis-jenis Sirkumstan dalam teks kesihatan dan penyakit seterusnya menjawab persoalan kajian yang kedua. Hasil analisis yang diperoleh, didapati bahawa elemen Sirkumstan telah dikenal pasti wujud dalam semua ayat yang dianalisis. Berdasarkan dapatan kajian, kesemua jenis Sirkumstan digunakan secara meluas dalam teks kajian antaranya adalah Sirkumstan Lokasi, Rentang, Penyebab, Cara, Lingkungan, Penyerta, Peranan, Perihal dan Pandangan.

Namun begitu, analisis kajian menunjukkan bahawa Sirkumstan Lokasi mendominasi kehadiran dalam data kajian iaitu sebanyak 31%. Manakala, dari segi kategori Sirkumstan Lokasi pula, Sirkumstan Lokasi: Tempat, digunakan lebih banyak berbanding Sirkumstan Lokasi: Waktu. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini didapati menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Sakila (2014) di mana, kehadiran Sirkumstan Lokasi juga turut mendominasi dalam data kajiannya. Selain itu, Sirkumstan Pandangan pula didapati wujud dalam kadar yang sangat minimum dalam data kajian di mana ia hanya boleh dapati wujud pada tiga teks sahaja daripada sembilan teks yang dikaji.

6.1.3 Pembangunan Makna Ideasional dalam Teks Kesihatan dan Penyakit

Sistem Transitiviti memainkan peranan penting dalam teks kesihatan dan penyakit di mana ia menggambarkan dengan jelas bagaimana struktur ayat dibina dalam membangunkan makna yang tertentu. Elemen –elemen Sistem Transitiviti seperti jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan membantu dalam membangunkan makna ideasional selain memberikan pemahaman yang lebih terperinci tentang pembentukan suatu teks.

Berdasarkan dapatan kajian, penulis teks bagi majalah yang dikaji telah menggunakan Proses Material secara meluas dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menggambarkan akibat-akibat yang dibawa oleh sesuatu penyakit kepada manusia serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penyakit berkenaan. Kebanyakan penyakit mewakili elemen Peserta *Actor* manakala, akibat yang dibawanya pula sebagai elemen Peserta *Goal*. Sementara itu, Proses Relasional pula digunakan untuk memberikan gambaran awal tentang sesuatu penyakit dan rawatan kepada para pembaca. Peserta Proses Relasional iaitu *Carrier* digunakan sebagai agen yang membawa penyakit dan *Attribut* digunakan untuk mewakili simptom-simptom penyakit tersebut. Manakala, Proses Verbal digunakan untuk menyatakan cara penyelesaian bagi mengubati sesuatu penyakit dan Peserta Proses Verbal iaitu *Verbiage* digunakan untuk memberikan cadangan bagi merawat sesuatu penyakit. Dalam pada itu, Proses Mental digunakan juga untuk memberi nasihat kepada pembaca supaya mengelakkan dirinya daripada menjangkiti penyakit. Proses Perilaku pula dikenal pasti hadir dalam jumlah yang terhad. Ciri teks kesihatan lebih kepada penerangan tentang berlakunya suatu penyakit dan juga pemberian nasihat untuk mengelakkannya. Oleh itu, penggunaan unsur-unsur psikologi kurang digunakan dalam data kajian. Melalui penganalisisan, sebilangan Proses Perilaku digunakan untuk mengekspresikan kejadian sesuatu penyakit. Peserta Proses Perilaku pula, hanya dapat dijumpai dalam jumlah yang sangat kecil. Dalam pada itu, Proses Eksistensial didapatkan

wujud paling kurang dalam data kajian yang mana secara amnya digunakan untuk menggambarkan simptom-simptom yang akan timbul akibat daripada penyakit.

Elemen Sirkumstan pula digunakan dengan meluas dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menyampaikan maklumat mengenai penyakit dan kesihatan dengan lebih jelas kepada para pembaca. Ia amat berguna kepada para pembaca untuk mendapat pendedahan yang lebih jelas tentang sesuatu penyakit. Berdasarkan hasil kajian, kehadiran Sirkumstan Lokasi lebih mendominasi berbanding elemen Sirkumstan lain dalam data kajian yang juga berfungsi untuk menyatakan tempat berlakunya sesuatu penyakit dan simptom-simptomnya dalam badan manusia. Manakala, Sirkumstan Penyebab pula merupakan elemen kedua tertinggi dalam data kajian yang digunakan untuk menyatakan punca berlakunya sesuatu penyakit dan alasan sesuatu rawatan diberikan bagi penyakit tertentu. Elemen Sirkumstan Rentang digunakan untuk menyatakan tempoh masa yang akan diambil bagi penyembuhan daripada sesuatu penyakit dan Sirkumstan Cara pula digunakan untuk menerangkan cara mengubati sesuatu penyakit dan juga untuk menggambarkan keadaan kritikal sesuatu penyakit. Seterusnya, kebanyakan Sirkumstan Lingkungan digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk menggambarkan simptom-simptom sesuatu penyakit dan risikonya. Sementara, Sirkumstan Penyerta pula, digunakan untuk menggambarkan bagaimana sesuatu rawatan diberikan kepada pesakit. Selain itu, kebanyakan Sirkumstan Perihal pula digunakan untuk menerangkan pembaca mengenai perkara yang perlu diketahui untuk mencegah atau menjauhi daripada sesuatu penyakit. Dalam pada itu, Sirkumstan Peranan pula digunakan untuk pembaca membayangkan sesuatu bagi pemahaman yang lebih jelas terhadap sesuatu keadaan. Elemen terakhir, Sirkumstan Pandangan, digunakan dalam teks kesihatan dan penyakit untuk merujuk pendapat atau pandangan pakar perubatan terhadap penyakit atau masalah yang berkenaan.

Secara kesimpulannya, elemen-elemen Sistem Transitiviti jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan dalam teks kesihatan dan penyakit berupaya membawa perubahan dalam diri pembaca dengan cara mempunyai kesedaran untuk mencegah dirinya daripada menjadi mangsa penyakit. Dengan itu, pembaca akan lebih berwaspada dalam tingkah lakunya secara tidak langsung, kadar jangkitan penyakit dalam kalangan masyarakat akan berkurangan seterusnya mewujudkan masyarakat yang lebih sihat.

6.2 Implikasi Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian iaitu membangunkan makna ideasional dalam teks kesihatan dan penyakit dengan bantuan elemen-elemen Sistem Transitiviti iaitu jenis-jenis Proses, Peserta dan Sirkumstan. Analisis kajian ini juga telah memberikan dapatan kajian yang sangat berguna. Kajian ini memberikan pendedahan tentang peranan setiap elemen Sistem Transitiviti dalam menghasilkan sesuatu teks yang amat berkesan kepada pihak penulis untuk menghasilkan teks kesihatan dan penyakit bahasa Melayu yang berfokus dengan pilihan kata yang sesuai pada masa yang akan datang.

Sementara itu, bagi para pembaca pula pendedahan ini akan meningkatkan pemahaman mereka dalam memahami makna yang ingin disampaikan atau dibangunkan dalam suatu teks. Di samping itu, pengetahuan mengenai analisis Sistem Transitiviti dalam kajian ini akan membuka minda masyarakat terhadap strategi pembentukan struktur ayat. Dalam pada itu juga, kajian ini memberikan manfaat kepada para murid, pelajar, pesakit bagi memperoleh pengetahuan terhadap pembentukan struktur ayat yang lebih berkualiti dan efektif.

Hasil kajian ini juga amat berguna untuk teori Linguistik Sistemik Fungsional dan bahasa Melayu. Ini kerana, kajian ini merupakan kajian pertama yang menganalisis teks kesihatan dan penyakit dalam majalah bahasa Melayu berdasarkan Sistem Transtiviti. Aplikasi Transitiviti untuk bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu adalah berlainan sedikit. Sebagai contohnya, kadang-kadang Proses Material boleh dikenal pasti pada subjek ayat dalam ayat tetapi ia tidak dalam bahasa Inggeris. Maka, untuk menetapkan ketepatan analisis transitiviti dalam teks bahasa Melayu sebuah panduan telah digunakan untuk mengidentifikasi jenis-jenis proses yang telah ditunjukkan dalam bab 3. Panduan tersebut dapat meningkatkan kebolehpercayaan terhadap hasil kajian. Dengan itu kajian ini memberikan pendedahan yang agak baharu terhadap bahasa Melayu. Selain itu, hasil kajian ini memberikan antara contoh jenis-jenis Proses yang telah dikenal pasti dalam teks kesihatan dan penyakit serta petanda-petanda nahu untuk mengenal pasti elemen Sirkumstan untuk bahasa Melayu. Dapatkan ini akan membantu dan memudahkan para pembaca untuk mengenal pasti jenis-jenis Proses dan Sirkumstan dalam teks bahasa Melayu. Secara tidak langsung kajian ini menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang mengkaji bahasa Melayu berdasarkan Sistem Transitiviti.

6.3 Saranan Kajian Masa Depan

Skop kajian ini adalah menganalisis teks kesihatan dan penyakit berdasarkan Sistem Transitiviti. Dengan itu, kajian ini berfokus kepada penganalisan teks sahaja, manakala, elemen-elemen selain daripada teks, seperti gambar yang terkandung dalam teks tidak dianalisis. Oleh itu, dicadangkan agar pengkaji yang akan pada masa akan datang untuk mengkaji kajian berdasarkan aspek multi modaliti bagi menganalisis kesemua elemen-elemen yang terkandung dalam teks kesihatan dan penyakit. Kajian terkini menganalisis

makna ideasional yang terkandung dalam teks kesihatan dan penyakit. Dengan itu, pengkaji yang akan datang boleh berfokus terhadap metafungsi interpersonal dan metafungsi teksual dalam teks kesihatan dan penyakit.

Seterusnya, pada aspek batasan pemilihan data, kajian ini menganalisis teks kesihatan dan penyakit dalam tiga jenis majalah berbahasa Melayu iaitu „Wanita“, „Mingguan Wanita“ dan „Seni Dewi Keluarga“. Pengkaji akan datang boleh meluaskan lagi pemilihan data ke atas majalah bahasa Melayu yang berlainan seperti „Rapi“, „Dewan Siswa“ dan sebagainya. Selain itu, pengkaji yang akan datang juga dicadangkan mengaplikasikan Sistem Transitiviti pada genre yang berlainan selain daripada majalah seperti surat khabar, novel, sajak dan sebagainya untuk membuat perbandingan.

Di samping itu juga, dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk memilih majalah yang berlainan bahasa seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil untuk membuat perbandingan terhadap kehadiran elemen-elemen Sistem Transitiviti. Perbandingan bahasa akan menggambarkan antara penggunaan elemen-elemen Sistem Transitiviti dalam bahasa tersebut.

Selain itu, pengkaji pada masa akan datang juga disarankan untuk memberi fokus kepada tema yang berlainan seperti „kecantikan“, „pendidikan“, „pelancongan“ dan sebagainya yang mana tema-tema seperti ini juga kaya dengan elemen-elemen Sistem Transitiviti untuk melihat penggunaannya dalam membangunkan makna tertentu.

6.4 Penutup

Bab terakhir dalam kajian ini membincangkan rumusan keseluruhan yang diperoleh daripada dapatan kajian yang utama yang dijalankan ke atas sembilan teks kesihatan dan

penyakit. Selain itu, implikasi kajian juga turut dibincangkan dan disusuli dengan cadangan-cadangan yang boleh dijalankan bagi kajian masa hadapan. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membuka minda pengkaji-pengkaji yang akan datang dalam bidang analisis Linguistik Sistemik Fungsional terhadap bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Afrianto, & Dudih, A.Zuhud. (2014). *Mental and relational process of transitivity in Donne's and Blake's poem: A Systemic Functiona Linguistics Approach*. ISSN: 2278-4012, 3(2), 1-9.
- Afrianto, Indrayani, L. M., & Seomantri, Y. S. (2014). *Transitivity analysis on Shakespeare's Sonnets*. IOSR Journal of Humanities And Social Science(IOSR-JHSS), 19(1).
- Asmah Haji Omar. (2003). *Concepts of conflict, war, and peace in the Malay Language*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Bloor, T., & Bloor, M. (2004). *The functional analysis of English: A Hallidayan Approach* (2nd ed.). London: Arnold.
- Chen, L. (2005). *Transitivity in media text: Negative Verbal Process Sub-functions and Narrator Bias*. International Review of Applied linguistics, 43, 33-51.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Crystal. (2003). *English as a Global Language* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Daphne Rosaline, H. T. (2011). *Transitivity Choices in the Malaysians Prime Minister's 2009 National Day blog posting*.
- Dia Widyawati Amat. (2015). *A Systemic Functional Linguistic Investigation of*

Interpersonal Meanings in Malay Help-Seeking and Help-Providing texts. Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.

Dr.Abbas Ali Ahangar, Dr.Ali Asghar Sultani, & Alizamen Khoshkhoonejad. (2014). A Critical Study of News Discourse: Iran's Tenth Presidential Election Of 2009 (1388). In Keyhan And Etemad Newspapers.

Droga, L. & Humphrey, S. (2002). *Getting started with Functional Grammar*. Target Text.

Eggins, S. (1994). *An Introduction to Systemic Functional Linguistics*. London: Pinter Publishers.

Eggins, S. (2004). *The discourse of history: Distancing The Recoverable Past*. In M. Ghadessy (Ed.), Register Analysis: Theory And Practice (pp.75-109). London: Pinter Publishers.

Eva Tuckyta Sari Sujatna. (2012). *Sundanese Verbs in Mental Processes: A Systemic Functional Linguistics Approach*. International Journal of Linguistics, 4(4), 468-476.

Ferdiana, G. (2013). *Mood and Transitivity in the tourism brochure of Qantas Holidays Magazine: A Functional Grammar Study*. Universitas Padjadjaran Bandung.

Flick, Uwe. (2006). *An Introduction to Qualitative Research* (3rd ed.). London: Sage Publication

Gerot, L., & Wignel, P. (1995). *Making Sense of Functional Grammar* (2nd ed.). Sydney: GerdStabler.

Haji Razali Yahya. (2011). *Teman Pelajar Cemerlang, Sistem Bahasa*. Seri Kembangan: Cemerlang Publications Sdn. Bhd.

Halliday, M. A. K. (1983). *The Language of Literature: A Stylistic Introduction to The Study of Literature*. Oxford: Pergamon Press.

Halliday, M. A. K. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.

Halliday, M. A. K. (1976). *A Brief Sketch of Systemic Grammar*. Oxford University Press Inc., New York.

Halliday, M. A. K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar* (2nd ed.). London: Edward Arnold.

Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. (2004). *An Introduction to Functional Grammar* (3rd ed.). London: Edward Arnold.

Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. (2014). *An Introduction to Functional Grammar* (4th ed.). London: Edward Arnold.

Hannah, S. P. K. (2008) "The Systemic Functional Investigation Into Experiential and Textual Meanings in news reports". Unpublished master dissertation, University of Malaya Kuala Lumpur.

Hasan, & Rugaiya. (1985: 29-55). *The Analysis of A Poem in Linguistic Language and Verbal Art*, Victoria: Deakin Universiti.

Hopper, P. J., & Thompson, S. A. (1980). *Transitivity in Grammar and Discourse. Language*, 56(2), 251-299.

Hwang, J. Won Kyung. (2000). *Analisis Fungsional Sistemik Teks Undang-undang Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Ignatieva, N., & Rodriguez-Vergara, D. (2015). *Verbal Processes in Academic Language in Spanish: Exploring Discourse Genres within The Systemic Functional Framework*. Foreign Language Center, National Autonomous University Of Mexico, Mexico City, Mexico.

John, Geraldin Gnana Guna. (2004). *Patterns of Transitivity in The Genre of English Songs. A Systemic Functional Perspective*. Dissertation (M.Ling). Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.

Kadek Lilis Suryatini. (2013). *Analysis of English Transitivity Process with reference to "The Witch of Portobello" by Paulo Coelho*. Faculty Of Letters And Cultures, Udayana University.

Katan, D. M. (1999). *Contexting Culture : Culture-Bound Interpretation of Events in and between The Anglo (-) American And Italian Press*. In C.T. Torsello, L.Haarmon and L. Gavioli(ED.), Il Centauro Anglo- Amerino, Atti del XVII Convegno dell Italiana di Anglistica (PP.141.155). Bologna: Il mulino

Malmkjaer, K. (Ed.) (2002). *The Linguistics Encyclopaedia* (2nd ed.). London & New York: Routledge.

Marlia. (2008). *Makna Ideasional pada teks Kasus Soeharto oleh Pihak Pro dan Kontra*

- (Kajian melalui Sistem Transitivitas). *Kajian Linguistik dan Sastra*, 20(2), 131-140.
- Martin, J. R. (1992). *English text. System and Structure*. Amsterdam : John Benjamins.
- Martin, J. R., Matthiessen, C., & Painter, C. (1997). *Working with Functional Grammar*. Great Britain.
- Martin, & Rose. (2007). *Working with discourse: Meaning Beyond of Clause* (2nd ed.). Publisher - Bloomsburg Academic: Sydney.
- Nguyen, Hanh Thu. (2012). *Transitivity Analysis of "Heroic Mother" by Hoam Pam*. IJEL, Vol.2 No. 2, 2012.
- Ngurah Bagus. (2013). *Transitivity of English verb in Brave A Mother's Love Movie story book* Vol.4. July 2013, Jurnal Humans.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1986). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dawama Sdn. Bhd.
- Norzilawati Ishak. (2011). *A Transitivity Analysis of Anthropomorphic Animals in Animal Fantasy stories*. Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.
- Rambe, S. (2014). *Transitivity Analysis on two short stories in Nancy Chang Ing's 'The Chinese Pen'*. Department Of English Faculty Of Cultural Studies University Of Sumatera Utara Medan.
- Rafi' Mahmood Hussein Al Mahdawi, & Mithaq Khamees Khalar. (2004). *Transitivity of Discourse Functionally : Letter-To-The- Editor*. University of Anbar.
- Sakila. (2014). *A Transitivity Analysis of medical brochures with a Focus On Cervical and Breast Cancer*. Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.
- Sehrish Naz, Sofia Dildar Alvi, & Abdul Baseer. (2012). *Political Language of Benazir Bhutto : A Transitivity Analysis of her speech "Democratization in Pakistan"*. Government College University Faisalabad, Pakistan.
- Sim, H. P. K. (2008). *A Systemic Functional Investigation Into Experience and Textual Meanings in news reports*. University of Malaya.
- Sinar, T. S. (2002). *Phasal and Experiential Realisations in Lecture Discourse: A Systemic*

Functional Analysis. Unpublished Ph.D Dissertation. University Of Malaya.

Siow, Y. T. (2009). *A Systemic Functional Transitivity Analysis of The Abridged and Unabridged Version of the novel "The Peal"*. Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.

Sridevi Srinivas. (2014). *The construction of meanings in relation to language and religion: A study into the Mahabharata*. *International Journal of the Sociology of Language*. Volume 2014, Pages 131-158, ISSN (online) 1613-3668, ISSN (Print) 0165-2516, DOI : 10.1515/IJSL-2014-0021, July 2014 (SCOPUS-Cited Publication.)

Tan, L. L. (1993). *Describing Students Literature Essays Using Systemic Linguistics*. Unpublished Dissertation. National University Of Singapore.

Thompson, G. (2004). *Introducing Functional Grammar* (2nd ed.). Oxford University Press Inc., New York.

Umar Fauzan, & Iain Samarinda. (2015). *Transitivitas Teks Berita TVOne mengenai Kasus Luapan Lumpur Sidoarjo*. Pedagogik, 8(1), 17-33.

Wahyu Dwi S. (2010). *Ideational Meaning and Thematic Analysis on Children's Songs in Barney "Dancing and Singing" series*. Faculty Of Humanities Diponegoro University.

Wayan Rasna. (2015). *Transitivitas Pangiwa Teks Aji Blegodawa*. Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja.

Yuen Sze Wan. (2013). *A Systemic Functional Approach to analysis of tense in Sherlock Holmes's Stories and their translations*. Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya Kuala Lumpur.

Zheng, S., Yang, A., & Ge, G. (2014). *Functional Stylistic Analysis : Transitivity in English-Medium Medical research articles*, 4(2), 12-25, ISSN 1923-869X, E-ISSN 1923-8703, Published By Canadian Center of Science and Education.

Zijiao Song. (2003). *Transitivity Analysis of A Rose for Emily*. University of Science and Technology, Changchun, China.

Zolta'n D'ornyei. (2007). *Research Methods in Applied Linguistics*. Oxford University Press Inc., New York.

Magazine Advertising Revenue Year 2012 - Year 2015. Retrieved from

<http://www.mpamalaysia.org.>

University Of Malaya

LAMPIRAN A**TEKS ASLI DATA KAJIAN**

<u>Sumber Teks</u>	<u>Data</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
Wanita, Mac 2016 (M/S 102-103)	Teks 1	Cacar Air Ragut Nyawa Bayi Dalam Kandungan	150
Mingguan Wanita, Mac 2016 (M/S 78-79)	Teks 2	Serangan Senyap Radang Pelvis Bahaya Buat Wanita	151
Seri Dewi Keluarga, Mac 2016 (M/S 60-61)	Teks 3	Jangan Pandang Remeh Bells Palsy	152
Wanita, April 2016 (M/S 60-61)	Teks 4	Teratogen Picu Kelahiran Cacat	153
Mingguan Wanita, April 2016 (M/S 74-75)	Teks 5	Bahaya Hormon Tiroid Tidak Seimbang	154
Seri Dewi Keluarga, April 2016 (M/S 98-99)	Teks 6	Buasir Aduh! Rimasnya	155
Wanita, Mei 2016 (M/S 98-99)	Teks 7	Kawal Sindrom Polistik Ovari	156
Mingguan Wanita, Mei 2016 (M/S 60-61)	Teks 8	Migrain Sakit Kepala Dan Hormon	157
Seri Dewi Keluarga, Mei 2016 (M/S 62-63)	Teks 9	Sindrom Carpal Tunnel Dari Biasa Mungkin Berisiko	158

KEHAMILAN

OLEH NOOR HIDAYAH SHAFIEE

CACAR AIR RAGUT NYAWA BAYI DALAM KANDUNGAN?

TIDAK KIRA APA JUGA PENYAKIT YANG DATANG MENYERANG, WANITA HAMIL PERLU SENTIASA PEKA DENGAN KONDISI DIRI. LEBIH-LEBIH LAGI APABILA DIRI DISAHKAN MENGHIDAP CACAR AIR ATAU CHICKEN POX YANG BERPUNCA DARIPADA JANGKITAN VIRUS VARISELA-ZOSTER.

Bukan hanya mengakibatkan kesakitan dan ketidaksesuaian kepada si ibu, virus cacar air yang tersebar menerusi medium udara tercemar dengan bendaril badan pesakit seperti kahak dan air liur juga menimbulkan gangguan radang paru-paru (pneumonia).

Serangan virus tersebut turut mendedahkan bayi dalam kandungan kepada beberapa siri gangguan kesihatan yang agak kronik. Antaranya keguguran, kecacatan semasa lahir seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.

SENGGUHUPN BEGITU, KEMUNGKINAN BAYI TUKU BERDEPAN DENGAN RISIKO GANGGUAN KESIHATAN BERBAHAYA ITU BERGANTUNG KEPADA USIA KANDUNGAN SAAT IBU DIJANGKITI CACAR AIR.

TUJUH HARI SEBELUM ATAU SELEPAS MELAHIRKAN BAYI

Janin atau bayi berada dalam risiko tinggi dan nyawa si kecil boleh terancam. Keadaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.

Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik. Kebiasaannya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut. Selain itu, rawatan antiviral menggunakan acyclovir juga antara teknik perubatan yang akan dilaksanakan oleh doktor bagi menyelamatkan bayi.

1#

2#

3#

4#

SELEPAS MINGGU KE-36

Bayi berdepan dengan jangkitan cacar air, namun simptom-simptomnya mungkin tidak muncul kerana pelaciar daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.

MINGGU KE-20 DAN KE-36

Bayi anda berkemungkinan besar tidak akan terjejas dengan jangkitan penyakit ini. Pun begitu, bayi bersiso untuk mendapat penyakit kayap.

SEBELUM MINGGU KE-13

Risiko bayi berhadapan dengan komplikasi alih-alih cacar air amat rendah sehingga kurang daripada satu peratus.

SIMPTOM PENYAKIT CACAR AIR

- Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.
- Pesakit akan mula mengalami demam selepas lapan hingga 13 hari setelah dijangkiti virus (tempoh inkubasi).
- Rumah biasanya keluar pada hari keempat serangan virus.
- Rumah demam cacar air sangat unik kerana hadir dengan begitu banyak sehingga bersambung menjadikan satu tompok besar.
- Rumah biasanya bermula dari muka dan membekal ke arah badan dan akhirnya ke kaki.

PERUBATAN SECARA ALAMI

- Kelapa Muda - Air kelapa sememangnya bermanfaat. Anda boleh mengamalkan pengambilan air kelapa untuk menyembuhkan penyakit ini.
- Daun Jambu Batu - Ambil beberapa helai daun jambu batu, kemudian tumruk sehingga lumat. Campurkan bersama bedak sejuk dan sapu pada badan. Air daun jambu batu yang dimasak juga boleh dibuat air mandian.
- Daun Semambu - Mandi dengan air daun bambu setiap hari sehingga bintik-bintik demam campak hilang.
- Asingkan Tempat Tidur - Disebabkan penyakit ini mudah berjangkit melalui bendaril badan yang tersebar dalam udara, pesakit perlu memastikan persekitaran sentiasa bersih dan tidak menyebarluaskan penyakit ini.

MINGGUAN WANITA, MAC 2016

DALAM BENTUK AYAT

Kesihatan

Susun: Julie Roshana Akma bt Shafee



Serangan Senyap Radang Pelvis Bahaya Buat Wanita

Tahukah anda apa itu penyakit radang pelvis? Radang Pelvis atau *Pelvic Inflammatory Disease (PID)* adalah penyakit yang merujuk kepada jangkitan kuman pada rahim (uterus), tub fallopio (salurran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.

Banyak penyebab radang pelvis. Penyakit ini boleh dialami oleh wanita yang aktif melakukan hubungan kelamin sebelum umur mereka 20 tahun. Penyakit ini boleh juga dialami oleh wanita yang sebelum ini pernah menghidap penyakit jangkitan kelamin. Begitu juga jika wanita yang memiliki pasangan yang telah dijangkiti gonore atau klamidia. Seks rambang dan bertukar pasangan seksual juga adalah faktor utama menyumbang kepada berlakunya radang pelvis.

Wanita yang memakai alat di dalam rahim (IUD) sebagai cara merancang keluarga juga mempunyai risiko yang lebih tinggi dijangkiti radang pelvis. Ditambah pula jika dia atau pun suaminya mempunyai pasangan seks yang ramal jika dibandingkan dengan hubungan monogami (satu pasangan). Walau bagaimanapun, risiko ini dapat dikurangkan jika seseorang wanita itu duji terlebih dahulu dan jika perlu, dirawat bagi STD sebelum memakai IUD.

Radang pelvis mengakibatkan komplikasi serius terhadap organ peranakan yang kebiasaannya diakibatkan oleh

jangkitan penyakit kelamin, terutamanya klamidia dan gonore. Radang pelvis boleh mengakibatkan kerosakan kekal pada tub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilang telur (ovari).

Radang pelvis yang tidak dirawat akan menyebabkan komplikasi buruk terhadap organ peranakan seperti mandul, kehamilan ektopik iaitu kehamilan di luar rahim, dan rasa sakit yang teruk pada pelvis (tulang pinggul) akibat jangkitan teruk pada organ peranakan.

Semakin ramal wanita dikatakan mandul akibat serangan radang pelvis dan kadar

kandungan luar rahim juga turut meningkat. Ini mengakibatkan meningkatnya jumlah kematian akibat penyakit atau kesan penyakit radang pelvis pada wanita.

Gejala-gejala

Gejala-gejala radang mungkin berbeza dan bergantung kepada jenis bakteria dan tahap keserasian jangkitan tersebut. Gejala-gejala biasa adalah seperti berikut:

- Demam.
- Sakit atau rasa sakit apabila ditaruh teman-teman pada bahagian perut. Bawah perut, atau lemah dan bawah belakang.
- Keluarnya cecair dari vagina yang mempunyai warna, rekaan ataubau yang kuat tidak biasa.
- Gejala-gejala lain yang boleh berlaku pada antara seperti berikut:
- Pendarahan sejelas melahirkan hubungan seksual.
- Sakit apabila membuat air kecil serta kerap membuat air kecil.
- Kejeng pada perut yang telah menyakitan dari biasa dan lebih lama dari biasa.
- Rasa amat lelah.
- Loyo dan munah-munah.

Namun begitu, anda juga boleh menghidap radang pelvis tanpa sebarang gejala-gejala. Sebagai contohnya, klamidia boleh hadir tanpa sebarang gejala-gejala. Wanita yang mengalami kehamilan ektopik atau kurang subur kerap mengalami radang yang disebabkan oleh klamidia.

Pengesanan

PID adalah sukar untuk dikesan kerana gejala-gejalanya yang ringan dan tidak jelas, maka sering kali mengakibatkan wanita yang dijangkiti tidak mengendahkan gejala ringan tersebut. Oleh kerana tidak ada ujian yang tepat untuk radang pelvis, diagnosis biasanya dibuat berdasarkan penemuan klinikal.

Jika gejala-gejala seperti sakit perut di bahagian bawah abdomen terjadi, doktor anda perlu melakukan pemeriksaan fizikal untuk menentukan jenis dan lokasi kesakitan, memeriksa sekitarannya ada demam, lelahan faraj atau servika yang tidak normal, dan memeriksa sekitarannya terdapat bukti jangkitan gonore atau klamidia. Jika keputusan pemeriksaan mencadangkan terdapatnya radang pelvis, rawatan adalah diperlukan.

Anda juga mungkin diminta untuk menjalani ujian untuk mengenal pasti organismus yang menyebabkan jangkitan bagi membezakan radang pelvis dan masalah-masalah lain yang mempunyai gejala yang sama.

Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis. Ultrasound membolehkan pakar perubatan melihat bahagian dalam pelvis untuk memastikan sama ada tub fallopio membesar atau Bengkak atau sama ada lendiran atau nanah hadir.

Dalam kes-kes tertentu, laparoskopi mungkin perlu untuk mengesahkan diagnosis. Laparoskopi adalah satu prosedur pembledahan di mana tub fallopio dan kamera (laparoskop) dimasukkan ke dalam abdomen melalui hirisian/torehan kecil di perut. Prosedur ini membolehkan doktor melihat organ dalaman pelvis dan mengambil spesimen untuk kajian makmat, jika perlu. **AN**

Ini ialah produk suplemen



KAMI
MELINDUNGI
ANDA!



TIADA Bintik Hitam

TIADA Pigmentasi

TIADA Kulit Kusam

VITAHEALTH ASTA-GLUTATHIONE PLUS

- Dirumus khas untuk kulit yang terkena selaran matahari, menjadikan kulit sekata dengan penampilan sihat
- Meredakan aktiviti tirosinase dan mengurangkan bintik hitam di kawasan kulit yang terdedah kepada matahari
- Melindungi daripada zat oksidatif yang teraruh UV
- Berlindung balas dengan antioksidan lain di kebanyakan kompartmen selular
- Menampilkan kecantikan semula jadi anda tanpa solekan



• Reciprocated di semua fermasi utama
• Seluruh pertandingan, sila hubungi Swiss Bio Pharma Sdn. Bhd. (0444-V)
di 1800-18-3288

SERI DEWI KELUARGA, MAC 2016
DALAM BENTUK AYAT

: PENYAKIT



JANGAN PANDANG REMEH *Bell's Palsy*

Surian / Mewarif Fermin Koh / Suhai Ismail / Tropicana Kota dan Kompleks

Hampir seminggu Aina menghadapi masalah telinga berdengung dan kadang-kadang disertai batuk. Keadaan ini benar-benar merimaskan dan mengganggu rutin harian sama yang bekerja di pejabat dan sebagai suri rumah. Dan, situasi ini benar-benar merisaukan Aina apabila bahagian sebelah muka berasa kebas dan mulutnya herot sehingga menyukarkan untuk mengunyah dengan sempurna.

Mungkin ramai di kalangan kita yang pernah mengalami masalah seperti? Tidak kurang juga yang bimbang la adalah gejala awal strok, sememangnya ada rasa kebas dan tidak kurang juga mengalami masalah seperti di dalam Aina, mulut menjadi herot.

Masalah ini menurut Pakar Neurologi, Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr.Shailini Bhaskar, dalam bahasa perubatan dikenali Bell's Palsy, yakni satu keadaan yang menyebabkan otot-otot menjadi lemah atau lumpuh pada bahagian muka, ia adalah satu gangguan saraf yang biasa terjadi dan lazimnya hanya menjelaskan saraf di muka (*facial nerve*).

"Penyebab terjadinya Bell's Palsy masih tidak berapakah jelas. Dalam kebanyakan kes Bell's Palsy, saraf yang mengawal otot pada sebelah muka telah rosak disebabkan inflamasi pada saraf yang terletak di bahagian bawah telinga."

"Pengakitan semula jangkitan virus herpes adalah penyebab utama Bell's Palsy. Kajian menunjukkan bahawa pengakitan ini boleh terjadi disebabkan trauma, persekitaran, metabolismik dan emosi. Bell's Palsy tidak akan mengakibatkan strok atau transient ischemic attack (TIA), akan tetapi strok dan TIA boleh menyebabkan lemah otot di bahagian muka. Walau bagaimanapun, anda dinasihati untuk berjumpa dengan doktor jika terdapat simptom-simptom kelelahan pada otot muka supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius," jelanya.


Symptom-simptom Bell's Palsy

- Terata berat pada bahagian muka yang menyebabkan ia menjadi lemah atau lumpuh. Ini membuatkan sukar bagi anda untuk menutup mata pada sebahagian muka yang terlibat. Ini adalah simptom yang paling utama.
- Air liur meleleh.
- Hilang deria rasa.
- Sakit di dalam atau di belakang telinga.
- Rasa kebas di bahagian wajah.
- Sensitif terhadap bunyi
- Masalah mata, seperti air mata berlebihan atau kering.

Mereka yang berisiko

Bell's Palsy menjelaskan kira-kira satu dalam 5,000 orang setahun, baik kepada

golongan wanita mahu pun lelaki. Biasanya ia dialah pada orang yang berumur 15-60 tahun. Walaupun ia boleh berlaku pada kedua-dua jantina, namun Bell's Palsy boleh berlaku 3 kali atau lebih kerap di kalangan wanita hamil, juga 4 kali lebih kerap berlaku di kalangan wanita hamil daripada wanita yang tidak hamil. Ia juga adalah 4 kali lebih kerap berlaku di kalangan pesakit kencing manis daripada penduduk umum, selain faktor keturunan juga telah dijumpai dalam 4-14% kes.



Antara gejala Bell's Palsy adalah rasa kebas di telinga atau hidung dan wajah. Walaupun sebenarnya ia juga berhubungan dengan penyakit lain.

Kesan Bell's Palsy

Bell's Palsy tidak akan memberikan mana-mana bahagian badan yang lain untuk menjadi lemah, lemah atau kebas. Jika mana-mana kawasan lain yang terjejas, Bell's Palsy bukannya puncanya, dan pemerkasaan lanjut perlu dilakukan.

Tiga dalam 10 orang dengan Bell's Palsy akan terus mengalami kelelahan otot pada muka mereka dan 2 daripada 10 orang akan ditinggalkan dengan masalah jangka panjang yang lebih serius.

Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy pulih tanpa kecacatan ketara dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan. Jika masih belum pulih dari 2-4 bulan atau lebih, kemungkinan lumpuh pada muka akan tetap dan synkinesis yang lebih tinggi.

Faktor-faktor risiko yang dikaitkan dengan pemulihannya dalam pesakit Bell's Palsy ialah:

- Umur lebih daripada 60 tahun.
- Lumpuh muka sepenuhnya.
- Kehilangan deria rasa atau air liur meleleh di muka.

Rawatan

- Kortikosteroid - mengurangkan keradangan dan harus dimulakan dalam masa 3 hari dari bermulanya simptom.
- Ubat antiviral boleh digunakan jika virus telah menyebabkan Bell's Palsy.
- Ubat fiksian mata dan patch mata (untuk mata kering).
- Senaman fisioterapi untuk merangsang otot muka, ia biasanya untuk sebilangan kecil kes di mana kelelahan muka tidak pulih sepenuhnya. Rawatan fisioterapi ini dikenali sebagai 'latihan semula muka' sama ada dengan mengamalkan mengunyah gula-gula getah secara berterusan bagi menggerakkan otot-otot wajah.

Penyakit lain yang berkaitan atau bersamaan dengan Bell's Palsy

Penyakit lain yang berkaitan atau bersamaan dengan Bell's Palsy ialah :

- Jangkitan seperti penyakit Lyme, sifilis, Epstein-Barr virus, cytomegalovirus, HIV dan mycoplasma.
- Kencing manis
- Tekanan darah tinggi
- Meningitis
- Strok
- Trauma kepada kepala

Apakah ia boleh berulang?

Bell's Palsy mungkin berulang lagi dalam kadar sehingga 14% terutamanya jika terdapat sejarah penyakit ini dalam keluarga. Lebih kurang 1 dalam 10 orang yang pernah mengalami Bell's Palsy mungkin berulang mengalaminya.

Puncanya masih belum diketahui, jadi pencegahannya juga belum ditemui dan tidak mungkin (dicegah). Walau bagaimanapun, sejak Bell's Palsy berkaitan dengan Herpes, oleh itu sangat disyorkan bahawa diet pesakit menjadil tinggi dalam L-Lysine dan rendah L-arginine. Ia adalah langkah yang bijak untuk membeli makanan tambahan lisin sebenar dan mengambil kira-kira 1.5 gram setiap hari sehingga virus menjadi tidak aktif.

Mengambil suplemen vitamin B dan asid folik adalah sangat disyorkan untuk membantu dalam penyembuhan saraf yang telah rosak. Individu yang terdedah kepada bahan kimia toksik daripada gam, cat, pencair cat, polyurethane, dan lakur lebih terdedah kepada Bell's Palsy. Pakar mengesyorkan penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia.

KEHAMILAN



SUSUNAH NOOR HIDAYAH SHAFIEE
ARTIKEL SUMBANGAN: DR. ANIS FARHAN KAMRUDDIN
(Pakar Pergiongan Ortodontik Institut Perubatan & Pergiongan
Termaui Universiti Sains Malaysia)

TERATOGEN PICU KELAHIRAN CACAT

TENTUNYA SEMUA IBU HAMIL MAHKUMAN ANAK YANG DIKANDUNG LAHIR DALAM KEADAAN YANG SIHAT SEMPURNA. LANTARAN ITU, IBU HAMIL SERING KALI BERHATI-HATI DALAM SOAL PENGAMBILAN KHASIAT MAKANAN DAN MENGHINDARI SEBABANG UBAT-UBATAN YANG BOLEH MEMUDARAKATKAN BAYI DI DALAM KANDUNGAN.

Selain menekekkan perkara ini, wanita hamil juga perlu mengambil tahap risiko yang wujud sepanjang usia kehamilan. Lebih-lebih lagi, jika usia kandungan mereka berada pada zon waktu kritisikal iaitu tiga bulan yang pertama. Ketika ini tulang rangka serta organ-organ janin terutamanya di bahagian kraniosfasis (tulang tengkorak serta muka) akan mulai terbentuk.



Malah sekiranya seorang ibu hamil itu terdedah kepada persekitaran yang berbahaya seperti kesan dari pada bahan kimia, ubat-ubatan serta faktor persekitaran lain yang dikenali sebagai teratogen, janin mungkin bakal mengalami keabnormalan kraniosfasis.

Bagaimana Teratogen memudarakan bayi anda? Bahan ini merentasi halangan plasenta (*placental barrier*) ibu dan masuk ke dalam salur darah janin. Dalam dos yang rendah teratogen menyebabkan kecacatan tetapi mampu mengakibatkan kematian janin sekiranya hadir dalam dos yang tinggi.

KUMPULAN AGEN TERATOGENIK

Sungguhpun begitu, kesan setiap teratogen ke atas janin adalah berbeza menyebabkan abnormaliti yang berlainan bergantung kepada jenis teratogen, dos, tempoh pengambilan atau waktu seorang ibu terdedah kepadaannya. Berikut disenaraikan jenis agen teratogenik.

EJEN PEMBAWA JANGKITAN

Kesan terhadap janin berlaku disebabkan oleh kesan sitotoksik langsung yang menyebabkan kegagalan bekalan darah kepada sel-sel janin. Dalam kehadiran jarakitan, badan akan mengalami proses pembakaran (*respiratory distress syndrome*) yang menyebabkan parut yang boleh memburukkan lagi proses pertumbuhan janin. Kecacatan utama yang biasa dilifat pada bayi apabila dilahirkan ialah saiz kepala bayi yang kecil disebabkan oleh kerentenan pertumbuhan otak (*microcephaly*), terdapatnya cecat di dalam kepala bayi (*hydrocephaly*) dan mikroftalmia iaitu saiz mata yang kecil.

AGEN FIZIKAL

Radiasi daripada sinaran X ke atas ibu hamil menyebabkan kecederaan terhadap kromosom serta kematian sel bayi. Radiasi ini menghasilkan mikrocefali serta kerentenan akal janin. Pendedahan terhadap sinaran X di hujung kehamilan pula berisiko menyumbang kanser darah dan leukemia pada bayi.

Manakala asap rokok, alkohol dan dadah seperti

marijuana dan heroin boleh mengakibatkan kecacatan seperti sumbing bibir dan telangit, kerentenan akal serta sindrom alkohol-fetus.


UBAT-UBATAN TERATOGENIK

Ubat Thalidomide merupakan ubat terawal yang diketahui mempunyai kesan teratogenik apabila diberi kepada ibu hamil. Ia diketahui boleh menyebabkan sindrom phocomelia. Obat ini telah disyurarkan sebagai 'tidak selamat' untuk digunakan terhadap ibu mengandung selepas didapati ramai bayi yang dilahirkan mengalami kecacatan anggota yang dikenali sebagai *phocomelia*.

Antaranya, ubat-ubatan yang berada dalam kelompok ini ialah ubat antikanser aminopterin yang boleh menyebabkan anencephali (kerentenan sebahagian besar bahagian otak dan tulang kepala), ubat antiplatelet jenis aspirin dan ubat antiepilepsi jenis Dilantik yang boleh menyebabkan sumbing bibir dan telangit serta asid retinoik Accutane (sejenis ubat jerawat) yang boleh mengakibatkan sindrom Treacher-Collin.

MIGGUAN WANITA, APRIL 2016
DALAM BENTUK AYAT

Kesihatan
Susunari: Julie Roshani



Bahaya Hormon Tiroid Tidak Seimbang

Hormon tiroid boleh memberi kesan terhadap kebanyakan fungsi tubuh daripada jantung, paru-paru malah emosi. Berikut adalah beberapa tanda amaran masalah tiroid.

1 Lethi Dan Lesu.
Walaupun rasa lethi dan lesu tidak bermula setiap masa boleh dikaitkan dengan banyak masalah kesihatan, ia sebenarnya berkait dengan masalah tiroid. Hakikatnya, ini adalah simptom pertama masalah tiroid terutamanya apabila anda masih lethi selepas mendapati tidak dengan cukupnya pada malam sebelumnya.

2 Masalah Kulit, Rambut Dan Kuku.
Perubahan pada tekstur dan rupa kulit, rambut dan kuku biasanya dikaitkan dengan hipotiroidism. Kulit kering dan menggeripik, kuku rapuh dan rambut gugur boleh juga menandakan kelenjar tiroid kurang aktif.

3 Mood Berubah-Ubah.
Rasa sedih yang luar biasa dan kemurungan boleh juga menjadi simptom masalah tiroid. Ini kerana terhadanya penghasilan hormon boleh memberi kesan pada tahap serotonin pada otak.

4 Mudah Lupa.
Fungsi kognitif boleh jadi tidak tentu semasa masalah tiroid berlaku kerana hipertiroidism boleh menyebabkan kesukaran merenungi tumpuan. Manakala hipotiroidism boleh menyebabkan otak menjadi keliru dan mudah lupa.

5 Otot Sakit.
Rasa berdenyut-deniyut, kejeng atau sakit pada otot boleh juga menjadi

6 Pergerakan Usus Yang Tidak Dijangka.
Gangguan dalam penghasilan hormon boleh menyebabkan masalah pencernaan. Ini seterusnya boleh membawa kepada sembelit. Sebaliknya pula, penghasilan hormon berlebihan boleh menyebabkan cincin-bintik dan pergerakan usus lebih kerap.

7 Masalah Seksual Dan Reproduktif (Pembiaikan).
Kurang atau tidak ada nafsu untuk melakukan hubungan seksual adalah petanda masalah kesihatan yang besar. Masalah-masalah seperti nafsu rendah, masalah hidai atau masalah untuk hamil boleh menjadi tanda-tanda masalah tiroid.

Gejala

Apakah tiroid? Tiroid adalah kelenjar berbentuk seperti rama-rama yang terletak di hadapan leher. Ia menghasilkan hormon yang mengawal kelajuan metabolism - sistem yang membantu tubuh menggunakan tenaga.

Penyakit tiroid boleh memperlahankan atau mempercepatkan metabolism dengan mengganggu penghasilan hormon tiroid. Apabila tahap hormon menjadi terlalu rendah atau terlalu tinggi, anda mungkin mengalami pelbagai gejala-gejala berbeza.

Slapan Perlu Jalani Ujian

Semua orang perlu mengalami pemeriksaan berkaitan difungsi tiroid setiap lima tahun, bermula pada usia 35 tahun. Mereka yang memiliki gejala-gejala atau faktor-faktor risiko amat merentakkan diri dengan lebh kerap.

Hipoatiroidism lebih kerap menyaring wanita mewarisi umur 60 tahun. Hipertiroidism juga lebih kerap berlaku pada wanita dan individu berumur lebih 60 tahun. Sejurus keluar meningkatkan risiko untuk mendapati salah satu penyakit ini.

Komplikasi Penyakit

Apabila tidak mendapat rawatan, hipotiroidism boleh menaikkan tahap kolesterol dan membuatkan anda lebih mudah mendapati stok atau serangan jantung. Datam kes yang teruk, hormon tiroid yang amat rendah boleh mencetus masalah hilang kesedaran dan penurunan suhu badan yang mengancam nyawa. Hipertiroidism yang tidak mendapat rawatan boleh menyebabkan masalah jantung yang serius dan tulang reput.

Merawat Hipotiroidism

Jika anda didiagnos menghidap hipotiroidism, doktor blasanya akan memberi hormon tiroid dalam bentuk pil. Perkara ini solehnya membawa perubahan yang boleh nampak dalam masa beberapa minggu.

Rawatan jangka panjang boleh mengakibatkan kelebihan tenaga, tahap kolesterol rendah dan kehilangan berat badan berursus ansur. Kebanyakannya mereka yang menghidap hipotiroidism akan memerlukan hormon tiroid untuk sepanjang hidup mereka.

Merawat Hipertiroidism

Kebanyakan rawatan untuk hipertiroidism adalah ubat antitiroid yang berindikasi untuk merendahkan jumlah hormon yang dihasilkan oleh tiroid. Keadaan ini mungkin akan hilang tetapi ramai orang perlu tetap mengambil ubat dalam jangka masa yang panjang.

Ubat-ubatan lain juga boleh diberi untuk mengurangkan gejala-gejala seperti nadi yang laju dan rasa berdebar-debar. Pilihan lain adalah iodin radikalik yang akan memusnahkan kelenjar tiroid melalui rawatan selama 6 hingga 18 minggu.

Sebatik sahaja kelenjar itu telah dimusnahkan, atau dibuang melalui pembedahan, kebanyakannya pesakit perlu memulakan pengambilan hormon tiroid dalam bentuk pil. AW

Mingguan Wanita
Peraduan Jom Menang Tefal
Mingguan Wanita
#jommenangtefalmw

Sepanjang April 2016 KUMPULKAN KERATAN muka depan majalah Mingguan Wanita bermula dari Bilangan 1689-1693

Peraduan Jom Menang Tefal Mingguan Wanita menawarkan lima produk Tefal untuk dimenangi. Setimai 5 orang pemenang bertemu berpeluang membawa pulang barang dapur.

Syarat Peraduan
Terbuka kepada semua pembaca setia majalah Mingguan Wanita. Kumpulkan kesemua 5 keratan muka hadapan majalah Mingguan Wanita edisi April 2016 yang terdapat di muka surat 6 (bahagian isi kandungan) dan tumpaskan dalam borang yang akan disertakan pada bilangan 1693 nanti.
Borang penuhan mestilah dia dan salinan tidak diterima.
Peraduan bermula pada 1 April sehingga 29 April 2016.
Tarikh tutup peraduan pada dua minggu selepas borang akhir dikelarkan.
Sebarang surat menyurat yang diterima selepas peraduan tidak diambil kira sebagai pemenang.
http://www.tefal.com
https://www.facebook.com/mylef
Hashtag: #mytef



Tefal 60 years of ideas changing your life

Sejak mencipta kuai leper tahun lehat pertama pada 1954, Tefal turus berkembang menjadi sebuah jenama yang disenangi. Tefal kini merupakan pengeluar No.1 dunia bagi perlatan memasak tahun lehat setianya dan juga dalam penghasilan perlak teknologi, perlak teknologi dan teknologi pemprosesan dan minuman, sferik dan penimbang buat. Hari ini, Tefal telah bertapak di lebih 150 negara dan kakak komited menghasilkan produk-produk pintar menjadikan rutin memasak lebih mudah.

Produk yang dipamer sekadar berasar. Pemenang akan menerima produk barang dapur seumpamanya.

74 April 2016

170

SERI DEWI KELUARGA, APRIL 2016

DALAM BENTUK AYAT

Buasir Aduh! Rimasnya

Foto: i23f.com

Berdari salah, duduk pun salah. Semuanya tak kena. Ada rasa bengkak atau ketulan di bahagian dubur. Adakala terasa sakit, perit, gatal dan paling mencemaskan empunya diri apabila berlaku pendarahan. Mungkin, anda pernah mengalami situasi merimaskan ini, bukan?

Buasir atau dalam bahasa perubatan dikenali hemoroid, hampir semua pernah mengalaminya. Menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr. Ng Sze How, buasir adalah pembengkakan yang terjadi di dalam dubur dan rektum.

"Pakar menjangkoken 1 daripada 3 orang dewasa akan mengalami masalah buasir dalam hidupnya hayat manusia. Keadaan ini biasanya terjadi apabila Ibu membengkak dan solur darah akan kehilangan kejalan. Apabila ini berlaku, ia sering dikaitkan dengan pendarahan."

"Biasanya, walaupun dengan aktiviti-aktiviti fizikal ringan seperti duduk atau berdiri untuk jangka masa berpanjangan, batuk, mengangkat objek ringan dan meneran usus, boleh menyebabkan ketidaksesuaian yang amat, sakit sangat dan pendarahan berlebihan," jelasnya.

Jenis-jenis buasir

Buasir dalaman

Lazimnya ia tidak terasa sakit dari gatal kerana terletak jauh ke dalam rektum. Ia juga tidak merbahaya, tetapi meneran dan gangguan pada laluan najis semasa membuang air besar boleh mencederakan permukaan buasir yang getas dan menyebabkannya berdarah. Jika keadaan ini berlaku, anda perlu mendapat bantuan perubatan/pemeriksaan kerana walaupun ia salah satu simptom buasir, tetapi darah

Rawatan

Kenoi pasti terlebih dahulu penyebab utama buasir. Sekiranya masih berlarut, dapatkan nasihat pakar. Anda juga boleh membuat rawatan sendiri misalnya dengan mengambil julap unruk melembutkan najis dan kelancaran membuang air besar. Penggunaan ubat kim buasir dan supositor untuk menghilangkan gangguan dan kesakitan tetapi ia tidak boleh menggeciutan buasir. Terdapat juga rawatan menggunakan sinar inframerah bagi menghentikan bekalan darah ke buasir. Kaedah pembedahan biasanya dilakukan sebagai langkah terakhir apabila keadaan buasir menjadi semakin teruk dan rawatan-rawatan konservatif tidak dapat membantu menyembuhkannya.

Perubatan stapler

Kaedah rawatan Procedure for Prolapse and Haemorrhoid (PPH) adalah teknik yang dibangunkan pada awal tahun 90-an bagi mengurangkan prolaps tisu hemoroid dengan memotong membran mukosa prolaps dubur menggunakan peralatan perubatan stapler berbentuk bulatan.

Dalam PPH, tisu prolaps ditarik ke dalam peralatan perubatan yang membolehkan tisu yang berlebihan dikeluarkan manakala basi tisu hemoroid "distapler". Garis stapler dilekatkan di atas di mana saraf yang rasa sakit dijumpai. Cara ini mengembalikan tisu hemoroid kembali ke kedudukan asal anatomininya. Proses mengakot ini akan mencelci salur darah yang menyebabkan buasir. Oleh kerana itu, buasir terus mengecut selama beberapa minit selepas prosedur selesai.

Kebaikan PPH berbanding prosedur pembedahan lain

- 1 Pesakit akan mengalami kesakitan yang kurang berbanding teknik konvensional.
- 2 Pesakit akan mengalami pemuliharaan yang lebih cepat untuk aktiviti biasa berbanding mereka yang dirawat menggunakan teknik konvensional.
- 3 Tempoh pemantauan hospital juga lebih cepat berbanding pesakit yang dirawat dengan teknik konvensional.

Ramai pesakit boleh menjalani prosedur inovatif ini. Prosedur ini biasanya dilakukan sebagai rawatan pesakit luar, dengan kelidakelesaan yang minimum dan pemuliharaan yang cepat.

Gaya hidup

- Amalkan meminum air sekurang-kurangnya 1.5 – 2 liter sehari.
- Makan makanan seimbang. Banyakkan memakan makanan tinggi serat, bijiran, buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan makaran yang boleh menyebabkan gangguan atau merangsang usus seperti makanan pedas, berempah, kafein (kopi dan teh).
- Gunakan tandas pada masa yang ditetapkan seperti selepas bangun tidur setelah meminum segelas besar air.
- Segera berjumput doktor apabila terdapat gejala-gejala seperti sakit atau gangguan pada dubur dan darah dalam najis.

tersebut juga boleh jadi datang daripada sumber lain seperti ketumbuhan atau kanser kolorektum.

Buasir luaran

Lazimnya ia mengakibatkan gejala-gejala seperti sakit, pedih dan gatal pada bahagian dubur. Jika buasir ini terserpi (bekalan darah akan terputus), bekuan darah akan terjadi di dalamnya menyebabkan ia terasa amat sakit. Ia juga memerlukan pemeriksaan perubatan kerana kemungkinan untuk buasir berulang tidak mustahil walaupun dengan tekanan atau bebanan yang lebih ringan berbanding dengan keadaan (buasir) sebelumnya.

Penyebab utama buasir:

- Seniasa duduk (yang lama)
- Meneran (ketika najis keras atau sembelit)
- Duduk mencangkulang di dalam tandas terlalu lama
- Batuk yang teruk
- Cirt-birt
- Mengangkat bebanan/barang berat
- Bersolini
- Pengamalan seks melalui dubur (heteroseksual dan homoseksual)

The diagram illustrates the anatomical structures involved in hemorrhoids. It shows the rectum at the top, leading down to the anus. Two sets of sphincters are labeled: the internal anal sphincter and the external anal sphincter. Blue dots representing hemorrhoid tissue are shown protruding from both the internal and external sphincters, with labels indicating 'Internal hemorrhoid tissue' and 'External hemorrhoid tissue'.

Pencegahan

Anda boleh mencegah masalah buasir berlaku dengan amalan berikut:

- Elakkan duduk terlalu lama. Buat senaman ringan seperti berjalan-jalan atau menggerakkan anggota badan (semasa duduk) bagi mengelak tekanan langsung dari rektum.
- Jangan tahan najis apabila berlaku ketegangan atau ketika mengangkat sesuatu. Hembuskan najis keluar.
- Dapatkan rawatan awal sekiranya batuk, cirt-birt dan sembelit bagi mengelak berlaku buasir.
- Elak habiat membaca atau berehat-rehat lama di dalam tandas. Jika pergerakan usus mengambil masa lebih dari 3 ke 5 minit, perlu ada sesuatu yang tidak kena. Pastikan najis seniasa lembut (pengambilan makanan mudah hadam dan berserat adalah penting).

PENYAKIT

APRIL 2016 Keluarga 61

171

WANITA, MEI 2016
DALAM BENTUK AYAT



KESIHATAN

BERSAMA
DR NOR ASHIKIN
AHMAD MOHTAR
MD (UKM), MASTERS O&G
FRCOG (UK)
Penyelaras Klinik Primanora
Pusat Perubatan Primanora
www.primanora.com

PENYELARAS
NOOR HIDAYAH SHAFIEE

KAWAL SINDROM POLISISTIK OVARI

KELUARAN TERDAHULU, KITA TELAH MEMBINCANGKAN PUNCA DAN KESAN SINDROM OVARI POLISISTIK (PCOS) KE ATAS TUBUH. BUKAN ITU SAHAJA, PEMBACA JUGA TURUT DIMAKLUMKAN DENGAN BAGAIMANA KETUMBUHAN DI DALAM OVARI INI BOLEH MENYEBABKAN PERMASALAHAN KESIHATAN SEPERTI KEMANDULAN, PERTUMBUHAN RAMBUT YANG BERLEBIHAN, MASALAH KEHILANGAN BERAT BADAN DAN RINTANGAN INSULIN.

Walaupun secara hakikatnya, PCOS tidak berbahaya, namun ia mampu mengganggu hormon dan pengeluaran telur di ovarи. Pun begitu, wanita yang mengalami PCOS tetap berpeluang menikmati kualiti hidup yang baik sekiranya mereka bijak menguruskan PCOS secara berkesan.

Jadi apa yang perlu dilakukan? Pertama adalah dengan menjalani gaya hidup sihat. Dalam masa yang sama pengambilan ubat-ubatan oral juga boleh membantu. Tetapi sebelum itu, seorang pesakit PCOS perlu bersikap terbuka. Lebih-lebih lagi sekiranya mereka merancang untuk meninjau cahaya mata.

Hal ini kerana terdapat sebahagian kecil ubat-ubatan yang digunakan bagi merawat simptom PCOS boleh menghalang proses kehamilan, jejasan janin dalam kandungan dan sebagainya.

RAWATAN PERUBATAN

Terus mengupas lanjut tentang terapi perubatan ini, pakar biasanya akan merujuk kepada beberapa situasi tertentu. Antaranya seperti berikut:

HAID TIDAK TERURUT: Haid yang tidak teratur dan pendarahan yang banyak disebabkan oleh PCOS berisiko memacu kanser endometrium dan berlakunya kekurangan zat besi. Bagi situasi ini, doktor mungkin mencadangkan pil perancang keluarga, pelekat tampaikan kulit atau cincin faraj yang mengandungi gabungan estrogen dan progestin untuk mendapatkan kitaran haid yang teratur.

Apabila seseorang diberi ubat jenis ini, mereka tidak berupaya untuk hamil. Dan sekiranya berhasrat untuk hamil, mereka digalakkan untuk mengambil hormon gantian progesteron (bioidentical hormon). Kaedah ini menawarkan perlindungan terhadap kanser endometrium dan mengawal kitaran haid tanpa menjejaskan peluang untuk hamil.

BAGI TUJUAN KEHAMILAN: Memandangkan PCOS mengganggu proses penghasilan telur, pakar kesuburan akan mengesyorkan clomiphene iaitu ubat anti-estrogen untuk meningkatkan pengeluaran telur dan meningkatkan peluang persenyawaan.

Jika clomiphene tidak berkesan, hormon perangsang folikel (FSH) dan hormon luteinizing (LH) iaitu ubat-ubatan yang diberikan melalui suntikan untuk membantu proses ovulasi boleh dipertimbangkan.

MENGURANGKAN BULU BADAN: Pengambilan ubat-ubatan bagi mengawal pengeluaran androgen akan disyorkan, tetapi penghidiapnya perlu memberitahu doktor sekiranya mereka merancang untuk hamil atau sedang hamil kerana ubat-ubatan tersebut boleh menyebabkan kecacatan pada janin.

MENGAWAL RINTANGAN INSULIN DAN DIABETES: Pada kebiasaan, ubat-ubatan seperti meformin boleh membantu mengurangkan rintangan insulin untuk melambatkan tahap diabetes. Ubat ini juga membantu mengurangkan risiko kardiovaskular, menurunkan berat badan, ovulasi selain membantu mendapatkan kitaran haid yang teratur dan meningkatkan kesuburan.

RAWATAN BUKAN PERUBATAN

Selain perubatan ubat-ubatan, gabungan terapi alternatif holistik turut membantu. Bukan sahaja pesakit PCOS tetapi semua individu perlu peka, berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi.

Memetik daptan kajian terdahulu, dengan menurunkan berat badan sekitar 5 peratus boleh membuatkan tubuh badan sesoring berasa lebih sihat dan selesa. Lataran itu, bagi menggapai misi ini, pesakit PCOS disarankan untuk mengurangkan pengambilan jumlah kalori terlebih dahulu.

Gunakan pinggan yang kecil semasa makan untuk memberi ilusi saiz hidangan yang banyak dalam masa sama berupaya menghadkan pengambilan kalori berlebihan.

Pilih karbohidrat kompleks seperti roti gandum dan bijiran, pasta gandum, bulgur gandum, barli, beras perang dan kelacang kerana kandungan seratnya tinggi.

Elakkan pengambilan karbohidrat ringkas seperti jus buah-buahan, kek, gula-gula, ais krim, pai, biskut dan donat. Pendek kata, bertukarlah kepada diet yang rendah kandungan glycemic.

Beberapa kajian menunjukkan dengan mengelakkan produk temus dan produk yang diproses seperti daging, makanan segera, makanan ringan boleh membantu wanita yang menghidapi PCOS.

Jika kesemua langkah pengurusan PCOS ini dilaksanakan secara konsisten, anda mampu mengurangkan risiko kemandulan, keguguran, kencing manis, kanser rahim dan penyakit jantung pada masa hadapan.

Wanita Mei 2016 99

MINGGUAN WANITA, MEI 2016 DALAM BENTUK AYAT

Kesihatan



Susunari: Julie Roshana Akma bt Shafee

Sakit kepala migrain boleh menyebabkan sakit berdenyut-deniyut pada satu bahagian kepala. Ia biasanya disertai dengan loya, muntah dan rasa sensitif pada cahaya dan bunyi. Serangan migrain boleh menyebabkan sakit ketara selama berjam-jam atau berhari-hari. Ia boleh menjadi teruk dan apa yang anda fikirkan adalah mencari tempat yang sunyi dan gelap untuk berbaring dan berhati-hati.

Sesetengah migrain boleh disertai dengan gejala-gejala amaran deria (aura). Migrain dengan aura adalah migrain yang disertai dengan pelbagai tanda-tanda amaran deria atau gejala-gejala, seperti kilasan cahaya, titik buta atau rasa berdenyut-deniyut pada tangan atau muka.

Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura. Malah ubat-ubatan dan kaedah penjagaan sendiri yang membantu untuk mencegah migrain juga boleh digunakan untuk mencegah migrain dengan aura.

Kaitan Migrain, Haid

Jika anda seorang wanita yang mengalami migrain, anda mungkin sedar bahawa ia biasanya menyering beberap hari sebelum anda datang haid. Sakit kepala ini dikenali sebagai migrain haid.

Sakit kepala yang berlaku pada wanita, terutamanya migrain biasanya terikat dengan tahap hormon estrogen wanita semasa kitaran haid. Tahap estrogen ini menurun sebelum permulaan kitaran haid.

Migrain prahaid biasanya berlaku semasa atau selepas apabila hormon wanita estrogen dan progesterone menurun pada tahap terendah. Migrain ini akan hilang semasa hamil, terutamanya jika terikat dengan haid. Atau anda mengalami migrain semasa trimester pertama. Ia hanya akan hilang selepas kehamilan berusia tiga bulan.

Pencetus Migrain Berhormon Pada Wanita?

Pil pencegah kehamilan mahupun terapi penggantian hormon semasa menopaus boleh mencetus terhadap sesetengah wanita. Seawal 1966, penyelias mendapati migrain boleh menjadi teruk terhadap wanita yang mengambil pil pencegah kehamilan, terutamanya mereka yang memiliki dos tinggi estrogen. Pil dengan dos rendah estrogen dan yang memiliki progesterone menyebabkan kurang kesan sampingan.

Bagaimana Merawat Migrain Akibat Haid
Ubatan anti keradangan bukan

steroid (NSAID) adalah ubatan pilihan untuk menghentikan migrain akibat haid. Ubatan anti keradangan bukan steroid yang kerap digunakan untuk merawat migrain akibat haid termasuklah ibuprofen, ketoprofer, fenoprofen calcium, naproxen, dan nabumetone.

Doktor anda mungkin akan memberitahu anda untuk memulakan rawatan 1 atau 2 hari sebelum haid anda bermula untuk mengambilnya sehingga haid berakhir.

Ubatan lain yang di preskripsi oleh doktor termasuklah dos kecil ergotamine, ubat penghalang beta seperti propranolol, antikonvulsan seperti divalproex sodium, penghalang saturan antikonvulsan, dan penghalang saluran kalium seperti verapamil.

Doktor akan memberitahu anda untuk memulakan pengambilan ubatan ini beberapa hari sebelum haid, dan perlu mengambilnya sehingga haid berakhir.

Doktor juga akan mencadangkan diuretik semasa haid. Doktor juga akan memberitahu anda untuk menghentikan pengambilan garam dalam pemakanan sebelum haid bermula.

Jika anda tidak sembah, doktor akan mengesyorkan ubat yang akan memberi kesan pada tahap hormon.

Migrain Dan Pil Pencegah Kehamilan

Disebabkan kemungkinan besar untuk mengalami strok, jika anda mendapat migrain dengan aura, anda sepatutnya tidak mengambil pil pencegah kehamilan. Walaupun jika anda tidak mengalami aura, doktor mungkin tidak akan memberi preskripsi pil pencegah

kehamilan jika anda berusia 35 tahun ke atas dan merokok, memiliki tekanan darah tinggi atau kolesterol, obes atau memiliki diabetes.

Apa itu migrain dengan aura? Sakit kepala migrain boleh menyebabkan sakit yang berdenyut-deniyut pada satu bahagian kepala. Ia biasanya disertai dengan loya, muntah, dan rasa sensitif pada cahaya dan bunyi.

Serangan migrain boleh menyebabkan sakit ketara selama berjam-jam atau berhari-hari. ia boleh menjadi teruk dan apa yang anda fikirkan adalah untuk mencari tempat yang sunyi dan gelap untuk berbaring dan berhati-hati.

Sesetengah migrain boleh disertai dengan gejala-gejala amaran deria (aura). Migrain dengan aura adalah migrain yang disertai dengan pelbagai tanda-tanda amaran deria atau gejala-gejala, seperti kilasan cahaya, titik buta atau rasa berdenyut-deniyut pada tangan atau muka.

Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura. Malah ubat-ubatan dan kaedah penjagaan sendiri yang membantu untuk mencegah migrain juga boleh digunakan untuk mencegah migrain dengan aura. AW

Merawat Migrain Semasa Kehamilan

Baldari rawatan migrain semasa kehamilan. Bulan sahaja ubat-ubatan yang diberikan masa rawatan boleh memberi kesan kepada nafis, ia juga boleh memberi kesan pada bayi. Jika anda masih melegakan migrain, berhincanglah terlebih dahulu dengan doktor untuk mengambil ubat apa yang sebaik demi keselamatan bayi yang anda kandungi.

Rawatan Migrain Akibat Haid

Bagi kelahiran wanita, migrain akan hilang apabila haid berhenti. Jika anda sedang mengambil terapi penggantian hormon dan migrain semasa teruk, doktor boleh meningkatkan dos, memberi ubat dalam bentuk tablet, atau terus mengambilannya.

LAMPIRAN A : TEKS 9 : SINDROM CARPAL TUNNEL DARI BIASA MUNGKIN BERISIKO
SERI DEWI KELUARGA, MEI 2016
DALAM BENTUK AYAT

PENYAKIT



Dr. Terence Tay Khai Wei
 Pakar Perundang Tangan & Pakar Be-
 dah Masa Pusat Perubatan Tropicana
 Kota Damansara

Sindrom **Carpal Tunnel** DARI BIASA MUNGKIN **BERISIKO**

Dikenali sebagai Sindrom Carpal Tunnel, Menurut Pakar Perundang Tangan & Pakar Bedah Mikro Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Terence Tay Khai Wei, ia merupakan suatu keadaan yang mungkin berlaku apabila saraf median, yakni saluran turun jangka utama pada tangan dan jarj menjadi memper besar dalam terowong Carpal.

Terowong Carpal dibentuk oleh lapan tulang pergelangan tangan (tunnel) dan ligamen melintang Carpal, ia berlindik sebagai latuan di pergelangan tangan anda, di mana saraf median dan sembilan tendon metabolismnya untuk mencapai tangan anda.

Mampatan saraf median, yang berlaku disebabkan oleh penurunan ruang di dalam terowong, mungkin disebabkan oleh keadaan seperti bengkok tisu pada lapisan terowong, pembendungan cecair, kehadiran sista simpul saraf, struktur otot yang tidak

normal atau keadaan-keadaan lain. Dalam banyak keadaan, puncanya masih tidak diketahui.

Simptom Sindrom Carpal Tunnel

Anda mungkin merasakan seolah-olah tangan anda "tidur". Biasanya, jarj telunjuk dan tengah adalah kawasan paling terjejas, tetapi ia juga boleh berlaku pada deria di sepanjang tangan anda.

Sekiranya gejala-gejala ini masih baru bermula, misalnya terasa kebas atau sakit sebaik terjaga daripada tidur, ia mungkin boleh dilegakan dengan



Biasanya Sindrom Carpal Tunnel dialami mereka yang membuat kerja-kerja menaip.

Suntikan steroid juga boleh digunakan untuk melegakan gejala. Ada juga yang mengambil ubat-ubatan (melalui mulut seperti makan atau minum) seperti vitamin B6 atau ubat-ubatan anti-radang bukan steroid bagi tujuan sama. Doktor anda akan melakukan pemeriksaan fizikal. Kajian pengairan saraf dan elektromiograf (NCS/EMG) mungkin akan digunakan untuk mengesahkan diagnosis dan menilai tahap keterukur keadaan.

Jika keadaan bukan pembedaan tidak berjaya, keadaan pembedaan mungkin diperlukan. Matlamat cara pembedaan adalah bagi mengurangkan tekanan dalam terowong Carpal untuk mengurangkan mampatan saraf median.

Sista Ganglion

Selain masalah Sindrom Carpal Tunnel, satu lagi yang walaupun jarang-jarang dilihat tetapi juga merentaskan adalah Sista Ganglion (simpul saraf), ia adalah jisim bening yang biasanya ditemui di belakang pergelangan tangan dan hujung sendi pada jarj. Tumor atau ketulan ini biasanya timbul daripada sendi atau tendon, ia dipenuhi cecair tebal (cecar sendi) yang diselaputi sarung tebal.

Simptom Sista Ganglion

Walaupun masih berlaku di bahagian tangan atau pergelangan tangan, tetapi simptomnya sedikit berbeza.



kemunculan ketulan atau benjal di tangan atau pergelangan tangan. Puncu sista ini timbul mungkin berkaitan dengan masalah artritis atau radang di sekitar tendon. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, puncu sebenarnya juga masih tidak diketahui.

Diagnosa

Diagnosa terhadap sista ganglion biasanya dibuat di bahagian ketulan atau benjal berkenaan timbul. Kadang-kadang x-ray adalah perlu untuk menolak keabnormalan tulang. Dalam peratusan besar kes, sista ganglion tidak menyakitkan, tetapi bagi sesetengah pesakit, kesakitan adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti tertentu. Sista ini boleh berubah saiz (mengecil) atau hilang sepenuhnya dengan sendiri.

Rawatan

Rawatan biasanya berkaitan dengan gejala. Sekiranya tidak ada kesakitan yang dikaitkan dengan sista, biasanya rawatan adalah dengan pemerhatian doktor sahaja. Penggunaan pendakap pergelangan tangan antara alternatif yang digunakan bagi membantu mengurangkan saiz sista tersebut. Sekiranya kesakitan berkembang dikaitkan dengan sista atau bersifat besar dan tidak boleh dihilangkan/diarawat dengan cara biasa, penggunaan jarum mungkin diperlukan untuk mengeluarkan cecair di dalamnya.

Sista juga boleh dibuang melalui pembedaan. Pembedaan ini meliputi penyingkiran sista dan membran sekitar dan lanjut sista ke dalam sendi.

Terdapat juga peluang lebih baik bagi mengelak sista berulang selain pembedaan (walaupun sista masih boleh kembali) laju dengan teknik aspirasi.

Biasanya, dressing lembut atau balutan anduh akan digunakan untuk mengawal kesakitan selepas pembedaan. Jahlilan akan dikeluarkan 7 hingga 10 hari selepas prosedur. Kadang-kadang terapi fizikal juga diperlukan jika kedudukan kekakuan terbatang pada pergelangan atau jarj tangan. **k**

yang digunakan bagi membantu mengurangkan saiz sista tersebut. Sekiranya kesakitan berkembang dikaitkan dengan sista atau bersifat besar dan tidak boleh dihilangkan/diarawat dengan cara biasa, penggunaan jarum mungkin diperlukan untuk mengeluarkan cecair di dalamnya.

MEI 2016 keluarga 63

PENYAKIT



Saraf median dimampulkan pada pergelangan tangan, menyebabkan kebas atau sakit.

LAMPIRAN B**DATA MENTAH KAJIAN**

<u>Sumber Teks</u>	<u>Data</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
Wanita, Mac 2016 (M/S 102-103)	Teks 1	Cacar Air Ragut Nyawa Bayi Dalam Kandungan	160
Mingguan Wanita, Mac 2016 (M/S 78-79)	Teks 2	Serangan Senyap Radang Pelvis Bahaya Buat Wanita	162
Seri Dewi Keluarga, Mac 2016 (M/S 60-61)	Teks 3	Jangan Pandang Remeh Bells Palsy	164
Wanita, April 2016 (M/S 60-61)	Teks 4	Teratogen Picu Kelahiran Cacat	167
Mingguan Wanita, April 2016 (M/S 74-75)	Teks 5	Bahaya Hormon Tiroid Tidak Seimbang	169
Seri Dewi Keluarga, April 2016 (M/S 98-99)	Teks 6	Buasir Aduh! Rimasnya	171
Wanita, Mei 2016 (M/S 98-99)	Teks 7	Kawal Sindrom Polistik Ovari	174
Mingguan Wanita, Mei 2016 (M/S 60-61)	Teks 8	Migrain Sakit Kepala Dan Hormon	176
Seri Dewi Keluarga, Mei 2016 (M/S 62-63)	Teks 9	Sindrom Carpal Tunnel Dari Biasa Mungkin Berisiko	178

LAMPIRAN B : TEKS 1 : CACAR AIR RAGUT NYAWA BAYI DALAM KANDUNGAN

WANITA, MAC 2016

DALAM BENTUK AYAT

S1T1A	Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.
S2T1A	Lebih-lebih lagi apabila diri disahkan menghidap cacar air atau chicken pox yang berpunca daripada jangkitan virus varisela-zoster.
S3T1A	Bukan hanya mengakibatkan kesakitan dan ketidakselesaan kepada si ibu, virus cacar air yang tersebar menerusi medium udara tercemar dengan bendarir badan pesakit seperti kahak dan air liur juga menimbulkan gangguan radang paru-paru (pneumonia).
S4T1A	Serangan virus tersebut turut mendedahkan bayi dalam kandungan kepada beberapa siri gangguan kesihatan yang agak kronik.
S5T1A	Antaranya keguguran, kecacatan semasa lahir seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.
S6T1A	Sungguhpun begitu, kemungkinan bayi untuk berdepan dengan risiko gangguan kesihatan berbahaya itu bergantung kepada usia kandungan saat ibu dijangkiti cacar air.
S7T1A	Janin atau bayi berada dalam risiko tinggi dan nyawa si kecil boleh terancam.
S8T1A	Keadaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.
S9T1A	Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.
S10T1A	Kebiasaannya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut.
S11T1A	Selain itu, rawatan antiviral menggunakan acyclovir juga antara teknik perubatan yang akan dilaksanakan oleh doctor bagi menyelamatkan bayi.
S12T1A	Bayi berdepan jangkitan cacar air, namun simptom-simptomnya mungkin tidak muncul kerana perlalian daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.
S13T1A	Bayi anda berkemungkinan besar tidak akan terjejas dengan jangkitan penyakit ini.
S14T1A	Pun begitu, bayi berisiko untuk mendapat penyakit kayap.
S15T1A	Risiko bayi berhadapan dengan komplikasi akibat cacar air amat rendah sehingga kurang daripada satu peratus.
S16T1A	Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.
S17T1A	Pesakit akan mula mengalami demam selepas lapan hingga 13 hari setelah dijangkiti virus (tempoh inkubasi).
S18T1A	Ruam biasanya keluar pada hari keempat serangan virus.
S19T1A	Ruam demam cacar air sangat unik kerana hadir dengan begitu banyak sehingga bersambung menjadikan satu tompok besar.
S20T1A	Ruam biasanya bermula dari muka dan merebak ke arah badan dan akhirnya ke kaki.
S21T1A	Air kelapa sememangnya bermanfaat.
S22T1A	Ambil beberapa helai daun jambu batu, kemudian tumbuk sehingga lumat.
S23T1A	Campurkan bersama bedak sejuk dan sapu pada badan.

S24T1A	Air daun jambu batu yang diramas juga boleh dibuat air mandian.
S25T1A	Mandi dengan air daun bambu setiap hari sehingga bintik-bintik demam campak hilang.
S26T1A	Disebabkan penyakit ini mudah berjangkit melalui bendalir badan yang tersebar dalam udara, pesakit perlu memastikan persekitaran sentiasa bersih dan tidak menyebarkan penyakit ini.

LAMPIRAN B : TEKS 2 : SERANGAN SENYAP RADANG PELVIS
MINGGUAN WANITA, MAC 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T2A	Tahukah anda apa itu penyakit radang pelvis?
S2T2A	Radang Pelvis atau Pelvic Inflammatory Disease (PID) adalah penyakit yang merujuk kepada jangkitan kuman pada rahim (uterus), tiub fallapio (saluran yang membawa telur dari kilang telur ke uterus untuk disenyawakan) dan lain-lain organ peranakan wanita.
S3T2A	Banyak penyebab radang pelvis.
S4T2A	Penyakit ini boleh dialami oleh wanita yang aktif melakukan hubungan kelamin sebelum umur mereka 20 tahun.
S5T2A	Penyakit ini juga dialami oleh wanita yang sebelum ini pernah menghidap penyakit jangkitan kelamin.
S6T2A	Beginu juga jika wanita yang memiliki pasangan yang telah dijangkiti gonorea atau klamida.
S7T2A	Seks rambang dan bertukar pasangan seksual juga adalah faktor utama menyumbang kepada berlakunya radang pelvis.
S8T2A	Wanita yang memakai alat di dalam rahim (IUD) sebagai cara merancang keluarga juga mempunyai risiko yang lebih tinggi dijangkiti radang pelvis.
S9T2A	Ditambah pula jika dia ataupun suaminya mempunyai pasangan seks yang ramai jika dibandingkan dengan hubungan monogamy (satu pasangan).
S10T2A	Walau bagaimanapun, risiko ini dapat dikurangkan jika seseorang wanita itu diuji terlebih dahulu dan jika perlu, dirawat bagi STD sebelum memakai IUD.
S11T2A	Radang pelvis mengakibatkan komplikasi serius terhadap organ peranakan yang kebiasannya diakibatkan oleh jangkitan penyakit kelamin, terutamanya klamidia, dan gonorea.
S12T2A	Radang pelvis boleh mengakibatkan kerosakan kekal pada tiub fallopio, rahim (uterus) dan tisu-tisu di dalam dan di luar rahim dan kilag telur (ovari).
S13T2A	Radang pelvis yang tidak dirawat akan menyebabkan komplikasi buruk terhadap organ peranakan seperti mandul, kehamilan ektopik iaitu kehamilan di luar rahim, dan rasa sakit yang teruk pada pelvis (tulang pinggul) akibat jangkitan teruk pada organ peranakan.
S14T2A	Semakin ramai wanita dikatakan mandul akibat serangan radang pelvis dan kadar kandungan luar rahim juga turut meningkat.
S15T2A	Ini mengakibatkan meningkatnya jumlah kematian akibat penyakit atau kesan penyakit radang pelvis pada wanita.
S16T2A	Gejala-gejala radang mungkin berbeza dan bergantung kepada jenis bacteria dan tahap keseriusan jangkitan tersebut.
S17T2A	Namun begitu, anda juga boleh menghidap radang pelvis tanpa sebarang gejala-gejala
S18T2A	Sebagai contohnya, klamidia boleh hadir tanpa sebarang gejala-gejala.
S19T2A	Wanita yang mengalami kehamilan ektopik atau kurang subur kerap mengalami radang yang disebabkan oleh klamidia.
S20T2A	PID adalah sukar untuk dikesan kerana gejala-gejalanya yang ringan dan tidak jelas, maka sering kali mengakibatkan wanita yang dijangkiti tidak mengendahkan gejala

	ringan tersebut.
S21T2A	Oleh kerana tidak ada ujian yang tepat untuk radang pelvis, diagnosis biasanya dibuat berdasarkan penemuan klinikal.
S22T2A	Jika gejala-gejala seperti sakit perut di bahagian bawah abdomen terjadi, doktor anda perlu melakukan pemeriksaan fizikal untuk menentukan jenis dan lokasi kesakitan, memeriksa sekiranya terdapat bukti jangkitan gonorea atau klamidia.
S23T2A	Jika keputusan pemeriksaan mencadangkan terdapatnya radang pelvis, rawatan adalah diperlukan.
S24T2A	Anda juga mungkin diminta untuk menjalani ujian untuk mengenal pasti organisme yang menyebabkan jangkitan bagi membezakan radang pelvis dan masalah-masalah lain yang mempunyai gejala yang sama.
S25T2A	Ultrasound pelvik adalah satu prosedur yang berguna untuk mengesan radang pelvis.
S26T2A	Ultrasound membolehkan pakar perubatan melihat bahagian dalam pelvis untuk memastikan sama ada tiub fallopio membesar atau bengkak tau sama ada lendiran atau nanah hadir.
S27T2A	Dalam kes-kes tertentu, laparoskopi mungkin perlu untuk mengesahkan diagnosis.
S28T2A	Laparoskopi adalah satu prosedur pembedahan di mana tiub nipis dan kamera (laparoskop) dimasukkan ke dalam abdomen melalui hirisan/torehan kecil di perut.
S29T2A	Prosedur ini membolehkan doktor melihat organ dalaman pelvis dan mengambil spesimen untuk kajian makmal, jika perlu.

LAMPIRAN B : TEKS 3 : JANGAN PANDANG REMEH BELLS PALSY
SERI DEWI KELUARGA, MAC 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T3A	Hampir seminggu Aina menghadapi masalah telinga berdengung dan kadang-kadang disertai batuk.
S2T3A	Keadaan ini benar-benar merimaskan dan mengganggu rutin harian sama yang bekerja di pejabat dan sebagai suri rumah.
S3T3A	Dan, situasi ini benar-benar merisaukan Aina apabila bahagian sebelah muka berasa kebas dan mulutnya herot sehingga menyukarkan untuk mengunyah dengan sempurna.
S4T3A	Mungkin ramai di kalangan kita yang pernah mengalami masalah sebegini.
S5T3A	Tidak kurang juga bimbang ia adalah gejala awal strok, sementelahan ada rasa kebas dan tidak kurang juga mengalami masalah seperti dialami Aina, mulut menjadi herot.
S6T3A	Masalah ini menurut Pakar Neurologi, Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr. Shalini Bhaskar, dalam bahasa perubatan dikenali Bell's Palsy, yakni satu keadaan yang menyebabkan otot-otot menjadi lemah atau lumpuh pada bahagian muka.
S7T3A	Ia adalah satu gangguan saraf yang biasa tejadi dan lazimnya hanya menjelaskan saraf di muka (facial nerve).
S8T3A	Penyebab terjadinya Bell's Palsy masih tidak beberapa jelas.
S9T3A	Dalam kebanyakan kes Bell's Palsy, saraf yang mengawal otot pada sebelah muka telah rosak disebabkan inflamasi pada saraf yang terletak di bahagian bawah telinga.
S10T3A	Pengaktifan semula jangkitan virus herpes adalah penyebab utama Bell's Palsy.
S11T3A	Kajian menunjukkan bahawa pengakitifan ini boleh terjadi disebabkan trauma, persekitaran, metabolismik dan emosi.
S12T3A	Bell's Palsy tidak akan mengakibatkan strok atau Transient Ischemic Attack (TIA), akan tetapi strok dan TIA boleh menyebabkan lemah otot di bahagian muka.
S13T3A	Walaubagaimanapun anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor jika terdapat symptom-simptom kelemahan pada otot muka supaya dapat mengelakkan daripada ia menjadi lebih serius, jelasnya.
S14T3A	Terasa berat pada bahagian muka yang menyebabkan ia menjadi lemah atau lumpuh.
S15T3A	Ini membuatkan sukar bagi anda untuk menutup mata pada sebahagian muka yang terlibat.
S16T3A	Ini adalah symptom yang paling utama.
S17T3A	Air liur meleleh.
S18T3A	Hilang deria rasa.
S19T3A	Sakit di dalam atau di belakang telinga.
S20T3A	Rasa kebas di bahagian wajah.
S21T3A	Sensitif terhadap bunyi.
S22T3A	Masalah mata, seperti air mata berlebihan atau kering.
S23T3A	Bell's Palsy menjelaskan kira-kira satu dalam 5000 orang setahun, baik kepada golongan wanita maupun lelaki.
S24T3A	Biasanya ia berlaku pada orang yang berumur 15-60 tahun.

S25T3A	Walaupun ia boleh berlaku pada kedua-dua jantina, namun Bell's Palsy boleh berlaku 3 kali atau lebih kerap di kalangan wanita hamil, juga 4 kali lebih kerap berlaku di kalangan wanita hamil daripada wanita yang tidak hamil.
S26T3A	Ia juga adalah 4 kali lebih kerap berlaku di kalangan pesakit kencing manis daripada penduduk umum, selain faktor keturunan juga telah dijumpai dalam 4-14% kes.
S27T3A	Bell's Palsy tidak akan memberikan mana-mana bahagian badan yang lain untuk menjadi lumpuh, lemah atau kebas.
S28T3A	Jika mana-mana kawasan lain yang terjejas, Bell's Palsy bukanlah puncanya, dan pemeriksaan lanjut perlu dilakukan.
S29T3A	Tiga dalam 10 orang dengan Bell's Palsy akan terus mengalami kelemahan otot pada muka mereka dan daripada 10 orang akan ditinggalkan dengan masalah jangka panjang yang lebih serius..
S30T3A	Kira-kira 80-90% daripada pesakit dengan Bell's Palsy pulih tanpa kecacatan ketara dalam masa 6 minggu hingga ke 3 bulan.
S31T3A	Jika masih belum pulih dari 2-4 bulan bulan atau lebih, kemungkinan lumpuh pada muka akan tetap dan synkinesis yang lebih tinggi.
S32T3A	Umur lebih daripada 60 tahun.
S33T3A	Lumpuh muka sepenuhnya.
S34T3A	Kehilangan deria rasa atau air meleleh di muka.
S35T3A	Kortikosteroid – mengurangkan keradangan dan harus dimulakan dalam masa 3 hari dari bermulanya symptom.
S36T3A	Ubat antiviral boleh digunakan jika virus telah menyebabkan Bell's Palsy
S37T3A	Ubat titisan mata dan patch mata (untuk mata kering).
S38T3A	Senaman fisioterapi untuk merangsang otot muka.
S39T3A	Ia biasanya untuk sebilangan kecil kes di mana kelemahan muka tidak pulih sepenuhnya.
S40T3A	Rawatan fisioterapi ini diikenali sebagai "latihan semula muka" sama ada dengan mengamalkan mengunyah gula-gula getah secara berterusan bagi menggerakkan otot-otot wajah.
S41T3A	Bell's Palsy mungkin berulang lagi dalam kadar sehingga 14% terutamanya jika terdapat sejarah penyakit ini dalam keluarga.
S42T3A	Lebih kurang 1 dalam 10 orang yang pernah mengalami Bell's Palsy mungkin berulang mengalaminya.
S43T3A	Puncanya masih belum diketahui, jadi pencegahannya juga belum ditemui dan tidak mungkin (dicegah).
S44T3A	Walau bagaimanapun, sejak Bell's Palsy berkaitan dengan Herpes, oleh itu sangat disyorkan bahawa diet pesakit menjadi tinggi dalam L-Lysine dan rendah L-arginine.
S45T3A	Ia adalah langkah yang bijak untuk membeli makanan tambahan lisin sebenar dan mengambil kira-kira 1.5 gram setiap hari sehingga virus menjadi tidak aktif.
S46T3A	Mengambil suplemen vitamin B dan asid folik adalah sangat disyorkan untuk membantu dalam penyembuhan saraf yang telah rosak.
S47T3A	Individu yang terdedah kepada bahan kimia toksik daripada gam, cat, pelincir cat, polyurethane, dan lakuer lebih terdedah kepada Bell's Palsy.
S48T3A	Pakar mengesyorkan penggunaan topeng rebreather apabila bekerja di sekitar bahan kimia.

LAMPIRAN B : TEKS 4 : TERATOGEN PICU KELAHIRAN CACAT
WANITA, APRIL 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T1B	Tentunya semua ibu hamil mahukan anak yang dikandung lahir dalam keadaan yang sihat sempurna.
S2T1B	Lantaran itu, ibu hamil sering kali berhati-hati dalam soal pengambilan khasiat makanan dan menghindari sebarang ubat-ubatan yang boleh memudaratkan bayi di dalam kandungan.
S3T1B	Selain menekankan perkara ini, wanita hamil juga perlu mengambil tahu risiko yang wujud sepanjang usia kehamilan.
S4T1B	Lebih-lebih lagi, jika usia kandungan mereka berada pada zon waktu kritikal iaitu tiga bulan yang pertama.
S5T1B	Ketika ini tulang rangka serta organ-organ janin terutamanya di bahagian kraniofasial (tulang tengkorak serta muka) akan mulai terbentuk.
S6T1B	Malah sekiranya seorang ibu hamil itu terdedah kepada persekitaran yang berbahaya seperti kesan daripada bahan kimia, ubat-ubatan serta faktor persekitaran lain yang dikenali sebagai teratogen, janin mungkin bakal mengalami keabnormalan kraniofasial.
S7T1B	Bagaimana teratogen memudaratkan bayi anda?
S8T1B	Bahan ini merentasi halangan plasenta (<i>placental barrier</i>) ibu dan masuk ke dalam salur darah janin.
S9T1B	Dalam dos yang rendah teratogen menyebabkan kecacatan tetapi mampu mengakibatkan kematian janin sekiranya hadir dalam dos yang tinggi.
S10T1B	Sungguhpun begitu, kesan setiap teratogen ke atas janin adalah berbeza menyebabkan abnormaliti yang berlainan bergantung kepada jenis teratogen, dos, tempoh pengambilan atau waktu seorang ibu terdedah kepadanya.
S11T1B	Berikut disenaraikan jenis agen teratogenik.
S12T1B	Kesan terhadap janin berlaku disebabkan oleh kesan sitotoksik langsung yang menyebabkan kegagalan bekalan darah kepada sel-sel janin.
S13T1B	Dalam kehadiran jangkitan, badan akan mengalami proses pemberian (repair) yang menyebabkan parut yang boleh memburukkan lagi proses pertumbuhan janin.
S14T1B	Kecacatan utama yang biasa dilihat pada bayi apabila dilahirkan ialah saiz kepala bayi yang kecil disebabkan oleh kerencutan pertumbuhan otak (microcephaly), terdapatnya cecair di dalam kepala bayi (hidrocephaly) dan mikroftalmia iaitu saiz mata yang kecil.
S15T1B	Radiasi daripada sinaran X ke atas ibu hamil menyebabkan kecederaan terhadap kromosom serta kematian sel bayi.
S16T1B	Radiasi ini menghasilkan mikrocephali serta kerencutan akal janin.
S17T1B	Pendedahan terhadap sinaran X di hujung kehamilan pula berisiko menyumbang kanser darah dan leukemia pada bayi.
S8T1B	Manakala asap rokok, alkohol dan dadah seperti marijuana dan heroin boleh mengakibatkan kecacatan seperti sumbing bibir dan lelangit, kerencutan akal serta sindrom alkohol fetus.
S19T1B	Ubat Thalidomide merupakan ubat terawal yang dikesan mempunyai kesan

	teratogenik apabila diberi kepada ibu hamil.
S20T1B	ia diberi sebagai ‘sleeping pill’, pada tahun 1961, ubat ini telah diisytiharkan sebagai ‘tidak selamat’ untuk digunakan terhadap ibu mengandung selepas didapati ramai bayi yang dilahirkan mengalami kecacatan anggota yang dikenali sebagai <i>phocomelia</i> .
S21T1B	Antaranya, ubat-ubatan yang berada dalam kelompok ini ialah ubat antikanser aminoteprin yang boleh menyebabkan anencephali (kerencatan sebahagian besar bahagian otak dan tulang kepala), ubat antiplatelet jenis aspirin dan ubat antiepilepsi jenis Dilantin yang boleh menyebabkan sumbing bibir dan lelangit serta asid retinoik Accutane (sejenis ubat jerawat) yang boleh mengakibatkan sindrom Treacher-Collin.

LAMPIRAN B : TEKS 5 : BAHAYA HORMON TIROID TIDAK SEIMBANG
MIGGUAN WANITA, APRIL 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T2B	Hormon tiroid boleh memberi kesan terhadap kebanyakan fungsi tubuh daripada jantung, paru-paru malah emosi.
S2T2B	Berikut adalah beberapa tanda amaran masalah tiroid.
S3T2B	Walaupun rasa letih dan lesu tidak bermaya setiap masa boleh dikaitkan dengan banyak masalah kesihatan, ia sebenarnya berkait dengan masalah tiroid.
S4T2B	Hakikatnya, ini adalah simptom pertama masalah tiroid terutamanya apabila anda masih letih selepas mendapat tidur dengan cukupnya pada malam sebelumnya.
S5T2B	Perubahan pada tekstur dan rupa kulit, rambut dan kuku biasanya dikaitkan dengan hipotiroidism.
S6T2B	Kulit kering dan mengeripik, kuku rapuh dan rambut gugur boleh juga menandakan kelenjar tiroid kurang aktif.
S7T2B	Rasa sedih yang luar biasa dan kemurungan boleh juga menjadi simptom masalah tiroid.
S8T2B	Ini kerana terhadnya penghasilan hormon boleh memberi kesan pada tahap serotonin pada otak.
S9T2B	Berikutan dengan tahap tiroid rendah yang membuatkan sistem tubuh berada pada mod perlahan, ia turut menyebabkan mood atau emosi turut mendapat kesan.
S10T2B	Fungsi kognitif boleh jadi tidak tentu semasa masalah tiroid berlaku kerana hipertiroidism boleh menyebabkan kesukaran memberi tumpuan.
S11T2B	Manakala hipotiroidism boleh menyebabkan otak menjadi keliru dan mudah lupa.
S12T2B	Rasa berdenyut-deniyut, kejang atau sakit pada otot boleh juga menjadi salah satu tanda masalah tiroid.
S13T2B	Penghasilan terlalu sedikit hormon boleh merosakkan saraf-saraf yang menghantar isyarat kepada otak.
S14T2B	Keadaan ini boleh menyebabkan masalah berdenyut-deniyut dan kekejangan yang tidak dapat diterangkan.
S15T2B	Gangguan dalam penghasilan hormon boleh menyebabkan masalah pencernaan.
S16T2B	Ini seterusnya boleh membawa kepada sembelit.
S17T2B	Sebaliknya pula, penghasilan hormon berlebihan boleh menyebabkan cirit-birit dan pergerakan usus lebih kerap.
S18T2B	Kurang atau tidak ada nafsu untuk melakukan hubungan seksual adalah petanda masalah kesihatan yang besar.
S19T2B	Masalah-masalah seperti nafsu rendah, masalah haid atau masalah untuk hamil boleh menjadi tanda-tanda masalah tiroid.
S20T2B	Apakah tiroid?
S21T2B	Tiroid adalah kelenjar berbentuk seperti rama-rama yang terletak di hadapan leher.
S22T2B	Ia menghasilkan hormon yang mengawal kelajuan metabolism - sistem yang membantu tubuh menggunakan tenaga.
S23T2B	Penyakit tiroid boleh memperlahangkan atau mempercepatkan metabolism dengan mengganggu penghasilan hormon tiroid.
S24T2B	Apabila tahap hormon menjadi terlalu rendah atau terlalu tinggi, anda mungkin

	mengalami pelbagai gejala-gejala berbeza.
S25T2B	Semua orang perlu menjalani pemeriksaan berkaitan difungsi tiroid setiap lima tahun, bermula pada usia 35 tahun.
S26T2B	Mereka yang memiliki gejala-gejala atau faktor-faktor risiko amat memerlukan ujian dengan lebih kerap.
S27T2B	Hipotiroidism lebih kerap menyerang wanita melebihi umur 60 tahun.
S28T2B	Hipertiroidism juga lebih kerap berlaku pada wanita dan individu berumur lebih 60 tahun.
S29T2B	Sejarah keluarga meningkatkan risiko untuk mendapat salah satu penyakit ini.
S30T2B	Apabila tidak mendapat rawatan, hipotiroidism boleh menaikkan tahap kolesterol dan membuatkan anda lebih mudah mendapat strok atau serangan jantung.
S431T2B	Dalam kes yang teruk, hormon tiroid yang amat rendah boleh mencetus masalah hilang kesedaran dan penurunan suhu badan yang mengancam nyawa.
S32T2B	Hipertiroidism yang tidak mendapat rawatan boleh menyebabkan masalah jantung yang serius dan tulang rapuh.
S33T2B	Jika anda didiagnos menghidap hipotiroidism, doktor biasanya akan memberi hormon tiroid dalam bentuk pil.
S34T2B	Perkara ini selalunya membawa perubahan yang boleh nampak dalam masa beberapa minggu.
S35T2B	Rawatan jangka panjang boleh mengakibatkan lebih tenaga, tahap kolesterol rendah dan kehilangan berat badan beransur-ansur.
S36T2B	Kebanyakan mereka yang menghidap hipotiroidism akan memerlukan hormon tiroid untuk sepanjang hidup mereka.
S37T2B	Kebanyakan rawatan untuk hipertiroidism adalah ubat antitiroid yang bertindak untuk merendahkan jumlah hormon yang dihasilkan oleh tiroid.
S38T2B	Keadaan ini mungkin akan hilang tetapi ramai orang perlu tetap mengambil ubat dalam jangka masa yang panjang.
S39T2B	Ubat-ubatan lain juga boleh diberi untuk mengurangkan gejala-gejala seperti nadi yang laju dan rasa berdebar-debar.
S40T2B	Pilihan lain adalah iodin radioaktif yang akan memusnahkan kelenjar tiroid melalui rawatan selama 6 hingga 18 minggu.
S41T2B	Sebaik sahaja kelenjar itu telah dimusnahkan, atau dibuang melalui pembedahan, kebanyakan pesakit perlu memulakan pengambilan hormon tiroid dalam bentuk pil.

LAMPIRAN B : TEKS 6 : BUASIR ADUH! RIMASNYA
SERI DEWI KELUARGA, APRIL 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T3B	Berdiri salah, duduk pun salah.
S2T3B	Semuanya tak kena.
S3T3B	Ada rasa Bengkak atau ketulan di bahagian dubur.
S4T3B	Adakala terasa sakit, perit, gatal dan paling mencemaskan empunya diri apabila berlaku pendarahan.
S5T3B	Mungkin, anda pernah mengalami situasi merimaskan ini, bukan?
S6T3B	Buasir atau dalam bahasa perubatan dikenali hemoroid, hampir semua pernah mengalaminya.
S7T3B	Menurut Pakar Bedah Am, Payudara dan Endokrin Pusat Perubatan NSCMH, Dr.Ng Sze How, buasir adalah pembengkakan yang terjadi dalam dubur dan rektum.
S8T3B	“Pakar menjangkakan 1 daripada 3 orang dewasa akan mengalami masalah buasir dalam jangka hayat manusia.
S9T3B	Keadaan ini biasanya terjadi apabila tisu membengkah dan saluran darah akan kehilangan keanjanan.
S10T3B	Apabila ini berlaku, ia sering dikaitkan dengan pendarahan.
S11T3B	“Biasanya, walaupun dengan aktiviti-aktiviti fizikal ringan seperti duduk atau berdiri untuk jangka masa berpanjangan, batuk, mengangkat objek ringan dan meneran usus, boleh menyebabkan ketidakselesaan yang amat, sakit sangat dan pendarahan berlebihan,” jelasnya.
S12T3B	Lazimnya, gejala-gejala yang biasa diperhatikan atau ada kaitan dengan buasir ini ialah gatal-gatal, kesakitan sangat, keradangan, pembengkahan, rembesan dan pendarahan semasa membuang air besar (darah merah terang).
S13T3B	Lazimnya ia tidak terasa sakit dan gatal kerana terletak jauh ke dalam rektum.
S14T3B	Ia juga tidak merbahaya, tetapi meneran dan gangguan pada laluan najis semasa membuang air besar boleh mencederakan permukaan buasir yang getas dan menyebabkannya berdarah.
S15T3B	Jika keadaan ini berlaku, anda perlu mendapat bantuan perubatan/pemeriksaan kerana walaupun ia salah satu simptom buasir, tetapi darah tersebut juga boleh jadi datang daripada sumber lain seperti ketumbuhan atau kanser kolorektum.
S16T3B	Lazimnya ia mengakibatkan gejala-gejala seperti sakit, pedih dan gatal pada bahagian dubur.
S17T3B	Jika buasir ini tersepit (bekalan darah terputus), bekuan darah akan terjadi di dalamnya menyebabkan ia terasa amat sakit.
S18T3B	Ia juga memerlukan pemeriksaan perubatan kerana kemungkinan untuk buasir berulang tidak mustahil walaupun dengan tekanan atau bebanan yang lebih ringan berbanding dengan keadaan (buasir) sebelumnya.
S19T3B	Sentiasa duduk (yang lama) / Meneran (ketika najis keras atau sembelit) / Duduk mencangkung di dalam tandas terlalu lama / Batuk yang teruk / Cirit-birit / Mengangkat bebanan/barang berat / Bersalin / Pengalaman seks melalui dubur (heteroseksual dan homoseksual)
S20T3B	Anda boleh mencegah masalah buasir berlaku dengan amalan berikut:

S21T3B	Elakkan duduk terlalu lama.
S22T3B	Buat senaman ringan seperti berjalan-jalan atau menggerakkan anggota badan (semasa duduk) bagi mengelak tekanan langsung dari rectum
S23T3B	Jangan tahan nafas apabila berlaku ketegangan atau ketika mengangkat sesuatu.
S24T3B	Hembuskan nafas keluar.
S25T3B	Dapatkan rawatan awal sekiranya batuk, cirit-birit dan sembelit bagi mengelak berlaku buasir.
S26T3B	Elak tabiat membaca dan berehat-rehat lama di dalam tandas.
S27T3B	Jika pergerakan usus mengambil masa lebih dari 3 ke 5 minit, petanda ada sesuatu yang tidak kena.
S28T3B	Pastikan najis sentiasa sentiasa lembut (pengambilan makanan mudah hadam dan berserat adalah penting).
S29T3B	Kenal pasti terlebih dahulu penyebab utama buasir.
S30T3B	Sekiranya masih berlarutan, dapatkan nasihat pakar.
S31T3B	Anda juga boleh membuat rawatan sendiri misalnya dengan mengambil julap untuk melembutkan najis dan kelancaran membuang air besar.
S32T3B	Penggunaan ubat krim buasir dan suppositori untuk menghilangkan gangguan dan kesakitan tetapi ia tidak boleh mengecutkan buasir.
S33T3B	Terdapat juga rawatan menggunakan sinaran inframerah bagi menghentikan bekalan darah ke buasir.
S34T3B	Kaedah pembedahan biasanya dilakukan sebagai langkah terakhir apabila keadaan buasir menjadi semakin teruk dan rawatan-rawatan konservatif tidak dapat membantu menyembuhkannya.
S35T3B	Kaedah rawatan Procedure for <i>Prolapse and Haemorrhoid</i> (PPH) adalah teknik yang dibangunkan pada awal tahun 90-an bagi mengurangkan prolaps tisu hemoroid dengan memotong membran mukosa prolaps dubur menggunakan peralatan perubatan stapler berbentuk bulatan.
S36T3B	Dalam PPH, tisu prolaps ditarik ke dalam peralatan perubatan yang membolehkan tisu yang berlebihan dikeluarkan manakala baki tisu hemoroid ‘distapler’.
S37T3B	Garis stapler diletakkan di atas di mana saraf yang rasa sakit dijumpai.
S38T3B	Cara ini mengembalikan tisu hemoroid kembali ke kedudukan asal anatominya.
S39T3B	Proses mengokot ini akan mencelah salur darah yang menyebabkan buasir.
S40T3B	Oleh kerana itu, buasir terus mengecut selama beberapa minggu selepas prosedur selesai.
S41T3B	Pesakit akan mengalami kesakitan yang kurang berbanding teknik konvensional.
S42T3B	Pesakit akan mengalami pemulihan yang lebih cepat untuk aktiviti biasa berbanding mereka yang dirawat menggunakan teknik konvensional.
S43T3B	Tempoh pemantauan hospital juga lebih cepat berbanding pesakit yang dirawat dengan teknik konvensional.
S44T3B	Ramai pesakit boleh menjalani prosedur inovatif ini.
S45T3B	Prosedur ini biasanya dilakukan sebagai rawatan pesakit luar, dengan ketidakselesaan yang minimum dan pemulihan yang cepat.
S46T3B	Amalkan meminum air sekurang-kurangnya 1.5 - 2 liter sehari.
S47T3B	Makan makanan seimbang.
S48T3B	Banyakkan memakan makanan tinggi serat, bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran.
S49T3B	Elakkan makanan yang boleh menyebabkan gangguan atau merangsang usus seperti makanan pedas, berempah, kafein (kopi dan teh).

S50T3B	Gunakan tandas pada masa yang ditetapkan seperti selepas bangun tidur setelah meminum segelas besar air.
S51T3B	Segeara berjumpa doktor apabila terdapat gejala-gejala seperti sakit atau gangguan pada dubur dan berdarah dalam najis.

LAMPIRAN B : TEKS 7 : KAWAL SINDROM POLISISTIK OVARI
WANITA, MEI 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T1C	Keluarga terdahulu, kita telah membincangkan punca dan kesan sindrom ovaris polistik (PCOS) ke atas tubuh.
S2T1C	Bukan itu sahaja, pembaca juga turut dimaklumkan dengan bagaimana ketumbuhan di dalam ovarii ini boleh menyebabkan permasalahan kesihatan seperti kemandulan, pertumbuhan rambut yang berlebihan, masalah kehilangan berat badan dan rintangan insulin.
S3T1C	Walaupun secara hakikatnya, PCOS tidak berbahaya, namun ia mampu mengganggu hormon dan pengeluaran telur di ovarii.
S4T1C	Pun begitu, wanita yang mengalami PCOS tetap berpeluang menikmati kualiti hidup yang baik sekiranya mereka bijak menguruskan PCOS secara berkesan.
S5T1C	Jadi apa yang perlu dilakukan?
S6T1C	Pertama adalah dengan menjalani gaya hidup yang sihat.
S7T1C	Dalam masa yang sama pengambilan ubat-ubatan oral juga boleh membantu.
S8T1C	Tetapi sebelum itu, seorang pesakit PCOS perlu bersikap terbuka.
S9T1C	Lebih-lebih lagi sekiranya mereka merancang untuk menimang cahaya mata.
S10T1C	Hal ini kerana terdapat sebahagian kecil ubat-ubatan yang digunakan bagi merawat simptom PCOS boleh menghalang proses kehamilan, jejaskan janin dalam kandungan dan sebagainya.
S11T1C	Terus mengupas lanjut tentang terapi perubatan ini, pakar biasanya akan merujuk kepada beberapa situasi tertentu.
S12T1C	Antaranya seperti berikut :
S13T1C	Haid yang tidak teratur dan pendarahan yang banyak disebabkan oleh PCOS berisiko memacu kanser endometrium dan berlakunya kekurangan zat besi.
S14T1C	Bagi situasi ini, doktor mungkin mencadangkan pil perancang keluarga, pelekat tampilan kulit atau cincin faraj yang mengandungi gabungan estrogen dan progestin untuk mendapatkan kitaran haid yang teratur.
S15T1C	Apabila seorang diberi ubat jenis ini, mereka tidak berupaya untuk hamil.
S16T1C	Dan sekiranya berhasrat untuk hamil, mereka digalakkan untuk mengambil hormon gantian progesteron (bioidentical hormon).
S17T1C	Kaedah ini menawarkan perlindungan terhadap kanser endometrium dan mengawal kitaran haid tanpa menjelaskan peluang untuk hamil.
S18T1C	Memandangkan PCOS mengganggu proses penghasilan telur, pakar kesuburan akan mengesyorkan clomiphene iaitu ubat anti-estrogen untuk meningkatkan peluang persenyawaan.
S19T1C	Jika clomiphene tidak berkesan, hormon perangsang folikel (FSH) dan hormon luteinizing (LH) iaitu ubat-ubatan yang diberikan melalui suntikan untuk membantu proses ovulasi boleh dipertimbangkan.
S20T1C	Pengambilan ubat-ubatan bagi mengawal pengeluaran androgen akan disyorkan, tetapi penghidapnya perlu memberitahu doktor sekiranya mereka merancang untuk hamil atau sedang hamil kerana ubat-ubatan tersebut boleh menyebabkan kecacatan pada janin.
S21T1C	Pada kebiasaannya, ubat-ubatan seperti metformin boleh membantu

	mengurangkan rintangan insulin untuk melambatkan tahap diabetes.
S22T1C	Ubat ini juga membantu mengurangkan risiko kardiovaskular, menurun berat badan, ovulasi selain membantu mendapatkan kitaran haid yang teratur dan meningkatkan kesuburan.
S23T1C	Selain perubatan ubat-ubatan, gabungan terapi alternatif holistik turut membantu.
S24T1C	Bukan sahaja pesakit PCOS tetapi semua individu perlu peka, berat badan berlebihan atau obesiti boleh menjurus kepada rintangan insulin, memberi kesan kepada ovulasi.
S25T1C	Memetik daptan kajian terdahulu, dengan menurunkan berat badan sekitar 5 peratus boleh membuatkan tubuh badan seseorang berasa lebih sihat dan selesa.
S26T1C	Lantaran itu, bagi menggapai misi ini, pesakit PCOS disarankan untuk mengurangkan pengambilan jumlah kalori terlebih dahulu.
S27T1C	Gunakan pinggan yang kecil semasa makan untuk memberi ilusi saiz hidangan yang banyak dalam masa sama berupaya mengehadkan pengambilan kalori berlebihan.
S28T1C	Pilih karbohidrat kompleks seperti roti gandum dan bijirin, pasta gandum, bulgur gandum, barli, beras perang dan kekacang kerana kandungan seratnya tinggi.
S29T1C	Elakkan pengambilan karbohidrat ringkas seperti jus buah-buahan, kek, gula-gula, ais krim, pai, biskut dan donat.
S30T1C	Pendek kata, bertukarlah kepada diet yang rendah kandungan glycemic.
S31T1C	Beberapa kajian menunjukkan dengan mengelakkan produk tenusu dan produk yang diproses seperti daging, makanan segera, makanan ringan boleh membantu wanita yang menghidapi PCOS.
S32T1C	Jika kesemua langkah pengurusan PCOS ini dilaksanakan secara konsisten, anda mampu mengurangkan risiko kemandulan, keguguran, kencing manis, kanser rahim dan penyakit jantung pada masa hadapan.

LAMPIRAN B : TEKS 8 : MIGRAIN SAKIT KEPALA DAN HORMON
MINGGUAN WANITA, MEI 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T2C	Sakit kepala migrain boleh menyebabkan sakit berdenyut-deniyut pada satu bahagian kepala.
S2T2C	Ia biasanya disertai dengan loya, muntah dan rasa sensitif pada cahaya dan bunyi.
S3T2C	Serangan migrain boleh menyebabkan sakit ketara selama berjam-jam atau berhari-hari.
S4T2C	Ia boleh menjadi teruk dan apa yang anda fikirkan adalah mencari tempat yang sunyi dan gelap untuk berbaring dan berehat.
S5T2C	Sesetengah migrain boleh disertai dengan gejala-gejala amaran deria (aura).
S6T2C	Migrain dengan aura adalah migrain yang disertai dengan pelbagai tanda-tanda amaran deria atau gejala-gejala, seperti kilasan cahaya, titik buta atau rasa berdenyut-deniyut pada tangan atau muka.
S7T2C	Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura.
S8T2C	Malah ubatan-ubatan dan kaedah penjagaan sendiri yang membantu untuk mencegah migrain juga boleh digunakan untuk mencegah migrain dengan aura.
S9T2C	Jika anda seorang wanita yang mengalami migrain, anda mungkin sedar bahawa ia biasanya menyerang beberapa hari sebelum anda datang haid.
S10T2C	Sakit kepala ini dikenali sebagai migrain haid.
S11T2C	Sakit kepala yang berlaku pada wanita, terutamanya migrain biasanya terikat dengan tahap hormon estrogen wanita semasa kitaran haid.
S12T2C	Tahap estrogen ini menurun sebelum permulaan kitar haid.
S13T2C	Migrain prahaid biasanya berlaku semasa atau selepas apabila hormon wanita, estrogen dan progesterone menurun pada tahap terendah.
S14T2C	Migrain ini akan hilang semasa hamil, terutamanya jika terikat dengan haid.
S15T2C	Atau anda mengalami migrain semasa trimester pertama.
S16T2C	Ia hanya akan hilang selepas kehamilan berusia tiga bulan.
S17T2C	Pil pencegah kehamilan mahupun terapi penggantian hormon semasa menopaus boleh mencetus terhadap sesetengah wanita.
S18T2C	Seawal 1996, penyiasat mendapati migrain boleh menjadi teruk terhadap wanita yang mengambil pil pencegah kehamilan, terutamanya mereka yang memiliki dos tinggi estrogen.
S19T2C	Pil dengan dos rendah estrogen dan yang memiliki progesterone menyebabkan kurang kesan sampingan.
S20T2C	Ubatan anti keradangan bukan steroid (NSAID) adalah ubatan pilihan untuk menghentikan migrain akibat haid.
S21T2C	Ubatan anti keradangan bukan steroid yang kerap digunakan untuk merawat migrain akibat haid termasuklah ibuprofen, ketoprofen, fenoprofen calcium, naproxen, dan nabumetone.
S22T2C	Doktor anda mungkin akan memberitahu anda untuk memulakan rawatan 1 atau 2 hari sebelum haid anda bermula untuk perlu mengambilnya sehingga haid berakhir.

S23T2C	Ubatan lain yang di preskripsi oleh doktor termasukla dos kecil ergotamine, ubat penghalang beta seperti propranolol, antikonvulsan, dan penghalang saluran kalsium seperti verapamil.
S24T2C	Doktor akan memberitahu anda untuk memulakan pengambilan ubatan ini beberapa hari sebelum haid, dan perlu mengambilnya sehingga haid berakhir.
S25T2C	Doktor juga akan mencadangkan diuretik semasa haid.
S26T2C	Doktor juga akan memberitahu anda untuk mengehadkan pengambilan garam dalam pemakanan sebelum haid bermula.
S27T2C	Jika anda tidak sembuh, doktor akan mengesyorkan ubat yang akan memberi kesan pada tahap hormon.
S28T2C	Disebabkan kemungkinan besar untuk mengalami strok, jika anda mendapat migrain dengan aura, anda sepatutnya tidak mengambil pil pencegah kehamilan.
S29T2C	Walaupun jika anda tidak mengalami aura, doktor mungkin tidak akan memberi preskripsi pil pencegah kehamilan jika anda berusia 35 tahun ke atas dan merokok, memiliki tekanan darah tinggi atau kolesterol, obes atau memiliki diabetes.
S30T2C	Apa itu migrain dengan aura?
S31T2C	Sakit kepala migrain boleh menyebabkan sakit yang berdenyut-denyut pada satu bahagian kepala.
S32T2C	Ia biasanya disertai dengan loya, muntah, dan rasa sensitif pada cahaya dan bunyi.
S33T2C	Serangan migrain boleh menyebabkan sakit ketara selama berjam-jam atau berhari-hari.
S34T2C	Ia boleh menjadi teruk dan apa yang anda fikirkan adalah untuk mencari tempat yang sunyi dan gelap untuk berbaring dan berehat.
S35T2C	Sesetengah migrain boleh boleh disertai dengan gejala-gejala amaran deria (aura).
S36T2C	Migrain dengan aura adalah migrain yang disertai dengan pelbagai tanda-tanda amaran deria atau gejala-gejala, seperti kilasan cahaya, titik buta atau rasa berdenyut-denyut pada tangan atau muka.
S37T2C	Migrain dengan aura biasanya dirawat dengan cara yang sama seperti migrain tanpa aura.
S38T2C	Malah ubat-ubatan dan kaedah penjagaan sendiri yang membantu untuk mencegah migrain juga boleh digunakan untuk mencegah migrain dengan aura.
S39T2C	Elakkan rawatan migrain semasa kehamilan.
S40T2C	Bukan sahaja ubat-ubatan yang diberikan masa rawatan boleh memberi kesan kepada rahim, ia juga boleh memberi kesan pada bayi.
S41T2C	Jika anda mahu melegakan migrain, berbincanglah terlebih dahulu dengan doktor untuk mengambil ubat apa yang sesuai demi keselamatan bayi yang anda kandung.
S42T2C	Bagi kebanyakan wanita, migrain akan hilang apabila haid mereka berhenti.
S43T2C	Jika anda sedang mengambil terapi penggantian hormon dan migrain semakin teruk, doktor boleh merendahkan dos, memberi ubat dalam bentuk berbeza, atau terus menghentikannya.

LAMPIRAN B : TEKS 9 : SINDROM CARPAL TUNNEL DARI BIASA MUNGKIN BERISIKO
SERI DEWI KELUARGA, MEI 2016
DALAM BENTUK AYAT

S1T3C	Anda yang bekerja dalam biang berkaitan menaip seperti wartawan atau penulis mungkin pernah mengalami masalah rasa nyeri atau sengal-sengal di bahagian pergelangan atau tapak tangan, bukan.
S2T3C	Ada kalanya berlarutan selama beberapa hari atau berminggu dan masalah ini tentunya menjelaskan kerja anda.
S3T3C	Dkenali sebagai Sindrom <i>Carpal Tunnel</i> .
S4T3C	Menurut Pakar Perunding Tangan & Pakar Bedah Mikro Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Dr.Terence Tay Khai Wei, ia merupakan suatu keadaan yang mungkin berlaku apabila saraf median, yakni saluran tunjang utama pada tangan dan jari menjadi mampat dalam terowong <i>Carpal</i> .
S4T3C	Terowong Carpal dibentuk oleh lapan tulang pergelangan tangan anda (<i>tunnel</i>) dan ligamen melintang <i>Carpal</i> .
S5T3C	Ia bertindak sebagai laluan di pergelangan tangan anda, dimana saraf median dan sembilan tendon melaluinya untuk mencapai tangan anda.
S6T3C	Mampatan saraf median, yang berlaku disebabkan oleh penurunan ruang di dalam terowong, mungkin disebabkan oleh keadaan seperti bengkak tisu pada lapisan terowong, pembendungan cecair, kehadiran sista simpul saraf, struktur otot yang tidak normal atau keadaan-keadaan lain.
S7T3C	Dalam banyak keadaan, puncanya masih tidak diketahui.
S8T3C	Anda mungkin merasakan seolah-olah tangan anda ‘tidur’.
S9T3C	Biasanya, jari telunjuk dan tengah adalah kawasan paling terjejas, tetapi ia juga boleh berlaku pada deria di sepanjang tangan anda.
S10T3C	Sekiranya gejala-gejala ini masih baru bermula, misalnya terasa kebas atau sakit sebaik terjaga daripada tidur, ia mungkin boleh dilegakan dengan cara menggoncang atau menyapu tangan anda.
S11T3C	Walau bagaimanapun, di peringkat lewat, rasa kebas berkenaan boleh jadi berterusan dan merimaskan.
S12T3C	Dalam kebanyakan kes, rawatan anda akan bermula dengan pendekatan bukan pembedahan yang boleh melegakan gejala-gejala berkaitan.
S13T3C	Ramai pesakit sembah daripada rasa sakit dengan mengubah aktiviti-aktiviti bagi mengurangkan tekanan dalam terowong <i>Carpal</i> , menggunakan <i>Wristlet</i> untuk menampung pergelangan tangan berada dalam kedudukan yang <i>neutral</i> .
S14T3C	Suntikan <i>steroid</i> juga boleh digunakan untuk melegakan gejala.
S15T3C	Ada juga yang mengambil ubat-ubatan (melalui mulut seperti makan atau minum) seperti vitamin B6 atau ubat-ubatan anti radang bukan <i>steroid</i> bagi tujuan sama.
S16T3C	Doktor anda akan melakukan pemeriksaan fizikal.
S17T3C	Kajian pengaliran saraf dan elektromiografi (<i>NCS/EMG</i>) mungkin akan digunakan untuk mengesahkan diagnosis dan menilai tahap keterukan keadaan.
S18T3C	Jika kaedah bukan pembedahan tidak berjaya, kaedah pembedahan mungkin diperlukan.

S19T3C	Matlamat cara pembedahan adalah bagi mengurangkan tekanan dalam terowong <i>Carpal</i> untuk mengurangkan mampatan saraf median.
S20T3C	Selain masalah Sindrom <i>Carpal Tunnel</i> , satu lagi yang walaupun jarang-jarang dihidapi tetapi juga merimaskan adalah <i>Sista Ganglion</i> (simpul saraf).
S21T3C	Ia adalah jisim benign yang biasanya ditemui di belakang pergelangan tangan dan hujung sendi pada jari.
S22T3C	Tumor atau ketulan ini biasanya timbul daripada sendi atau tendon.
S23T3C	Ia dipenuhi cecair tebal (cecair sendi) yang diselaputi sarung tebal.
S24T3C	Walaupun masih berlaku di bahagian tangan atau pergelangan tangan, tetapi simptomnya sedikit berbeza.
S25T3C	Kemunculan ketulan atau benjol di tangan atau pergelangan tangan.
S26T3C	Punca sista ini timbul mungkin berkaitan dengan masalah <i>artritis</i> atau radang di sekitar tendon.
S27T3C	Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, punca sebenarnya juga masih tidak diketahui.
S28T3C	Diagnosis terhadap <i>sista ganglion</i> biasanya dibuat dibahagian ketulan atau benjol berkenaan timbul.
S29T3C	Kadang-kadang x-ray adalah perlu untuk menolak keabnormalan tulang.
S30T3C	Dalam peratusan besar kes, <i>sista ganglion</i> tidak menyakitkan, tetapi bagi sesetengah pesakit, kesakitan adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti tertentu.
S31T3C	Sista ini boleh berubah saiz (mengecil) atau hilang sepenuhnya dengan sendiri.
S32T3C	Rawatan biasanya berkaitan dengan gejala.
S33T3C	Sekiranya tidak ada kesakitan yang dikaitkan dengan sista, biasanya rawatan adalah dengan pemerhatian doktor sahaja.
S34T3C	Penggunaan pendakap pergelangan tangan antara alternatif yang digunakan bagi membantu mengurangkan saiz sista tersebut.
S35T3C	Sekiranya kesakitan berkenaan dikaitkan dengan sista atau bersaiz besar dan tidak boleh dihilangkan/dirawat dengan cara biasa, penggunaan jarum mungkin diperlukan untuk mengeluarkan cecair di dalamnya.
S36T3C	Sista juga boleh dibuang melalui pembedahan.
S37T3C	Pembedahan ini meliputi penyingkiran sista dan membran sekitarnya dan lanjutan sista ke dalam sendi.
S38T3C	Terdapat juga peluang lebih baik bagi mengelak sista berulang selain pembedahan (walaupun sista masih boleh kembali) iaitu dengan teknik aspirasi.
S39T3C	Biasanya, <i>dressing</i> lembut atau balutan anduh akan digunakan untuk mengawal kesakitan selepas pembedahan.
S40T3C	Jahitan akan dikeluarkan 7 hingga 10 hari selepas prosedur.
S41T3C	Kadang-kadang terapi fizikal juga diperlukan jika kedapatan kekakuan terbentuk pada pergelangan atau jari tangan.

LAMPIRAN C ANALISIS TEKS UNTUK KESELURUHAN DATA

<u>Sumber Teks</u>	<u>Data</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
Wanita, Mac 2016 (M/S 102-103)	Teks 1	Cacar Air Ragut Nyawa Bayi Dalam Kandungan	183
Mingguan Wanita, Mac 2016 (M/S 78-79)	Teks 2	Serangan Senyap Radang Pelvis Bahaya Buat Wanita	189
Seri Dewi Keluarga, Mac 2016 (M/S 60-61)	Teks 3	Jangan Pandang Remeh Bells Palsy	196
Wanita, April 2016 (M/S 60-61)	Teks 4	Teratogen Picu Kelahiran Cacat	206
Mingguan Wanita, April 2016 (M/S 74-75)	Teks 5	Bahaya Hormon Tiroid Tidak Seimbang	211
Seri Dewi Keluarga, April 2016 (M/S 98-99)	Teks 6	Buasir Aduh! Rimasnya	219
Wanita, Mei 2016 (M/S 98-99)	Teks 7	Kawal Sindrom Polistik Ovari	230
Mingguan Wanita, Mei 2016 (M/S 60-61)	Teks 8	Migrain Sakit Kepala Dan Hormon	237
Seri Dewi Keluarga, Mei 2016 (M/S 62-63)	Teks 9	Sindrom Carpal Tunnel Dari Biasa Mungkin Beris	244

Label Singkatan yang Digunakan untuk Menganalisis Data

Elemen Transitiviti		Label Singkatan	
Proses	Material	Pro : Mat	
	Mental	Pro : Men	
	Verbal	Pro : Verb	
	Relational	Pro : Rel	
	Behavioral	Pro : Bhv	
	Existential	Pro : Ex	
Peserta	Actor	Act	
	Goal	Goal	
	Sensor	Sem	
	Phenomenon	Ph	
	Sayer	Sy	
	Verbiage	Verb	
	Receiver	Rcv	
	Target	Tar	
	Range	Ran	
	Behavior	Bhv	
	Carrier	Cr	
	Attribute	Att	
	Identified	Ide	
	Token	Tok	
	Value	Val	
	Existent	Ex	
Sirkumstan	Extent	distance	Circ : Ext : Dis
		Duration	Circ : Ext : Dur
		Frequency	Circ : Ext : Fre
	Location	Place	Circ : Loc : Plc
		Time	Circ : Loc : Tme
	Manner	Mean	Circ : Man : Mean
		Quality	Circ : Man : Qua
		Comparison	Circ : Man : Com
		Degree	Circ : Man : Deg
	Cause	Reason	Circ : Cau : Rea
		Purpose	Circ : Cau : Pur
		Behalf	Circ : Cau : Bhf
	Contingency	Condition	Circ : Cont : Cond
		Default	Circ : Cont : Def
		Concession	Circ : Cont : Cons
	Role	Guise	Circ : Rol : Gus
		Product	Circ : Rol : Pro
	Accompaniment	Comitative	Circ : Acc : Com
		Additive	Circ : Acc : Add
		Guise	Circ : Acc : Gus
		Product	Circ : Acc : Pro
	Matter		Circ : Matt
	Angle	Source	Circ : Ang : Sou
		Viewpoint	Circ : Ang : Viw

Kata-Kata yang Tidak Terlibat dalam Analisis Transitiviti dan Simbol yang Digunakan
untuk Menganalisis Data

Simbol	Penerangan
()	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kata Penegas (sahaja, hanya, memang, juga, pun, lagi, cuma...) ➤ Kata Bantu (sedang, telah, akan, masih, pernah) ➤ Kata Bantu Ragam (boleh, harus, mesti, patut, mahu, dapat, hendak..) ➤ Penanda Wacana (mungkin, jadi, lebih-lebih lagi...) ➤ Kata Sendi (dengan, untuk)
/	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kata Hubung (dan, atau, lalu, tetapi, supaya, manakala, sekiranya, jika, bahawa, untuk , manakala, walaupun....) ➤ Kata Nafi (bukan, tidak)
[]	Klausa <i>Embedded</i>

LAMPIRAN C : TEKS 1 :CACAR AIR RAGUT NYAWA BAYI DALAM KANDUNGAN

WANITA, MAC 2016

DALAM BENTUK AYAT

S1T1A	Tidak kira apa juga penyakit yang datang menyerang, wanita hamil perlu sentiasa peka dengan kondisi diri.						
	[Tidak kira apa juga]	penyakit	(yang) datang menyerang,	wanita hamil	perlu sentiasa	peka	dengan kondisi diri
		Act	Pro : Mat	Sen	Circ : Ext : Fre	Pro : Men	Circ : Man: Mean
S2T1A	Lebih-lebih lagi apabila diri disahkan menghidap cacar air atau chicken pox yang berpunca daripada jangkitan virus varisela-zoster.						
	Lebih -lebih lagi	apabila	diri	disahkan	menghidap cacar air atau chicken pox	yang berpunca daripada jangkitan virus varisela-zoster.	
	/	Circ : Loc : Tme	Tar	Pro : Men	Ph	Circ: Cau: Rea	
S3T1A	Bukan hanya mengakibatkan kesakitan dan ketidakselesaan kepada si ibu, virus cacar air yang tersebar menerusi medium udara tercemar dengan bendalir badan pesakit seperti kahak dan air liur juga menimbulkan gangguan radang paru-paru (pneumonia)						
	Bukan hanya	mengakibatkan	kesakitan dan ketidakselesaan kepada si ibu,	virus cacar air	yang tersebar		
	/	Pro : Mat	Goal	Act	Pro Mat		
	menerusi medium udara	tercemar	(dengan) bendalir	badan pesakit	[seperti kahak dan air liur]		
	Circ : Man : Mean	Circ : Man: Qua	Pro : Mat	Goal			
	(juga) menimbulkan	gangguan radang paru-paru (pneumonia)					
	Pro : Mat	Goal					

S4T1A	Serangan virus tersebut turut mendedahkan bayi dalam kandungan kepada beberapa siri gangguan kesihatan yang agak kronik.					
	Serangan virus tersebut	turut mendedahkan	bayi	dalam kandungan	kepada beberapa siri gangguan kesihatan	yang agak kronik.
	Act	Pro : Mat	Goal	Circ: Loc: Plc	Circ : Matt	Circ : Man : Deg
S5T1A	Antaranya keguguran, kecacatan semasa lahir seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.					
	Antaranya	keguguran, kecacatan	semasa	lahir	[seperti parut, masalah mata dan anggota badan yang pendek.]	
	/	Goal	Circ : Loc: Tme	Pro : Mat		
S6T1A	Sungguhpun begitu, kemungkinan bayi untuk berdepan dengan risiko gangguan kesihatan berbahaya itu bergantung kepada usia kandungan saat ibu dijangkiti cacar air.					
	Sungguhpun begitu	(kemungkinan) bayi	(untuk) berdepan	dengan risiko gangguan kesihatan	berbahaya itu	
	/	Act	Pro: Mat	Goal	Ran	
	bergantung kepada usia kandungan saat		ibu	dijangkiti	cacar air	
	Circ : Loc: Tme		Act	Pro : Mat	Goal	
S7T1A	Janin atau bayi berada dalam risiko tinggi dan nyawa si kecil boleh terancam.					
	Janin atau bayi	berada	dalam risiko	tinggi	dan	nyawa si kecil
	Actor	Pro : Mat	Goal	Circ : Man:Deg	/	Goal
	Pro : Mat					
S8T1A	Kehaan menjadi semakin kronik apabila bayi tidak mendapat sokongan antibodi daripada ibu sehingga melemahkan sistem imunisasinya untuk melawan penyakit secara sendirian.					
	Kehaan	menjadi	semakin kronik	apabila		

	Cr	Pro : Rel : Att	Att	Circ : Loc : Tme
	bayi	tidak	mendapat	sokongan antibodi
	Act	/	Pro : Mat	Goal
	sehingga melemahkan sistem imunisasinya		untuk melawan serangan penyakit secara sendirian.	
	Circ : Matt		Circ : Cau : Pur	
S9T1A	Pun begitu, sebagai ibu, anda jangan mudah berasa panik.			
	(Pun begitu)	sebagai ibu	anda	(jangan) mudah berasa panik
		Circ : Rol : Gus	Sen	Circ : Man : Qua Pro : Men
S10TA	Kebiasaannya, bayi akan diberi suntikan varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibodi terhadap cacar air bagi melawan serangan virus tersebut.			
	Kebiasaannya, bayi	(akan) diberi	suntikan	[varicella-zoster immune globulin (VZIG) yang mengandungi antibody]
	Bnf	Pro : Mat	Goal	
	terhadap cacar air		bagi melawan serangan virus tersebut	
	Goal		Circ : Cau : Pur	
S11TA	Selain itu, rawatan antiviral menggunakan acyclovir juga antara teknik perubatan yang akan dilaksanakan oleh doktor bagi menyelamatkan bayi.			
	Selain itu	rawatan antiviral menggunakan acyclovir	juga antara teknik perubatan	(yang akan) dilaksanakan oleh doktor bagi menyelamatkan bayi.
	/	Cr	Att	Pro : Mat Act Goal
S12TA	Bayi berdepan jangkitan cacar air, namun simptom-simptomnya mungkin tidak muncul kerana perlalian daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.			
	Bayi	berdepan	jangkitan cacar air	namun
	Act	Pro : Mat	Goal	/

	simptom-simptomnya	(mungkin tidak)	muncul	kerana perlalian daripada badan anda telah disalurkan kepadanya.	
	Act	/	Pro : Mat	Circ : Cau : Rea	
S13TA	Bayi anda berkemungkinan besar tidak akan terjejas dengan jangkitan penyakit ini.				
	Bayi anda	berkemungkinan besar	tidak akan	terjejas	dengan jangkitan penyakit ini.
	Act	Circ : Man : Deg	/	Pro : Mat	Goal
S14TA	Pun begitu, bayi berisiko untuk mendapat penyakit kayap.				
	(Pun begitu)	bayi	berisiko	untuk mendapat penyakit kayap	
		Act	Pro : Mat		Goal
S15TA	Risiko bayi berhadapan dengan komplikasi akibat cacar air amat rendah sehingga kurang daripada satu peratus.				
	Risiko bayi	berhadapan	dengan komplikasi	akibat cacar air	amat rendah [sehingga kurang daripada satu peratus].
	Act	Pro : Mat	Goal	Circ : Cau: Rea	Circ : Man : Deg
S16TA	Elakkan diri dan anak menjadi mangsa penyakit ini dengan mengambil tahu tentang simptom penyakit cacar air bagi mencegah komplikasi serangan.				
	Elakkan /	diri dan anak Cr	menjadi Pro :Rel: Att		mangsa penyakit ini Att
	(dengan) mengambil tahu	tentang simptom penyakit cacar air		bagi mencegah komplikasi serangan.	
	Pro : Men	Circ : Matt		Circ : Cau : Rea	
S17TA	Pesakit akan mula mengalami demam selepas lapan hingga 13 hari setelah dijangkiti virus (tempoh inkubasi).				
	Pesakit Rcv	(akan) mula mengalami Pro : Mat	demam Goal	selepas lapan hingga 13 hari Circ : Loc : Tme	setelah dijangkiti virus (tempoh inkubasi).

S18TA	Ruam biasanya keluar pada hari keempat serangan virus.						
	Ruam	(biasanya) keluar	pada hari keempat serangan virus				
	Act	Pro : Mat		Circ : Loc : Tme			
S19TA	Ruam demam cacar air sangat unik kerana hadir dengan begitu banyak sehingga bersambung menjadikan satu tompok besar.						
	Ruam demam cacar air	sangat unik	kerana hadir dengan begitu banyak sehingga bersambung menjadikan satu tompok besar.				
	Tok	Val	Circ : Cau :Rea				
S20TA	Ruam biasanya bermula dari muka dan merebak ke arah badan dan akhirnya ke kaki.						
	Ruam	(biasanya) bermula dari muka	dan	merebak	ke arah badan dan akhirnya ke kaki.		
	Act	Circ : Loc : Plc	/	Pro : Mat	Circ : Loc : Plc		
S21TA	Air kelapa sememangnya bermanfaat.						
	Air kelapa	sememangnya bermanfaat					
	Tok	Val					
S22TA	Ambil beberapa helai daun jambu batu, kemudian tumbuk sehingga lumat.						
	Ambil	beberapa helai daun jambu batu	kemudian	tumbuk	sehingga lumat		
	Pro : Mat	Goal	Circ : Loc: Tme	Pro: Mat	Goal		
S23TA	Campurkan bersama bedak sejuk dan sapu pada badan.						
	Campurkan	bersama bedak sejuk	dan	sapu	pada badan		
	Pro : Mat	Circ : Acc : Com	/	Pro : Mat	Goal		
S24TA	Air daun jambu batu yang diramas juga boleh dibuat air mandian.						
	Air daun jambu batu	(yang) diramas	(juga) boleh dibuat	air mandian			
	Goal	Pro : Mat	Pro : Mat	Goal			
S25TA	Mandi dengan air daun bambu setiap hari sehingga bintik-bintik						

